

**PENTADBIRAN HARTA PUSAKA GSA DALAM SISTEM PENTADBIRAN
TANAH NEGARA DAN BAGI TANAH FELDA**

MOHD YASSIN BIN MOHD YUSUF

**Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah)**

**Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi
Universiti Teknologi Malaysia**

April 2010

DEDIKASI

Buat Emak, Meriam binti Salleh yang ku sayangi.....sentiasa mendoakan kejayaanku.

Buat Isteri, Roziah binti Jaamin yang di cintai.....sentiasa berada di belakangku walaupun dalam keadaan keuzuran yang teramat sangat tetapi ALLAH memberikan kekuatan untukmu menyokong dan memberikan peransang kepada kejayaanku.

Buat Anakku, Mohd Khairul Anwar yang di kasihi, jadilah anak yang solih dan sebagai panduan untukmu lebih berusaha bagi kejayaan masa hadapan yang lebih cemerlang dan gemilang.

Buat Kekandaku, Mariani binti Mohd Yusof yang ku sanjungi..... terima kasih atas pengorbananmu yang tiada nilai balasan yang boleh ku berikan buat mu.

Para Pensyarah dan Warga Pendidik yang ku hormati..... terima kasih atas ilmu yang dicurahkan dan tidak dapat dibalas. Halalkan segalanya.

Sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuangan yang ku ingati dan kenangi..... segala kenangan dan kemesraan kita bersama dalam kursus ini akan kukuh dalam ingatan selamanya.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi. Sakalung budi dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan penulisan ini. Terutamanya kepada Prof Dr Megat Mohd Ghazali, Megat Abd Rahman, Dr Khadijah Hussin, En. Kamaruzaman Abd Rasid yang banyak memberikan tunjuk ajar dan sokongan. Penghargaan juga untuk individu-individu dan jabatan-jabatan yang terlibat membantu dalam memberikan maklumat dan pandangan dalam menyiapkan tugas ini yang tidak dapat dinyatakan namanya satu-persatu.

ABSTRAK

Setiap manusia yang hidup akan pasti mati. Begitulah kesudahan hidup manusia di dunia ini. Apabila seseorang itu meninggal dunia urusan pengebumian telah selesai, menjadi tanggungjawab waris-waris untuk menyelesaikan harta peninggalan simati dengan terlebih dahulu menjelaskan hutang-hutangnya, menunaikan wasiatnya jika ada dan akhirnya membahagikan harta itu kepada waris yang berhak mewarisinya. Keadaan yang sama berlaku kepada masyarakat FELDA jika berlaku kematian. Walaupun demikian, tanah FELDA mempunyai keunikan yang tersendiri iaitu tidak boleh dimiliki melebihi dari dua orang dan tidak boleh dipecah bahagi. Jika berlaku kematian dan simati meninggalkan waris-waris yang ramai, maka nama waris-waris tidak boleh kesemuanya boleh didaftarkan di dalam hakmilik dan keadaan ini berbeza dengan tanah yang tidak diwartakan di bawah GSA 1960. Justeru itu, satu kajian di laksanakan di FELDA Wilayah Raja Alias, Negeri Sembilan iaitu Rancangan FELDA Raja Alias Satu, FELDA Raja Alias Empat, FELDA Palong Empat dan FELDA Palong 5 bagi melihat masalah pembahagian pusaka kecil Peneroka FELDA dan hubungannya dengan Hukum Faraid serta pindaan Seksyen 14 dan 15 Akta 530 serta kesankan kepada pewarisan harta tersebut. Selain daripada itu, kesan Perlantikan Pentadbir atas perintah yang dikeluarkan di kaji samada pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan harta pusaka ini memahami atau tidak. Disamping itu, kajian ini mengesan percanggahan peruntukan seksyen 14 Akta 530 pembahagian harta pusaka ini di buat secara faraid. Data Primer yang diperolehi melalui temubual dengan Pegawai Pusaka Kecil, Pengurus Rancangan, Peneroka, Pengurusan FELDA, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol dan Petugas-petugas FELDA yang terlibat dalam mengendalikan kes-kes pusaka Peneroka FELDA. Data Sekunder pula diperolehi melalui pembacaan buku-buku teks, kerts seminar, kajian terdahulu, akta-akta, enakmen-enakmen, dan perkeliling serta panduan yang terleibat dalam urusan pembahagian harta peneroka ini. Data ini telah di analisis secara kualitatif dan deskriptif. Penemuan kajian ini mendapati bahawa punca utama daripada masalah pembahagian harta pusaka peneroka FELDA adalah ketidakarifan di peringkat Pengurus FELDA, Waris-waris ,Pegawai Pembahagian Pusaka Kecil , Penolong Pentadbir Tanah dan Petugas-petugas FELDA di peringkat rancangan. Segala penemuan dan cadangan penyelesaian di dalam kajian ini dapat menjadi pemangkin kepada pindaan kepada Akta 530, Pindaan Akta Tanah GSA 1960 dan memperkemaskan lagi sistem pengurusan harta pusaka peneroka FELDA di seluruh Malaysia

ABSTRACT

Every human life will certainly die. That was the end of human life in this world. When a person dies funeral business has been completed, the responsibility of the heirs to settle the inheritance with the deceased prior settle debts, fulfill his will, if any, and finally dividing the property to the heirs entitled to inherit. The same happened to the community FELDA death. However, FELDA land has its own uniqueness that can not be held more than two people and can not be subdivided. In the event of death and the deceased left heirs of many, the name of the heirs can not all be registered in the title and this situation is not different from the land was gazetted in 1960 under the GSA. Therefore, a study carried out in FELDA Region Raja Alias, Negeri Sembilan which FELDA Raja Alias One, Felda Raja Alias four, FELDA troughs four and FELDA troughs 5 to see a small estate division problem FELDA settlers and their relationship with the Law and the amendment to Section Faraid 14 and 15 of Act 530 and effected to the inheritance. In addition, the effect of appointment of the Administrator issued the order under review whether the parties involved in the management of the estate is to understand or not. In addition, this study detected a conflict of the provisions of section 14 of Act 530 is the distribution of the estate was in faraid. Primary data obtained through interviews with the Small Estate Officer, Programme Manager, settlers, FELDA Management, Assistant Administrator of the Land Registry and Task-Jempol FELDA staff involved in handling cases of inheritance FELDA Settlers. Secondary data were obtained by reading text books, seminar paper, previous studies, acts, enactments, enactments, and circular and guidance in dealing with the division of property involve these settlers. Data were analyzed qualitatively and descriptively. The findings showed that the main cause of the problem division of inheritance is understand of Felda settlers at Felda Manager, Heir, heir, Small Estates Distribution Officer, Assistant Administrator of the Land and the Task-force at the FELDA scheme. Findings and proposed solutions in this study can be a catalyst for the amendment to the Act 530, Amendment of Land Act 1960 and further GSA legacy management system of FELDA settlers throughout the country..

SENARAI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKASURAT
	PENGESAHAN PENYELIA	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Kenyataan Masalah	5
	1.3 Matlamat	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Skop Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	11
	1.7 Metodologi Kajian	12
	1.8 Susunatur Bab	14

2.	PENTADBIRAN HARTA PUSAKA GSA 1960 DALAM SISTEM PENTADBIRAN TANAH NEGARA DAN BAGI TANAH FELDA.	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Definisi Harta Pusaka	17
2.3	Kaedah Pembahagian Tanah Pusaka FELDA	21
2.4	Masalah Pembahagian Harta Pusaka Peneroka FELDA Di Bawah Tanah GSA 1960 (Akta 530)	24
2.5	Penyelesaian Masalah Pembahagian Harta Pusaka Peneroka FELDA	28
2.6	Kesimpulan	41
3.	LATAR BELAKANG UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN PUSAKA ORANG ISLAM DI MALAYSIA	
3.1	Pengenalan	42
3.2	Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Pentadbiran Pusaka Di Malaysia	44
3.3	Pihak Terlibat Dalam Pembahagian Harta Pusaka	50
3.4	Bidang Kuasa ARB Terhadap Pentadbiran Harta Pusaka	52
3.5	Pembahagian Harta Pusaka Menurut Syarak	53
3.6	Konsep Harta Pusaka Menurut Syarak	54
3.7	Hukum Berkenaan Faraid	55
3.8	Pensyariatan Pembahagian Harta Pusaka	56
3.9	Rukun-Rukun Pewarisan	59
3.10	Syarat Perwarisan	60
3.11	Sebab-Sebab Pewarisan	62
3.12	Penghalang Kepada Pewarisan	66
3.13	Jenis Harta Pusaka Di Dalam Syarak	68
3.14	Hak-Hak Yang Berkaitan Dengan Harta Pusaka	69
3.15	Perlaksanaan Wasiat	72

3.16	Waris-Waris Menurut Syarak	74
3.17	Cara Pembahagian Harta Pusaka Menurut Syarak	76
3.18	Panduan Permohonan Pembahagian Pesaka Kecil	95
3.19	Kesimpulan	100
4.	PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA TANAH GSA 1960	
	KAJIAN KES FELDA WILAYAH RAJA ALIAS	
4.1	Pengenalan	102
4.2	Latar Belakang FELDA	102
4.3	Kawasan Kajian: Rancangan FELDA Raja Alias 1, FELDA Raja Alias 4, FELDA Palong 4 dan FELDA Palong 5, Daerah Jempol. Negeri Sembilan	104
4.4	Kesimpulan	112
5.	ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN	
5.1.	Pengenalan	113
5.2	Kaedah Kajian	113
5.3	Analisis Pembahagian Harta Pusaka Bagi Rancangan FELDA Terpilih	115
5.4	Analisis Kematian Peneroka Bagi Rancangan FELDA Terpilih	116
5.5	Analisis Kaedah Penyelesaian Pembahagian Harta Pusaka Peneroka FELDA di Wilayah Raja Alias	118
5.6	Analisis Pembahagian Yang Bercanggah Dengan Seksyen 14 Akta 530	120
5.7	Analisis Kaedah Penyelesaian Pilihan Oleh Waris Peneroka	126
5.8	Penemuan Kajian	128
5.9	Masalah Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Mengikut Faraid dan Bercanggah Seksyen 14 Akta 530	137
5.10	Kesimpulan	138

6. KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	141
6.2	Pencapaian Objektif Kajian	142
6.3	Cadangan Penyelesaian Masalah Pusaka Tanah FELDA	144
6.4	Masalah Kajian	151
6.5	Limitasi Kajian	152
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	152
6.7	Kesimpulan	153

BIBLOGRAFI

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
5.1	Jumlah Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Yang Terpilih Sehingga Disember, 2009	115
5.2	Rancangan Belum Di Kurniakan Hakmilik	117
5.3	Rancangan Yang Di Kurniakan Hakmilik	118
5.4	Maklumat Pembahagian Harta Pusaka Felda Penurunan Milik Secara Kekal dan Perlantikan Pentadbir	119
5.5	Pembahagian Pusaka Yang Bercanggah Dengan Sek 14 GSA 1960	121

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta Aliran Metodologi Kajian	15
5.1	Kaedah Penyelesaian Yang Di Laksanakan Di Kawasan FELDA Terpilih	127

SENARAI SINGKATAN

ARB	Amanah Raya Berhad
ASN	Amanah Saham Nasional
ASB	Amanah Saham Bumiputra
CAC	Consolidated Annual Charge
FELDA	Federal Land Development Authority
GSA	Group Settlement Areas
INSTUN	Institut Tanah Dan Ukur Negara
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah Persekutuan
JKKK	Jawatan Kuasa Kemajuan Kampong
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
ROH	Registers Of Holding
RISDA	Rubber Industries Small Development Authority
SKB	Sistem Komputer Beristergrasi
UiTM	Universiti Teknologi Mara

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

- | | |
|----------|-------------------------------|
| A | Perkeliling JKPTG Bil. 2/2003 |
| B | Perkeliling JKPTG Bil. 1/2004 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 di gubal berdasarkan kepada Peruntukan di bawah Artikel 76 (4) Perlembagaan Persekutuan. Akta ini diguna pakai untuk semenanjung Malaysia kecuali Pulau Pinang dan Melaka berkuat kuasa pada 30 Mei 1960 dan kemudiannya dipinda untuk memasukkan kedua-dua negeri ini pada 1 Januari 1966. Tujuan pindaan ini adalah untuk menyeragamkan perlaksanaannya di setiap negeri di Semenanjung Malaysia terutamanya dari segi polisi serta kuasa eksekutif kepada Pihak Berkuasa Negeri di setiap negeri yang terlibat.

Matlamat utama penggubalan akta ini adalah bagi mewujudkan satu penempatan baru yang terancang dengan menyediakan sumber-sumber ekonomi berdasarkan pembukaan ladang-ladang oleh agensi pelaksana. Pembangunan yang terancang ini berdasarkan kepada peraturan-peraturan dan sekatan-sekatan yang ada dalam Akta ini bagi menjamin penghasilan kepada sumber perladangan yang akan diperolehi dengan cara yang maksimum oleh semua peneroka. Selain daripada tujuan itu, ianya juga adalah untuk membasmi kemiskinan melalui pengurniaan tanah kepada rakyat yang tidak mempunyai tanah untuk diusahakan dalam sektor perladangan dengan kaedah yang lebih komersial melalui tunjuk ajar oleh agensi pelaksana.

Akta ini telah mengalami beberapa pindaan dalam beberapa peraturan dan sekatan-sekatan bagi menyesuaikan dengan suasana perkembangan semasa yang berlaku pada hari ini. Dalam perkembangan ekonomi dan sosio-politik semasa terhadap masyarakat di tanah-tanah rancangan ini, maka Pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian supaya Akta ini relevan dengan perkembangan semasa. Di antara pindaan Akta ini adalah:-

- i) Pindaan pada tahun 1965 antara lain melibatkan perjanjian antara agensi-agensinya pembangunan tanah dengan Pihak Kerajaan Negeri, pengisytiharan kawasan penempatan berkelompok dan pembangunan tanah oleh koperasi yang di kelolakan oleh agensi pelaksanaan.
- ii) Pindaan pada tahun 1982 antara kandungannya pada ketika ini adalah mengenai penyerahan hak pendudukan dalam kawasan menunggu hakmilik dan penamatan atau pembatalan kawasan-kawasan penempatan berkelompok.
- iii) Pindaan pada tahun 2002 antara kandungannya melibatkan seksyen 12,14 dan 15 yang membolehkan pegangan desa di bermilik dan boleh dimiliki secara bersama yang tidak boleh melebihi dua orang pemilik. Pindaan ini dibuat supaya isteri, bekas isteri atau waris kadim boleh di daftarkan nama secara bersama dengan peneroka dalam hakmilik yang di dikeluarkan atau yang masih menunggu hakmilik (Khamis Mat Som:2006).

Masalah dalam proses pembahagian harta pusaka peneroka wujud apabila berlakunya konflik atau pertikaian antara waris dalam menentukan waris yang berhak menerima bahagian ke atas harta tersebut. Keadaan ini turut berlaku dalam pembahagian harta pesaka biasa tetapi pembahagian harta pusaka peneroka berbeza apabila hanya seorang atau dua orang waris sahaja yang nama boleh di daftarkan dalam hakmilik tanah berkenaan. Hal ini berkait rapat dengan sekatan yang dikenakan di bawah peruntukan seksyen 14, Akta 530. Selain dari pertikaian antara waris, terdapat juga waris yang tidak mengetahui prosedur pembahagian harta pusaka. Hal ini boleh dilihat apabila waris gagal menyediakan dokumen yang diperlukan untuk permohonan pembahagian harta pesaka. Masalah yang wujud

dalam proses pembahagian harta pusaka akan mengakibatkan berlakunya kelewatan dan keadaan ini akan member kesan kepada ekonomi dan sosial peneroka. Terdapat juga harta peneroka FELDA yang proses pembahagiannya tidak dipohon oleh waris-waris atau pihak lain yang berkepentingan dan bertanggungjawab. Antara faktor yang mempengaruhi hal ini adalah salah tanggapan tentang konsep mempercepatkan pembahagian harta pusaka dan sifat masyarakat yang terlalu bersopan dalam hal-hal kekeluargaan seperti harta pusaka. Terdapat juga waris yang tidak mempunyai pengetahuan tentang hal pembahagian harta pusaka ini, dan sebilangan waris-waris menaruh harapan kepada anak sulung untuk menyelesaikan semua urusan pembahagian harta pusaka dan anak sulung tidak berminat atau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Selain itu, penangguhan ini turut berlaku apabila waris tidak mahu harta pusaka tersebut jatuh ke tangan orang lain kerana selesa dengan keadaan sedia ada dan pertelingkahan antara waris yang mengakibatkan mereka tidak bertegur sapa, akibatnya hal-hal harta pusaka lansung tidak di bincangkan sehingga bertahun-tahun. Penangguhan ini dilaksanakan sehinggakan beberapa tahun dan terdapat juga harta pusaka yang di tangguhkan proses pembahagiannya sehingga berpuh tahun (Wan Halim Wan Hassan,2006)

Isu pembahagian harta pusaka peneroka ini wujud kerana keunikannya iaitu berlainan dengan harta pusaka biasa. Terdapat pelbagai sekatan yang perlu di patuhi di bawah Akta Tanah (Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta 530). Sekatan dan keunikan tersebut adalah, tidak membenarkan tanah peneroka FELDA didaftarkan lebih dari dua orang pemilik yang di kira sebagai pemilik bersama (Seksyen 14), tanah ini tidak boleh dipecah bahagi atau di pajak sebahagian atau keseluruhan (Seksyen 15), menghadkan pegangan Bandar sebagai perumahan, kegunaan awam, perdagangan dan lain-lain kegunaan seperti yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri (Seksyen 7 (3)). Pembahagian harta pusaka peneroka di bawah Akta 530 ini tidak boleh dilaksanakan mengikut undang-undang syariah dan adat bagi peruntukan atau perkara-perkara yang bertentangan dengan Akta 530 ini. Bagi harta pusaka biasa perundangan berkaitan syariah,adat dan lain-lain digunapakai, sebagaimana yang telah diterangkan proses pembahagian harta pusaka peneroka FELDA tidak boleh melibatkan pecah bahagi tanah, dipajak atau di gadaikan. Bagi kaedah penyelesaiannya yang dilaksanakan dengan penjualan apabila waris tidak

mempunyai jalan penyelesaian. Pembelinya perlu memenuhi syarat yang di peruntukan dibawah Seksyen 19 Akta 530. Kaedaan ini tidak seperti harta tanah lain yang boleh dipecah bahagi,digadai, dijual kepada sesiapa selagi tidak bertentangan dengan perundangan terlibat.

Sekatan di bawah Akta 530 yang diwujudkan pada tahun 1960an ini selaras dengan matlamat penubuhan FELDA pada tahun 1956. Matlamat penubuhan FELDA ini adalah untuk memberikan milik tanah-tanah yang berskala besar kepada penduduk luar Bandar untuk dimajukan supaya menjadikan kawasan pertanian yang lebih ekonomik dan berdayasaing. Oleh itu, tidak hairanlah tanah ini diletakkan sekatan-sekatan yang sedemikian dan mengekalkannya sebagai tanah pertanian yang berdayasaing dan ekonomik.

Masalah pembahagian harta pusaka peneroka FELDA yang timbul samada dalam proses pembahagian harta pusaka atau permohonan yang langsung tidak dilaksanakan akan mengakibatkan pelbagai masalah kepada waris-waris peneroka dan pihak lain yang terlibat. Masalah ini memberikan kesan kepada ekonomi dan sosial kepada waris-waris yang peneroka yang masih hidup. Kesan negatif kepada ekonomi waris-waris peneroka ini berlaku bagi tanah pusaka yang tidak diusahakan dan bagi tanah pusaka yang diuruskan oleh pentadbir dalam jangka masa yang terlalu lama sehingga berpuluh tahun. Bagi tanah pusaka yang tidak diusahakan, waris tidak dapat menikmati hasil tanah tersebut. Harta pusaka yang di tadbirkan oleh pentadbir pula memberikan kesan negatif ekonomi kepada waris-waris apabila hasil harta pusaka yang belum di turun milik terpaksa di bahagikan kepada semua waris yang berhak. Masalah akan timbul apabila bilangan waris bertambah akibat kematian berlapis waris dan hasil pendapatan terpaksa dibahagikan kepada semua waris dan hasil tersebut menjadi terlalu sedikit untuk dinikmati oleh semua waris.

Masalah sosial pula wujud apabila hutang tidak dapat dijelaskan dan wasiat tidak disempurnakan oleh waris. Hal ini akan memberi kesan negatif kepada nama baik simati dan melibatkan pandangan serong masyarakat kepada keluarga si mati. Selain itu, perbalahan yang berlaku di antara waris dalam menentukan pemilikan harta pusaka peneroka akan merenggangkan hubungan kekeluargaan. Bagi orang

Islam pula pembahagian harta pusaka yang tidak dapat di selesaikan dengan segera akan mengakibatkan penguasaan secara batil iaitu harta pesaka tersebut dinikmati oleh waris yang tidak sepatutnya (Wan Abd Halim Wan Hassan, 2006). Pembahagian harta pusaka yang tidak dapat diselesaikan ini akan menimbulkan kesan sosial yang negatif apabila timbul isu penindasan harta anak yatim. Masalah ini juga akan mengakibatkan perpecahan keluarga yang seterusnya akan mewujudkan kesan negatif kepada masyarakat seperti keruntuhan moral dan pegangan hidup.

Isu penurunan milik harta pusaka peneroka yang berterusan sehingga hari ini member kesan kepada generasi kedua apabila tanah pesaka terbiar akibat konflik yang menghalang pembangunan. Masalah ini boleh dibahagikan kepada sebelum dan selepas suratan hakmilik diperolehi. Dalam ini isu pemilikan hartanah di bawah Akta 530 hanya akan ditumpukan kepada pembahagian harta tanah pusaka dan akan merangkumi pembahagian harta pusaka sebelum dan selepas suratan hakmilik di daftarkan. Pembahagian harta pesaka di bawah Akta 530 amat penting bagi memastikan pembangunan Tanah Penempatan Berkelompok tidak terjejas akibat konflik. Kajian ini penting bagi melihat permasalahan sebenar dalam pembahagian harta pusaka peneroka Kawasan Penempatan Berkelompok dan penyelesaian yang telah dan sedang dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini yang berkaitan dengan Seksyen 14 dan 15 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

1.2 Kenyataan Masalah

Harta Pusaka peneroka FELDA mempunyai keunikan tersendiri yang mengakibatkan timbulnya masalah yang berlainan dengan harta pusaka biasa dalam pembahagian harta pusaka tersebut. Hal ini berkait rapat dengan sekatan di bawah Akta 530. Sekatan yang melibatkan seksyen 14,15 dan 17 dan seksyen 7 (3) Akta 530. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 di tubuhkan untuk membuka kawasan penempatan berkelompok bagi membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat serta membentuk keseragaman undang-undang dan dan dasar. Keseragaman ini meliputi pembukaan kawasan-kawasan penempatan

berkelompok, syarat-syarat pemberimilikan dan pendudukan atas tanah yang ditetapkan. Peruntukan dalam Akta 530 ini membolehkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melaksanakan rancangan pembangunan tanah secara besar-besaran di sesebuah negeri.

Dalam Akta 530 ini pemilikan harta pusaka tanah FELDA hanya boleh dimiliki oleh seorang hingga dua orang waris sahaja. Oleh itu tidak hairanlah wujud pertikaian untuk menentukan pemilik selepas peneroka meninggal dunia. Dalam proses peralihan kuasa kepada waris-waris peneroka ini, banyak isu-isu yang berkaitan perwarisan telah wujud. Oleh itu, apabila peneroka meninggal dunia akan berlaku kekeliruan dikalangan ahli waris tentang pengurusan harta pusaka, dimana mereka akan mempertikaikan siapa yang paling berhak atas tanah ini dan siapakah yang akan menguruskan harta ini serta membahagikan hasil dari harta ini. Kekeliruan ini akan menjadi lebih konflik apabila peneroka berkenaan mempunyai isteri lebih dari seorang dan mempunyai anak-anak dengan isteri-isteri yang di tinggalkan. Persoalan akan wujud dimana isteri manakah yang paling layak memiliki harta tersebut?

Dalam isu tanah GSA 1960 ini ianya mempunyai dua pemilikan iaitu semasa pendaftaran hakmilik dan juga sebelum pendaftaran hakmilik dan nama-nama peneroka di daftarkan dalam Daftar Pegangan (Register of Holdings). Hakmilik yang di daftarkan oleh Pejabat Tanah mengandungi sekatan kepentingan yang menjelaskan bahawa tanah ini tidak boleh di daftarkan melebihi dari seorang pemilik. Dengan adanya sekatan kepentingan didalam hakmilik ini, maka sudah pasti ada pertembungan dengan peraturan yang diguna pakai sebelum ini berbanding dengan pindaan terbaru dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang membenarkan tanah rancangan di daftarkan nama pemilik dengan tidak melebihi dua orang. Dalam melaksanakan pindaan terbaru ini berlaku salah tafsiran dan ketidakarifan Pengurusan FELDA dan Pejabat Tanah untuk bersama-sama menyelesaikan harta pusaka peneroka di tanah rancangan FELDA, apabila berlaku kematian peneroka samada sebelum hakmilik didaftarkan atau selepas hakmilik didaftarkan. Akibat daripada kekeliruan ini maka penurunan milik kepada waris-waris peneroka yang berhak akan mengakibatkan harta tersebut tidak dapat

diuruskan dan menjadi terbiar serta tidak lagi boleh memberikan hasil kepada waris-waris peneroka.

Dalam Kontek Tanah GSA terdapat kekangan statut dari segi pemilikan lebih dari dua orang. Perlantikan Pentadbir di kalangan waris yang tidak arif dari sudut perundangan untuk mentadbir harta tersebut dan tiada pengetahuan tentang kaedah pembahagian harta tersebut seperti mana yang di persetujui oleh semua waris-waris.

Dalam kajian ini, isu yang akan dibincangkan adalah berkaitan pembahagian harta pusaka dalam Tanah GSA 1960 dan kekangan undang-undang serta bidang kuasa untuk membuat pembahagian harta pusaka dan penguatkuasaan kepada keputusan pembahagian harta pusaka tersebut, dan kesannya keatas generasi FELDA pada masa hadapan supaya memenuhi kehendak semua waris berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada pada masa kini.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji cadangan menyelesaikan masalah Harta Pusaka Orang Islam dalam Akta Tanah GSA 1960.

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti Pentadbiran Tanah Pusaka GSA 1960 di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Negara.
- ii. Mengkaji percanggahan peruntukan undang-undang Tanah GSA 1960 dengan Hukum Faraid dan permasalahan perwarisan.
- iii. Mencadangkan satu kaedah penyelesaian masalah Pusaka Tanah GSA 1960

1.5. Skop Kajian

Kajian ini secara khususnya dilaksanakan ini di bawah bidangkuasa Pejabat Tanah atau Pejabat Pembahagian Pusaka sahaja. Kajian di lihat sangat penting kerana hakmilik yang diperolehi oleh peneroka yang telah meninggal dunia mulai bertambah dari masa ke semasa. Dalam suasana perkembangan ekonomi semasa ini, sudah pasti timbul bermacam masalah untuk memajukan tanah-tanah ini.

Melalui kajian perpustakaan yang dibuat, penulis telah mendapati telah ada beberapa kajian-kajian yang terdahulu bagi tanah-tanah yang terlibat dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tetapi kajian yang di buat ini mempunyai pendekatan dan aspek yang berbeza dan menumpukan hanya beberapa kawasan yang terpilih untuk dibuat perbandingan.

Dalam satu kajian yang di buat oleh Tengku Maimun Tuan Mat pada tahun 1981/1982 bertajuk “Satu kajian Sistem Perwarisan FELDA-Dengan merujuk kepada Pusaka Islam” ada menyatakan tentang bagaimana kaedah perwarisan ketika itu bagi tanah-tanah Felda. Kajian itu menyatakan serba sedikit tentang cara pembahagian harta pusaka untuk orang Islam iaitu Hukum Faraid. Beliau juga membawa dalil-dalil berdasarkan ayat Al-Quran dan hadis-hadis tentang kewajipan pembahagian secara Hukum Faraid bagi orang-orang Islam. Beliau juga ada menyentuh tentang fungsi penubuhan FELDA dan perlaksanaan bagi peneroka-peneroka menerusi Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok 1960. Bagi perwarisan tanah FELDA ketika itu, menerusi Seksyen 19, Pegawai FELDA mempunyai kuasa untuk memindah milik kepada orang lain melalui Daftar Pegangan (Register of Holdings), jika ada berlaku kematian atau pelanggaran syarat oleh peneroka. Kebanyakan tanah-tanah FELDA ketika itu masih belum mempunyai hakmilik dan penyelesaian pusaka hanya diselasaikan di hadapan Pegawai FELDA.

Saifuldin Aziz @ Abdul Aziz (2009) menyatakan bahawa waris-waris yang di lantik sebagai Pentadbir tidak faham peranannya sebagai Pentadbir dan melakukan penyelewengan dan salah guna kuasa dan akhirnya waris-waris bergaduh sesama

sendiri. Dalam kajian ini juga di cadangkan supaya pindaan kepada Akta Tanah GSA 1960, supaya pemilikannya di buat secara terbuka.

Walaupun telah ada kajian-kajian tentang harta pusaka tanah FELDA, tetapi kajian ini hanya membuat tumpuan kepada rancangan yang telah menerima hakmilik dan belum menerima hakmilik di rancangan FELDA Wilayah Raja Alias bagi memperolehi data premier secara terus dari peneroka yang masih hidup, waris-waris yang masih hidup dan peneroka ganti dan generasi kedua kepada asal, Pentadbir Tanah, Mahkamah Syariah dan Pengurus Rancangan yang mentadbirkan tanah rancangan FELDA tersebut.

Kajian ini akan hanya di tumpukan kepada Peneroka dan waris-waris peneroka yang beragama Islam sahaja. Ini adalah kerana permasalahan yang timbul dari pindaan Seksyen 14 dan 15 Akta Tanah GSA 1960 pada tahun 2002 yang akan dilihat dan kesannya kepada pemilikan harta pusaka tersebut. Sampel yang di ambil ini mempunyai permasalahan yang lebih kurang sama di rancangan FELDA yang lain. Dalam seksyen tersebut memperuntukan bahawa:

a. Seksyen 14:

Pegangan luar bandar hanya boleh dikeluarkan kepada seorang sahaja yang dibenarkan mengikut peruntukan di bawah seksyen 19 dan tidak dibenarkan tuan punya bersekutu memilik pada bila-bila masa. walaubagaimana pun, pada tahun 2002 pindaan telah di lakukan di bawah seksyen 14 (2) yang membolehkan harta pusaka peneroka dimiliki tidak lebih dari dua orang.

b. Seksyen 15:

- i. Tanah yang terkandung dalam pegangan luar bandar tidak boleh pada bila-bila masa di belah bagi.
- ii. Tanah yang terkandung dalam pegangan luar bandar tidak boleh dipegang secara Undivided Shares.
- iii. Tanah di bawah pegangan luar bandar tidak boleh dipajak atau dipajak kecil kesemua atau sebahagiannya.

Mengikut sistem pembahagian harta Islam, konsep pembahagian harta dengan cara tidak dipecah-pecah bentuk fizikalnya adalah tidak bercanggahan. Apa yang bercanggahan dengan dengan sistem pembahagian harta Islam ialah apabila habuan ke atas ahli-ahli waris itu dinafikan. Sebagai contoh apabila berlaku bicara kuasa, ahli-ahli waris yang berumur kurang dari 18 tahun tidak dipanggil untuk hadir bersama, sedangkan mereka merupakan ahli-ahli waris yang sah dari segi hukum faraid yang mereka mempunyai hak ke atas harta-harta tersebut .

Penulis juga akan melihat sejauh mana keberkesanan langkah yang telah dilaksanakan iaitu Pindaan pada tahun 2002 dan Pekeliling Bil 1/2004, (Garis panduan pengurusan harta pusaka peneroka dan perlantikan pengantian peneroka bagi kes kematian di rancangan). Keberkesanan kedua-dua kaedah ini dilihat kerana kaedah-kaedah ini merupakan kaedah utama yang di gunapakai dalam menyelesaikan masalah pembahagian harta pusaka Peneroka FELDA.

1.6. Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini perlu dilaksanakan dan menjadi panduan dimana ianya akan memberikan manfaat dan faedah seperti mana berikut:

- i. Hasil kajian ini akan dapat menjadi garis panduan kepada Pendaftar Hakmilik dalam kerja-kerja Pendaftaran Hakmilik yang bawah Akta Tanah GSA 1960 seiring dengan sekatan-sekatan kepentingan yang ada dalam hakmilik berkenaan.
- ii. Dapatan kajian ini juga membantu Pihak Pengurusan FELDA menubuhkan satu badan yang akan menebus kembali harta-harta peneroka yang tidak mampu di tadbirkan oleh waris-waris yang dilantik sebagai Pentadbir supaya harta ini dapat diuruskan dengan sempurna dan memberikan manfaat kepada generasi kedua yang akan menggantikan peneroka asal.
- iii. Dengan hasil kajian ini juga pihak Pengurusan FELDA dapat mengambil tindakan susulan dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri supaya membuat pindaan undang-undang yang mengekang kepada pemilikan lebih dari dua orang bagi jangka pendek dan jangka panjang.
- iv. Daripada hasil kajian ini juga akan boleh menjadi panduan kepada peneroka-peneroka FELDA supaya mengambil tindakan awal untuk membuat penurunan milik terus kepada waris-waris yang menduduki rancangan atau membuat wasiat atau melantik salah seorang waris sebagai pemegang amanah supaya apabila peneroka tersebut meninggal dunia, harta tersebut dapat di uruskan dengan sempurna.
- v. Hasil kajian ini juga akan boleh digunakan sebagai bahan rujukan bagi pelajar-pelajar Pengajian Tinggi dan juga pengamal-pengamal

undang-undang di negara ini yang menguruskan harta pusaka peneroka.

1.7. Metodologi Kajian

Kajian ini akan dilaksanakan dengan menggunakan beberapa kaedah. Kaedah kajian yang digunapakai ini boleh dilihat dalam empat peringkat iaitu peringkat awal, peringkat pengumpulan data, peringkat analisis dan peringkat rumusan serta cadangan.

i Peringkat Awal

Peringkat pertama ini merupakan peringkat pengenalan dan juga pembentukan rangka kerja penyelidikan bagi memudahkan kajian yang akan dijalankan secara keseluruhannya. Pada peringkat ini pemahaman awal terhadap permasalahan akan dikaji dan di kupas. Setelah itu, pengkaji akan mengenal pasti isu dan masalah yang timbul dan seterusnya matlamat, objektif dan skop kajian akan dibentuk agar dapat memandu dan membatasi kajian ini. Pengkaji juga akan menentukan kawasan kajian untuk membolehkan kajian ini dilaksanakan dengan lebih jelas dan berkesan.

ii. Peringkat Kajian Literatur

Pada peringkat ini, penekanan akan diberikan terhadap pembacaan dan rujukan terhadap data-data sekunder. Pengkaji akan mengenal pasti secara mendalam aspek-aspek yang berkaitan melalui artikel, jurnal, buku-buku ilmiah, laporan-laporan kerajaan, akhbar, tesis, pencarian melalui internet, majalah, terori-teori pengurusan harta pusaka, kajian lapangan dan sebagainya yang berkaitan dengan Harta Pusaka Tanah FELDA.

iii. Peringkat Pengumpulan Maklumat

Pada peringkat ini pengumpulan maklumat bagi kajian ini melibatkan pengumpulan data premier dan sekunder bagi kawasan kajian dan pihak-pihak yang terlibat. Data-data yang di kumpulkan adalah dari data premier, data sekunder dan kajian lapangan.

a. Data Premier

Data premier di perolehi melalui kaedah temubual di kalangan Pentadbir Tanah, Pegawai Pusaka Kecil, Pengurus Rancangan, Kakitangan FELDA, Pegawai-Pegawai Unit Tanah di FELDA Wilayah Raja Alias, Negeri Sembilan.

b. Data Sekunder

Data sekunder adalah bahan-bahan yang di dapati dari buku, kertas seminar, laman web, majalan, risalah dan buletin. Semua data-data ini akan digunakan di dalam membantu memahami perundangan yang terlibat serta badan-badan yang terlibat dalam pembahagian harta pusaka tanah FELDA dan membuat analisis bagi memantapkan lagi data atau maklumat yang di perolehi.

iv. Peringkat Penganalisan Data, Rumusan Dan Cadangan

Pada peringkat analisis ini, dua kaedah akan digunakan untuk tujuan memproses maklumat yang telah dikumpulkan. Pertama tahap pemahaman peneroka FELDA atau generasi kedua FELDA terhadap undang-undang GSA dan Pusaka serta faktor-faktor yang menyumbang kepada pertelingkah waris. Di samping itu juga data yang di perolehi dari Pentadbir Tanah, Pengurus Rancangan, Kakitangan FELDA dan Pegawai Pusaka FELDA Wilayah Raja Alias untuk mengetahui peranan dan penguatkuasaan perintah pembahagian harta pusaka berkenaan di laksanakan.

Kedua, dengan menggunakan Persampelan Rawak Mudah (*random sampling*), data-data akan diproses, dikumpul dan di analisa secara kualitatif yang diperolehi dari temubual yang di lakukan. Melalui kaedah ini pendapat majoriti akan di perolehi.

Hasil akhir kajian akan menghasilkan satu rumusan mengenai kajian yang telah dijalankan. Pengkaji akan memberikan cadangan lanjutan bagi kesinambungan pada kajian-kajian yang akan datang. Pengkaji akan mengumpulkan semua hasil kajian seperti di dalam carta aliran yang di tunjukkan di bawah Rajah 1.1

1.8 Susunatur Bab

Bab 1 : Menerangkan tentang pengenalan kajian yang dipilih, pernyataan masalah yang timbul serta objektif kajian yang ingin dicapai. Menerangkan skop kawasan kajian dan kepentingan kajian ini.


Bab 2 : Bahagian teoritikal dan kajian literatur. Menerangkan definisi, konsep dan teori berkaitan Pembahagian Harta Pusaka Tanah FELDA dan Peranan Pentadbir Tanah dan Perlaksanaan Perintah Pembahagian Harta Pusaka Tanah FELDA

Bab 3 : Menerangkan definisi, konsep dan teori yang berkaitan dengan Pembahagian dan Pentadbiran Tanah Pusaka di Malaysia

Bab 4 : Menerangkan tentang kawasan kajian yang dipilih serta latar belakang kes kajian iaitu Pembahagian Harta Pusaka Tanah FELDA Wilayah Raja Alias dan pihak-pihak yang terlibat dalam Pengurusan Harta Pusaka ini.

Bab 5 : Dalam bab ini menjelaskan tentang kaedah bagaimana kajian ini dijalankan dan bagaimana data-data dianalisis. Analisis ini berpandukan kepada laporan dan temubual yang di adakan dengan responden yang telah dikenalpasti. Bab ini juga menerangkan penemuan kajian dari analisis yang di laksanakan.

Bab 6 : Bab ini mencadangkan tindakan yang boleh dilaksanakan dari kajian yang dilakukan. Ia juga akan menghuraikan kesimpulan secara umum keseluruhan kajian yang telah dilakukan. Di sini turut disertakan cadangan kajian lanjutan dan masalah yang dihadapi semasa menjayakan kajian ini.



Rajah 1.1 : Carta Aliran Metodologi Kajian

BAB 2

PENTADBIRAN HARTA PUSAKA GSA DALAM SISTEM PENTADBIRAN TANAH NEGARA

2.1 Pengenalan

Kawasan Penempatan Berkelompok yang di wujudkan merupakan suatu Dasar Pembangunan Luar Bandar yang bertujuan untuk memperbaiki status ekonomi penduduk luar Bandar terutamanya golongan miskin. Ianya melibatkan peluang pekerjaan dan memanjangkan faedah pembangunan kepada golongan miskin. Dasar ini juga melibatkan pembasmian kemiskinan, peningkatan produktiviti dan kualiti hidup serta kesempaan kemudahan asas kepada golongan miskin.

Kini keadaan di kawasan-kawasan penempatan berkelompok boleh dikatakan bahawa maksud sebenar kerajaan untuk membasmi kemiskinan sudah tercapai. Jika dilihat di sekitar kawasan-kawasan penempatan tersebut seperti FELDA telah menunjukkan suasana penempatan yang begitu baik. Apa yang dapat dilihat ialah di kawasan-kawasan penempatan tersebut sudah memiliki kemudahan-kemudahan asas yang menjadi keperluan penduduk. Ini termasuklah kemudahan-kemudahan seperti hospital yang berdekatan, pejabat-pejabat kerajaan dan sebagainya termasuklah wujudnya pusat pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang terletak di Jengka.

Walaupun demikian berkenaan dengan kemajuan yang telah dicapai di kawasan-kawasan penempatan berkelompok, namun terdapat juga masalah yang boleh dikaitkan dengan masalah pembahagian harta menurut syara'. Perlu disedari bahawa kawasan-kawasan penempatan berkelompok itu merupakan tanah yang tertakluk kepada seksyen 14 dan 15 (Pindaan Tahun 2002) Akta Tanah 1960 di mana akta ini menghendaki supaya tanah itu hendaklah diturun milik kepada tidak lebih kepada dua orang waris yang berhak sahaja. Sekiranya semua ahli waris bersetuju supaya tanah itu diberikan kepada seorang sahaja maka urusan tersebut tidaklah sampai menyebabkan tanah tersebut dijual. Ini adalah kerana apabila tidak ada persetujuan dikalangan ahli waris berkenaan dengan penurunan milik kepada seorang sahaja, maka pentadbir boleh menjual tanah tersebut dan hasilnya akan dibahagikan mengikut faraid.

Bab ini akan menerangkan kaedah yang menjadi teras pembahagian harta pusaka di Semenanjung Malaysia dan konsep-konsep pembahagiannya di mana undang-undang yang menjadi rujukan utama adalah Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955, Undang-undang Islam (Faraid) bagi orang Islam dan Akta Pembahagian 1958 bagi orang bukan Islam. Bab ini juga akan menyentuh tentang amalan pembahagian pusaka bagi tanah yang diwartakan di bawah Akta Tanah GSA 1960 yang di amalkan oleh JKPTG.

2.2. Definisi Harta Pusaka

Harta menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga memberi maksud bahawa barang-barang berharga seperti rumah, tanah, barang-barang kemas dan sebagainya yang dipunyai oleh seseorang. Manakala pusaka pula memberi maksud bahawa segala harta benda yang di tinggalkan oleh orang yang meninggal dunia. Secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa harta pusaka ini adalah merujuk kepada harta benda yang dimiliki oleh seseorang yang telah meninggal dunia dan ia boleh diwarisi kepada waris-warisan ataupun keturunannya. Harta Pusaka adalah hak (harta) peninggalan milik seseorang yang sudah meninggal dunia dan ianya akan di warisi

oleh warisnya serta di bahagikan mengikut peruntukan undang-undang (Mohd Tarmizi Ahmad Nordin: 2007). Pembahagian harta pusaka dalam Islam di kenali sebagai FARAID dan disebut dengan jelas dalam surah An-Nisaa': Ayat 11 & 12 yang bermaksud:

“Allah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu, iaitu: bahagian seorang anak lelaki sama dengan dua bahagian anak perempuan; dan jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua, maka bagi mereka dua pertiga dari harta ditinggalkan; jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka ia memperoleh separuh dari harta yang di tinggalkan...”

Takrifan Harta Pusaka yang dirujuk daripada Jabatan Tanah FELDA melalui Perkeliling Bil 1/2004 (Garis Panduan Harta Pusaka Peneroka dan Pelantikan Pengantian Peneroka bagi kes Kematian di rancangan, adalah harta Pusaka Peneroka iaitu mana-mana harta, sama ada harta alih atau tak alih yang dimiliki oleh suami setelah diyakini dan disahkan kematiannya. Harta Alih merupakan harta yang boleh dipindahkan seperti wang ringgit, saham, kenderaan dan peralatan rumah. Manakala harta tak alih adalah harta yang tidak boleh dipindahkan atau melekat di atas tanah seperti rumah dan tanah. Takrifan harta alih dan tidak alih melalui Perkeliling Bil 1/2004 ini selaras dengan konsep yang diterangkan oleh *common law*.

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dalam buku “Soal Jawab Pembahagian Pusaka” mendefinisikan harta pusaka sebagai semua harta dan kepentingan si mati yang kematiannya telah dibuktikan. Manakala harta pusaka kecil merupakan harta yang terdiri daripada harta alih dan harta tak alih yang jumlah keseluruhannya tidak melebihi RM 2,000,000.00 (1 September, 2009) dan simati tidak meninggalkan wasiat di bawah Akta Wasiat 1985. Pembahagian harta pusaka ini dibicarakan di Pejabat Tanah.

Takrifan yang diberikan oleh setiap pihak mempunyai pengertian yang sama, Seksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta 98, mendefinisikan harta pusaka kecil sama dengan maksud yang telah diterangkan di atas iaitu:

“ Harta Pusaka Kecil adalah harta simati yang mengandungi keseluruhan atau sebahagian harta tak alih terletak di mana-mana negeri dan nilai keseluruhannya tidak melebihi enam ratus ribu ringgit dan si mati tidak meninggalkan wasiat ”

Harta pusaka adalah semua harta yang ditinggalkan oleh si mati yang bernilai melebihi RM 2,000,001.00 dan harta yang tidak diwasiatkan akan terletak pada Hakim Besar di bawah seksyen 39, Akta Probate dan Pentadbiran 1959. Kamus Dewan (1994) mendefinisikan harta pusaka sebagai warisan, iaitu harta peninggalan si mati.

Undang-undang yang dilaksanakan dalam pentadbiran harta pusaka orang-orang Islam di Malaysia ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Berdasarkan kedua-dua statut ini, Harta Pusaka dapat dikategorikan kepada tiga jenis iaitu harta Pusaka Besar/Biasa, Harta Pusaka /Terus Ringkas, dan Harta Pusaka Kecil. Pembahagian ketiga-tiga jenis harta ini tertakluk kepada jumlah nilai harta pusaka yang ditinggalkan oleh simati.

i. Harta Pusaka Besar/Biasa

Harta pusaka biasa atau besar ini adalah merujuk kepada harta peninggalan simati yang mempunyai wasiat atau tidak berwasiat (mengandungi harta alih dan harta tak alih yang nilainya melebihi RM 2,000,000.00). Pengendalian harta pusaka ini adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi iaitu Akta Probet & Pentadbiran, 1959.

Dalam urusan penyelesaian harta pusaka biasa atau besar ini, kebiasaannya pihak waris akan melantik syarikat guaman untuk membuat permohonan bagi pihaknya sama ada harta itu berwasiat ataupun tidak (Muhammad Burok:2001). Bagi harta si mati yang tidak meninggalkan Surat Wasiat, maka permohonan untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir (Letter of Administration) pusaka hendaklah dibuat. Surat Kuasa Mentadbir pusaka ini hanya boleh dikeluarkan oleh pihak Mahkamah Tinggi setelah

Perintah Pengecualian Penjamin (*Dispensation of Sureties*) telah diperolehi dan Bon Pentadbiran di tandatangani oleh Pemetisyen (Md Ghazali Ibrahim:2006). Bon Pentadbiran ini dilaksanakan bagi menjamin agar Pentadbir yang dilantik mengikut Surat Kuasa Mentadbir itu menjalankan tugas-tugas pentadbir di atas semua tanah si mati secara amanah dan jujur. Sebarang perlakuan yang menyebabkan pecah amanah seseorang Pentadbir itu, maka wang jaminan mengikut bon Pentadbiran itu akan dijadikan gentian.

ii. Harta Pusaka Kecil

Harta Pusaka Kecil ini terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah ataupun Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), Seksyen Pembahagian Harta Pusaka ini terletak di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sejak diwujudkan, JKPTG telah Berjaya menyelesaikan lebih dari 850,000 permohonan pembahagian pusaka di seluruh Negara. Bagi tahun 2006 sahaja sejumlah 37,381 permohonan telah diselesaikan (Abdullah Muhammad:2007).

Di antara syarat utama setiap permohonan pusaka ini dapat dibuat ke JKPTG adalah setiap simati itu mestilah ada mempunyai harta tak alih dan boleh disertakan dengan harta alih yang lain. Pemberian Surat Kuasa Mentadbir ataupun Perintah Pembahagian berdasarkan bidang kuasa mengikut seksyen 4, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 kepada waris-waris si mati terletak di bawah bidang kuasa Pentadbir Tanah dan bagi kes-kes yang biasa dan waris-warisnya tidak berlapis-lapis, ianya boleh diselesaikan dalam purata tempoh 4 ½ bulan berbanding di awal penubuhan JKPTG ianya mengambil masa dalam 8 hingga 12 bulan. (Abdullah Muhammad:2007)

iii. Harta Pusaka Terus/Ringkas

Harta peninggalan si mati yang tidak berwasiat (mengandung harta alih sahaja dan nilai hartanya yang tidak melebihi enam ratus ribu ringgit). Pentadbiran harta pusaka di bawah bidang kuasa Amanah Raya Berhad (ARB). (Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad:1995).

Dalam proses permohonan pusaka ringkas ini, ARB akan mengeluarkan surat pentadbiran yang dipanggil “Arahan Oleh Amanah Raya Berhad” yang mana statusnya dengan Surat Kuasa Mentadbir dan Perintah Pembahagian Mahkamah Tinggi, seolah-olah Surat Kuasa Mentadbir telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi itu kepadanya (Othman Yaacob:2007).

2.3 Kaedah Pembahagian Tanah Pusaka Felda

Keperluan tentang penyelesaian harta pusaka bagi tanah FELDA yang berada di bawah Akta Tanah GSA 1960 ini, telah di bincangkan dalam bab pertama. Apabila berlaku kematian kepada Peneroka, waris-waris si mati perlulah merujuk kepada Pejabat Tanah bagi membuat permohonan pusaka berdasarkan hakmilik tanah berkenaan ataupun Buku Daftar Pegangan bagi yang tiada hakmilik.

Pembahagian harta pusaka biasanya di buat ketika hari pembicaran yang telah ditetapkan oleh JKPTG. Dalam proses pembahagian ini ada pelbagai bentuk pembahagian dibuat bagi tanah-tanah GSA ini. Biasanya ketika keputusan pembahagian hendak dibuat, Pentadbir Tanah akan mengambil ingatan kepada peruntukan di bawah Seksyen 14 dan 15 dalam Akta Tanah GSA 1960. Di antara bentuk perintah yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah adalah:

i. Perintah Pembahagian Secara Terus

Dalam keadaan semua waris yang hadir semasa pembicaraan di jalankan bagi harta si mati bersetuju semua bahagian tanah rancangan ini di serahkan kepada salah seorang atau dua orang waris sebagai penerima milik, maka Pentadbir Tanah boleh membuat keputusan dengan kaedah pembahagian secara terus. Pembahagian secara terus ini adalah merupakan salah satu kaedah muafakat antara waris-waris dan mereka yang membuat penolakan tiada lagi mempunyai bahagian di atas harta berkenaan. Harta berkenaan akan menjadi hak kepada pemilik yang baru. Dalam keadaan pembahagian secara muafakat ini ada yang berbentuk penolakan tanpa balasan apa-apa. Perintah pembahagian secara penolakan tanpa balasan ini biasanya berlaku bagi kes-kes si mati hanya meninggalkan anak-anak dan seorang isteri sahaja dan anak-anak menolak hak mereka kepada ibu mereka. Selain daripada itu ada juga penolakan dengan balasan berbentuk wang tunai. Maka, harta itu akan di nilai bahagian yang sepatutnya diperolehi oleh waris-waris yang menuntut mengikut faraid atau undang-undang pembahagian dan dig anti dalam bentuk wang. Perintah ini di keluarkan oleh Pentadbir Tanah dalam bentuk borang yang di namakan “Borang E” yang merujuk kepada pembicaraan kuasa kali pertama. Perintah secara pembahagian terus juga ada dalam bentuk “Borang T” yang merujuk kepada keputusan atas permohonan bicara kuasa kali kedua, ketiga dan sehinggalah perintah di keluarkan.

ii. Perintah Pembahagian Secara Lantikan Pentadbir

Tugas Pentadbir adalah mengendalikan harta pusaka dan bertanggungjawab dalam hal-hal seperti mengutip sewa, bayar cukai dan menguruskan pembahagian hasil harta ini kepada waris-waris yang telah di tetapkan dengan bahagiannya (Noor Aziah Md Awal:2007). Bagi perintah pembahagian bentuk ini berlaku apabila keadaan waris-waris si mati yang terlibat tidak memberikan kerjasama. Di sini mungkin berlaku pertelingkahan antara waris-waris dan tidak boleh berunding antara mereka. Bagi waris yang hilang, tidak tahu sama ada masih hidup atau telah mati juga memberi kesan

kepada perlantikan salah seorang atau berdua sebagai Pentadbir. Keadaan waris yang tidak boleh disahkan kematiannya menyebabkan Pentadbir Tanah tidak boleh menurunkan haknya itu kepada waris-waris lain. Bagi waris yang ramai dan masing-masing menuntut hak masing-masing mengikut Hukum Syarak atau undang-undang, maka Pentadbir akan melantik seorang atau dua orang sebagai Pentadbir dan hasilnya kehendaklah di agihkan kepada semua waris mengikut perintah yang di keluarkan oleh Pentadbir Tanah. Perintah perlantikan sebagai Pentadbir ini adalah berbentuk sementara sahaja dan sekiranya ada permohonan ulang bicara, ianya boleh dibatalkan dengan melantik Pentadbir baru atau perintah-perintah lain yang sesuai dan mengikut undang-undang Lantikan secara Pentadbir ini adalah dalam Borang F mengikut Akta Pembahagian Pusaka Kecil.

iii. Perintah Jual

Pentadbir Tanah juga boleh membuat keputusan berdasarkan Seksyen 15, Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 untuk tender tanah ini di kalangan waris yang sanggup membuat bayaran dalam bentuk wang tunai kepada waris-waris lain. Keadaan juga berlaku di sebabkan oleh mungkin waris-waris yang berhak tidak boleh bermuafakat dan saling tidak setuju di lantik sebagai Pentadbir. Senario ini memerlukan penilaian dibuat secara professional dan sesiapa yang menyambut tender mestilah yang tertinggi di kalangan ahli-ahli waris. Jika gagal, maka lantikan Pentadbir di kekalkan dan jika tidak ada waris yang mampu membayar dalam bentuk wang ataupun Pentadbir Tanah boleh menjual kepada pihak Felda dengan persetujuan waris dan hasil jualannya di bahagi kepada semua waris mengikut bahagian-bahagian masing-masing sepertimana yang diputuskan oleh Pentadbir Tanah.

iv. Perintah Dari Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil Di Atas Hak Harta Sepencarian.

Harta sepencarian ini adalah harta yang diperolehi secara usaha sama antara kedua-kedua suami isteri. (Siti Zalikah Md. Nor: 1996). Bagi keadaan ini Pentadbir Tanah juga akan mengambil kira perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah atas hak sepencarian ke atas hak harta sepencarian ke atas pasangan kepada peneroka yang meninggal dunia sama ada Mahkamah Syariah bagi orang Islam atau Mahkamah Sivil bagi orang bukan Islam. Hak itu akan wujud bagi pasangan yang bersama-sama memasuki tanah rancangan dan tuntutan itu boleh berlaku jika penceraian ketika hidup ataupun penceraian ketika mati. Jika peneroka itu mati, pasangannya ada membawa perintah Mahkamah, maka Pentadbir Tanah akan mengagihkan terlebih dahulu hak harta sepencarian itu dan bakinya akan di bahagi mengikut muafakat ataupun mengikut undang-undang. Jika pasangan si mati itu tidak membawa apa-apa perintah dari Mahkamah, maka Pentadbir Tanah hendaklah membuat pembahagian harta sepencariannya dahulu dan kemudian baginya akan di bahagikan mengikut muafakat ataupun mengikut undang-undang.

2.4. Masalah Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Felda Di Bawah Akta Tanah GSA 1960 (Akta 530)

Pembahagian harta pusaka di bawah Akta 530 menghadapi pelbagai masalah kerana terdapat sekatan-sekatan yang perlu dipatuhi. Kesemua tanah-tanah yang dibangunkan di bawah Akta ini mempunyai sekatan yang seragam iaitu, tanah yang dikeluarkan ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, dicagarkan atau digadaikan melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan Kepentingan tanah ini juga melarang tanah ini dipindahmilik, dipajak, diberi pajakan kecil dan dipecah sempadan kepada lebih dari dua orang. Bagi tanah-tanah yang dikeluarkan hakmilik kepada peneroka iaitu melebihi dua hakmilik iaitu hakmilik kediaman dan hakmilik

kebun, dan hakmilik ini mengikat antara satu sama lain iaitu hakmilik berangkai. Dalam hal ini sebarang urusan niaga di atas tanah tersebut tidak boleh dibuat secara berasingan.

Masalah pembahagian harta pusaka dalam aspek undang-undang boleh dilihat dalam dua keadaan iaitu bagi hakmilik Buku Daftar Pegangan (ROH), dan hakmilik pegangan yang telah didaftarkan hakmilik oleh Pejabat Tanah. Bagi permohonan pembahagian harta pusaka hakmilik di bawah Buku Daftar Pegangan perintah pembahagian perlu dibuat dengan mengambil kira peruntukan di bawah seksyen 14 dan 15 Akta 530 yang menerangkan maksudnya yang tersendiri.

Seksyen 14 dan seksyen 15 hendaklah dibaca bersama dengan seksyen 12 (7) Akta Harta Pusaka Kecil Pembahagian 1955 (Akta 98) yang bermaksud undang-undang yang digunakan untuk perwarisan simati bagi orang Islam, pembahagian mengikut Faraid akan dirujuk dan bagi orang bukan Islam, Akta Perwarisan (Peruntukan Keluarga) 1971, Wil Ordinance 1959, dan The Distribution Ordinance akan dijadikan rujukan.

Dalam proses pembahagian harta pusaka peneroka FELDA ini masalah tidak akan timbul sekiranya waris bersetuju untuk menyerahkan pegangan tersebut kepada seorang atau dua orang tanpa balasan, maka pembahagian boleh dibuat secara turun milik atau perletakan hak kepada waris tersebut menggunakan borang E. Setelah nama waris di daftarkan, didalam Buku Daftar Pegangan maka beliau akan menerima segala faedah dan tanggungan seperti baki Bayaran Kembali seperti Consolidated A Charges (CAC), hutang pembangunan dan lain-lain hutang yang belum dijelaskan di atas pegangan tersebut.

Masalah pembahagian harta pusaka peneroka FELDA akan mula timbul apabila tiada waris yang mampu untuk membayar nilai harta tersebut bagi kes-kes yang waris bersetuju menyerahkan pegangan tersebut kepada seorang atau dua orang waris tetapi dengan balasan. Maka, nilai balasan yang akan dibahagikan adalah mengikut perundangan yang terlibat dengan menolak bagi hutang yang belum

dijelaskan oleh simati. Nama waris yang didaftarkan dalam Buku Daftar Pegangan akan bertanggungjawab kepada baki bayaran kembali yang belum dijelaskan.

Terdapat juga perselisihan faham antara waris apabila setiap waris berkehendakkan pegangan tersebut dan sanggup membayar nilai bahagian kepada pihak waris yang lain. Bagi masalah ini langkah penyelesaian yang boleh dibuat adalah menawarkan pegangan tersebut kepada waris-waris yang berhak secara tender dengan menggunakan Borang EE dibawah seksyen 15(4) (d) Akta 98. Harga Rizab yang ditawarkan dalam tender tersebut hendaklah sama atau lebih tinggi dengan bayaran kembali yang sepatutnya dibayar untuk mendapatkan pegangan tersebut sehingga keluar suratan hakmilik. Hasil dari jualan tersebut akan dibahagikan kepada waris-waris yang lain mengikut undang-undang terlibat. Pegangan tersebut akan didaftarkan di atas nama seorang waris yang menawarkan harga tertinggi melalui perintah Borang E.

Bagi pegangan yang telah mendapat suratan hakmilik, sekatan sama dikenakan iaitu hanya dua orang nama sahaja yang boleh didaftarkan. Pembahagian harta pusaka peneroka yang telah mendapat suratan hakmilik ini melibatkan nilai tanah yang tinggi mengikut nilai pasaran dan jarang ada waris yang mampu dan sanggup membayar nilai tersebut. Dalam hal ini juga tidak semua waris sukarela menyerahkan bahagian mereka kepada seorang waris sahaja. Sekiranya tanah ini dibuka kepada tender awam untuk dijual, kesukaran akan timbul apabila pembeli untuk mematuhi syarat-syarat di bawah seksyen 19 Akta 530 antaranya, pembeli perlukan warganegara Malaysia (Seksyen 19 (1), dan syarat-syarat tambahan yang mungkin dikenakan oleh Pihak Berkuasan Pembangunan. Masalah-masalah yang timbul ini boleh dilihat dengan lebih jelas bab seterusnya.

i. Proses Pembahagian Harta Pusaka Peneroka FELDA

Proses pembahagian harta pusaka peneroka FELDA adalah samadengan proses pembahagian harta pusaka biasa. Proses ini bermula dengan permohonan yang di buat oleh waris atau pihak-pihak yang berkepentingan melalui Borang A dibawah seksyen 8. Borang A digunakan

bagi permohonan yang baru dan Borang P bagi permohonan yang terkemudian. Permohonan ini perlu disertakan dengan dokumen-dokumen seperti bukti kematian, salinan hakmilik, salinan sijil-sijil simpanan, saham, salinan harta alih dan salinan Kad Pengenalan atau Surat Beranak waris-waris.

Nilai harta si mati akan dibuat bagi memastikan sama harta pusaka tersebut harta pusaka kecil atau sebaliknya (Seksyen 3(3)4, dan seksyen 4(5) Akta 98). Harta pusaka yang mempunyai nilai kurang dari RM 2,000,000.00 (Pindaan tahun 2009, Akta 98) pada tarikh kematian terletak dibawah Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Galian, Persekutuan. Bagi harta pusaka yang mempunyai nilai yang melebihi RM 2,000,000.00 kuasa menyelesaikannya terletak kepada Mahkamah Tinggi. Nilai ini boleh dibuat oleh Pentadbir Tanah atau dirujuk kepada Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia.

Selain dokumen yang disertakan benar dan nilai harta telah diperolehi waris-waris akan dipanggil untuk menghadiri bicara melalui Notis Borang D atau S. Perbicaraan ini di laksanakan bagi menentukan bentuk pembahagian dan penyelesaian pertelingkahan dan tuntutan dikalangan waris. Apabila perbicaraan ini selesai, perintah pembahagian akan dikeluarkan melalui Borang E atau T. Waris-waris boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan dikeluarkan sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut. Sekiranya tidak terdapat sebarang rayuan, pemohon akan mendaftarkan perintah di Pejabat Tanah berkaitan bagi penurunan milik atau mengemukakannya di agensi-agensi terlibat bagi penukaran hak harta alih.

Bagi melihat proses ini dan masalah yang timbul dengan lebih dekat seterusnya akan menerangkan isu ini dengan mengambil 3 rancangan sebagai kawasan kajian dan menebual pihak-pihak yang terlibat secara lansung dalam menyelesaikan isu ini. Dalam lawatan ke kawasan kajian pengakaji akan mengenalpasti kes-kes contoh dan masalah-masalah yang dihadapi oleh

pihak-pihak terlibat dalam menyelesaikan masalah pembahagian harta pusaka peneroka FELDA ini.

2.5 Penyelesaian Masalah Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Felda

Dalam usaha mengatasi masalah pembahagian harta pusaka Felda ini terdapat beberapa penyelesaian yang telah diambil. Dalam ini penyelesaian utama akan diterangkan dengan jelas iaitu penguatkuasaan “Garis Panduan Pengurusan Harta Pusaka Peneroka dan Perlantikan Pengganti Peneroka bagi Kes Kematian di Rancangan” iaitu Perkeliling Bil 1/2004 JKPTG yang merupakan salah satu langkah utama yang telah diambil bagi mengatasi masalah pembahagian harta pusaka orang Islam di Felda, dan Pindaan 2002 Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 (Akta 530) yang melibatkan seksyen 7,12,14 dan 15”. Dalam bab sebelumnya ada di terangkan bagaimana masalah pembahagian harta pusaka ini masih berlaku walaupun perkeliling ini telahpun dikuatkuasakan. Selain penguatkuasaan perkeliling ini, Pindaan 2002 Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 (Akta 530) yang melibatkan seksyen 7,12,14 dan 15 yang memperuntukan hal-hal berkaitan dengan pembahagian harta dan pemilikan harta GSA akan turut dilihat. Bahagian ini juga akan meneliti kedua-dua langkah penyelesaian ini dalam mengatasi masalah pembahagian harta pusaka.

i. Pindaan Akta 530 Tahun 2002

Pindaan Akta 530 pada tahun 2002 melibatkan Seksyen 7(2), Seksyen 12(5), Seksyen 14(1) dan Seksyen 15(2) dan Seksyen 15(2)(b). Pindaan Akta ini bertujuan untuk mengatasi masalah pemilikan dengan membolehkan dua nama didaftarkan di atas hakmilik tanah FELDA. Sebelum pindaan ini dilaksanakan hak isteri-isteri dan waris-waris peneroka terikat dengan satu nama sahaja yang boleh didaftarkan di dalam hakmilik tanah GSA. Walaupun permohonan tuntutan harta sepencarian boleh dilaksanakan oleh isteri peneroka, perintah yang dikeluarkan tidak dapat dilakukan kerana sekatan-

sekatan yang wujud. Begitu juga dengan pembahagian harta pusaka peneroka kepada waris-waris si mati yang melebihi seorang tidak dapat didaftarkan dalam Daftar Pegangan (Register Of Holding). Pindaan ini member kesan kepada proses pembahagian harta pusaka peneroka FELDA apabila seksyen-seksyen terlibat dipinda.

Dalam penulisan ini latarbelakang pindaan ini akan dilihat sebelum analisis kajian berkenaan sejauh mana masalah pembahagian harta pusaka berlaku dan dapat diatasi dengan wujudnya pindaan ini. Kandungan Pindaan 2002 Akta 530 ini adalah berkaitan hal-hal pemilikan hakmilik di bawah Akta ini. Seksyen 16 Akta 530 ini telah dibatalkan. Kandungan pindaan tersebut adalah seperti berikut:

a. Seksyen 7 (2):

“ A rural holding shall be of such area as Rural in Council may approve and shall comprise one or more of land within the rural settlement for occupation or more individual holder or not more than two holder as may be permitted by this act and rural holding shall, as far as possible, be of equal area:

Provided that there may be include in a rural one parcel of land within an urban settlement area for occupation by the holder for residential purpose exclusively”

b. Penambahan sub seksyen baru Seksyen 12, iaitu 12 (5):

“Where an order of court made in accordance with the Islamic Family Law enactment applicable in the state or the Law Reform (Marriage and Devorce) Act 1976) Act 164 vests a rural holding in the wife, ex-wife or next-of-kin of a holder, the collector shall enter the name of the wife, ex-wife, or next-of-kin as a register of holding accordingly”

c. Seksyen 14(1):

“Subject to subsection (2), a rural holding may be alienated only to one individual person qualified in accordance with the provision of Section 19 and not joint ownership of rural holding shall at any time be permitted.”

d. Seksyen 14(2):

“ A rural holding may be alienated and joint held by not more than two holders”

e. Seksyen 15(1):

“ No land comprise in rural holding may at any time be subdivided or partitioned”

f. Seksyen 15(2):

“ Subject to subsections 2(a), and 2(b) no land comprise in the rural holding may be held by way of individed shares”

g. Seksyen 15(2) (a):

“ The State Authority may permit the rural holding to be held by way of individual share by a holder and his wife, ex-wife, or next-of-kin as a co-holder, upon an application inform AA in the First Schedule.”

h. Seksyen 15(2) (b):

“ A rural holding may be held by way of individual shares pursuant to an order of court made in accordance with the Islamic

Family Law Enactment applicable in the state or the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976”

Seksyen 7(2) membenarkan dua nama pemegang didaftarkan bagi tujuan memastikan hak isteri yang mengusahakan tanah rancangan tersebut bersama peneroka dan waris peneroka menerima hak mereka. Pendaftaran satu lagi nama ini membolehkan tindakan penjualan tanah ini dikawal apabila persetujuan pemilik kedua diperlukan bagi sebarang aktiviti diatas tanah tersebut. Pendaftar memainkan peranan penting dalam mendaftarkan nama pemilik selepas kematian peneroka dengan mengikut peruntukan Undang-undang Islam atau *Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976) Act 164*). Dalam Seksyen 14 dan 15 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 pula, peruntukan yang berkaitan rapat dengan isu pembahagian harta pusaka peneroka FELDA. Seksyen 14 dan 15 ini memperuntukan bahawa seorang atau tidak lebih dari dua orang pemegang hakmilik dan tidak boleh dipecah sempadan, tidak boleh dipecah bahagian, tidak boleh disewakan sama ada semua atau sebahagian pemilikan tersebut. Peruntukan Pindaan Seksyen 14 dan 15 dalam Akta 530 ini mengakibatkan harta pusaka peneroka FELDA tidak boleh diturunmilik lebih dari dua orang.

ii. Kategori dan Kelayakan Pemegang Bersama (Co-Ownership)

Dalam usaha menentukan pemegang bersama, terdapat syarat-syarat dan kelayakan yang perlu dipatuhi. Individu yang layak dimasukkan sebagai pemegang bersama adalaah isteri, bekas isteri, dan waris kadim. Isteri adalah isteri yang dinikahi peneroka secara sah di sisi undang-undang dan bersama-sama memasuki tanah rancangan dan bersama-sama mengusahakan tanah rancangan berkenaan. Bekas isteri pula bermaksud isteri yang perkahwinannya dengan peneroka telah dibubarkan dan dalam tempoh perkahwinannya dengan peneroka, bekas isteri tersebut turut sama menyumbang atau mengusahakan tanah rancangan tersebut.

Waris kadim pula merupakan waris terdekat si mati mengikut hukum syarak. Bagi peneroka bukan Islam, waris kadim adalah waris yang berhak mengikut undang-undang perwarisan yang terpakai pada waktu tersebut. Waris kadim ini termasuklah anak angkat. Anak angkat tersebut perlulah anak yang proses pengangkatannya dilakukan secara sah mengikut undang-undang. Bagi peneroka yang beragama Islam, nama anak angkat boleh dimasukkan sebagai pemegang bersama menerusi konsep hibah.

Kriteria utama yang di tetapkan dalam perlantikan waris kadim sebagai pemegang bersama adalah waris yang tinggal di tanah rancangan dan berminat dalam mengusahakan tanah rancangan tersebut. Kesemua individu yang berkelayakan sebagai pemegang bersama mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia.

iii. Perkeliling KPTG 1/2004

Perkeliling ini, di dikeluarkan bagi memberi panduan kepada pengurus rancangan bagi permohonan pembahagian harta pusaka si mati oleh waris peneroka. Permohonan pembahagian harta pusaka ini tertakluk kepada Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955 (Akta 98). Perkeliling ini memperuntukan sembilan perkara antaranya takrifan harta pusaka, keperluan untuk disegerakan pembahagian harta pusaka, peranan pengurus dan cara perlaksanaannya, dan proses pelaksanaan pengurusan harta pusaka.

Garis panduan ini terpakai kepada semua peneroka termasuk kes kematian peneroka bukan Islam. Walau bagaimanapun, pembahagian pusaka orang bukan Islam perlulah dilaksanakan berdasarkan kepada Akta Pembahagian 1958 (Distribution Act-1958). Penguasaan perkeliling ini telah membatalkan beberapa perkeliling lain sebelumnya, panduan dan peruntukan sebelumnya, iaitu Perkeliling Jabatan Tanah Bil 1/94, Garis Panduan Jabatan Tadbiran, dan Tuntutan Harta Sepencarian dan Pesaka 7.2.1996 Bahagian B-Harta Pesaka.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab sebelumnya, Perkeliling Bil 1/2004 mentakrifkan harta pusaka sebagai mana-mana harta alih dan tak alih yang dimiliki oleh peneroka iaitu suami setelah diyakini dan disahkan kematiannya. Harta alih adalah harta yang boleh dipindahkan seperti wang ringgit, saham, kenderaan, dan sebagainya, dan harta tak alih pula terdiri daripada rumah, dan tanah atau apa-apa yang melekat di atas bumi. Takrifan rumah sebagai harta tak alih tidak tertakluk kepada pengertian yang diberikan dalam undang-undang adapt.

iv. Peraturan Pembahagian Harta Pusaka Peneroka FELDA Mengikut Hukum Syara'

Pembahagian harta pusaka dibawah perkeliling ini mengambil berat unsur-unsur syara' yang perlu dipatuhi oleh orang Islam. Perkara-perkara yang boleh dilihat dalam peraturan pembahagian harta pusaka mengikut hukum syara' di bawah perkeliling ini adalah rukun-rukun waris, syarat-syarat kepada waris, syarat-syarat kelayakan waris, perkara-perkara yang menghalang perwarisan, waris-waris yang berhak menerika pusaka, jenis-jenis harta yang ditinggalkan oleh simati.

Perkara pertama yang perlu dilihat dalam pembahagian harta pusaka mengikut syara' ini adalah rukun-rukun waris. Hal ini telah diterangkan dalam proses pembahagian harta pusaka berdasarkan kaedah faraid dam bab sebelumnya. Terdapat tiga rukun waris yang disebutkan dalam perkeliling ini iaitu *muwarris*, *waris*, dan *mawrus*. *Muwarris* adalah orang yang mati dan meninggalkan harta serta hak atau tanggungan si mati. Manakala *waris* adalah orang yang berhak menerima harta pusaka iaitu orang yang berhak mewarisinya. Rukun yang ketiga adalah *mawrus* yang merupakan hak-hak atau harta yang ditinggalkan oleh simati.

Terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh waris si mati dalam membuat permohonan pembahagian harta pusaka menurut syara'. Syarat-syarat tersebut adalah, pasti dan yakin (tahkik) orang yang mewarisi masih

hidup semasa peneroka meninggal dunia, mengetahui hubungan kekeluargaan antara waris dengan si mati, sama ada hubungan kekeluargaan atau perkahwinan, dan mengetahui “jenis” waris, sama ada dari waris lelaki atau perempuan. Dalam memastikan pembahagian harta pusaka ini dilaksanakan dengan adil terdapat beberapa syarat kelayakan waris yang ditetapkan oleh syara' dan diterangkan dengan jelas dalam perkeliling ini. Waris yang berhak menerima pusaka si mati adalah waris dengan nasab iaitu keturunan dan pertalian darah, kecuali anak yang dilahirkan sebelum pernikahan atau anak yang lahir kurang dari 6 bulan 1 lahzah dari tarikh pernikahan. Selain itu, waris yang mempunyai pertalian pernikahan termasuk isteri yang diceraikan dengan talak rajei dan masih dalam edah ketika bekas suami meninggal dunia.

Berdasarkan hukum syara', perwarisan harta pusaka akan terhalang apabila wujudnya empat perkara iaitu, hamba sahaya, perwaris membunuh dengan sengaja orang yang diwarisi, pewaris murtad, dan pewaris merupakan anak luar nikah (bagi harta pusaka bapa). Walau bagaimanapun, perkeliling ini melindungi hak waris yang berhak mendapat harta pusaka dengan menyenaraikan waris-warisi yang mempunyai hak yang tidak terhalang iaitu ibu, bapa, anak lelaki, anak perempuan dan suami atau isteri.

Dalam melihat pembahagian harta pusaka ini terdapat hak, kepentingan dan tanggungan si mati yang merupakan peninggalan iaitu harta pusaka yang perlu dibahagikan. Berlandaskan hukum syara', perkeliling ini menerangkan harta pusaka atau peninggalan si mati sebagai semua harta yang dimiliki oleh si mati semasa hayatnya yang berupa barang atau benda, hak seperti hakmilik dan iktisas yang terus dimiliki oleh simati sehinggalah kematiannya. Harta yang dimiliki oleh simati perlulah diperolehi secara halal melalui jual beli, pusaka, hibah, wasiat dan hadiah atau sedekah. Selain harta, barang atau benda yang dimiliki, sewaan dan hutang yang masih belum dijelaskan kepada si mati turut merupakan harta simati. Perkara-perkara seperti faedah yang dihasilkan dari harta simati, seperti dividen adalah harta simati yang boleh dipusakai oleh warisnya. Terdapat juga barang-barang

yang terbit hasil dari usaha si mati sebelum kematiannya yang boleh dibahagikan sebagai harta pusaka.

Selain dari harta-harta yang boleh dibahagikan, terdapat juga harta-harta yang tidak boleh dibahagikan kerana si mati tidak mempunyai hak dan kepentingan keatas harta tersebut selepas kematiannya. Harta tersebut adalah, harta yang telah diberikan oleh si mati kepada seseorang atau pihak tertentu semasa hayatnya, harta yang telah dijual oleh si mati, harta yang telah diwakafkan, khairat kematian, pemberian oleh orang yang menziarahi si mati, pencen terbitan, dan harta yang dipinjamkan.

v. Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Peneroka FELDA

Permohonan pembahagian harta pusaka hanya boleh dilaksanakan oleh individu tertentu sahaja. Menurut perkeliling ini, bukan sahaja waris si mati yang layak membuat permohonan pembahagian harta pusaka. Terdapat pihak-pihak lain yang mempunyai kepentingan tertentu yang berhak membuat permohonan pembahagian ini, iaitu pemiutang dan pengkaveat, pembeli dibawah surat penjanjian jual beli yang sah, dan pemegang gadaian atau pemegang pajakan tanah simati. Selain itu, pihak-pihak yang berperanan dalam menguruskan harta pusaka si mati turut mempunyai hak dalam membahagikan harta pusaka ini iaitu, Penghulu atau Pegawai Petempatan yang diarahkan oleh Pentadbir Tanah. Majlis Agama Islam (Baitulmal), dan Pengurus Rancangan bagi pihak FELDA sebagai pihak yang berkepentingan apabila simati masih berhutang dengan FELDA iaitu hakmilik tanah belum diserahkan kepada peneroka dan simati meninggalkan waris bawah umur.

vi. Keperluan Disegerakan Pembahagian Harta Pusaka Peneroka FELDA

Keperluan disegerakan proses pembahagian harta pusaka peneroka FELDA ini turut diterangkan dalam Perkeliling Bil 1/2004 ini. Sebagaimana yang telah diterangkan, perlaksanaan pembahagian harta pusaka perlu

dilaksanakan dengan segera bagi mengatasi dan mengelakkan pelbagai masalah akibat penangguhan atau kelewatan pembahagian. Pembahagian harta pusaka yang perlu dilaksanakan dengan segera ini bukan sahaja selaras dengan tuntutan agama. Pembahagian harta pusaka yang dilaksanakan dengan cepat membolehkan harta pusaka tersebut dimanfaatkan oleh semua waris. Kelewatan pembahagian harta pusaka akan mengakibatkan penguasaan harta secara batil oleh individu tertentu. Oleh itu, pembahagian harta pusaka ini perlu dilaksanakan dengan cepat supaya harta dimiliki oleh individu yang berhak dengan perantaraan penganti peneroka yang sah di sisi undang-undang serta dapat mengelakkan harta pusaka terbiar dan tidak di uruskan.

vii. Peranan Pengurus dan Pelaksanaan Pembahagian Harta Pusaka Peneroka FELDA

Pengurus rancangan adalah individu penting dalam sesebuah rancangan FELDA yang berperanan menguruskan kawasanya dari semua sudut termasuk memberi nasihat dan pandangan. Dalam proses pembahagian harta pusaka peneroka FELDA ini, pengurus rancangan memainkan peranan penting dalam memastikan harta pusaka peneroka diuruskan dengan baik. Pengurus rancangan berperanan dalam menerangkan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh waris peneroka apabila berlaku kematian.

Peranan Pengurus dan pelaksanaan pembahagian ini telah diterangkan dengan jelas menurut perkeliling bil 1/2004. Pengurus memainkan peranan utama dalam mendapatkan salinan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk pembahagian harta pusaka iaitu sijil kematian peneroka, salinan kad pengenalan waris-waris dan salinan hakmilik bagi tanah FELDA bagi yang telah di kurniakan hakmilik. Dokumen-dokumen ini penting supaya proses pembahagian harta pusaka yang akan dilaksanakan oleh waris peneroka berjalan dengan lancar.

Maklumat terkini rancangan berkenaan rekod kematian perlulah dikemaskini. Hal ini menjadi tanggungjaab pengurus untuk memastikan

maklumat kematian dalam Sistem Komputer Berintergrasi (SKB) Modul Peneroka dikemaskini dan dimaklumkan kepada Jabatan Tanah, Ibu Pejabat FELDA. Maklumat ini perlu dikemaskini dengan segera bagi tujuan memudahkan pengurusan tanah rancangan dilaksanakan dengan baik.

Dalam usaha memastikan pembahagian harta pusaka ini mengikut undang-undang, pengurus memainkan peranan penting dalam memastikan waris si mati dihubungi dan dijelaskan dengan teliti berkenaan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh mereka. Penjelasan berkenaan masalah harta sepencarian, pusaka dan proses pembahagian harta pusaka kecil di Pejabat Tanah Daerah perlu dijelaskan. Pengurus perlu memastikan waris-waris faham akan perbezaan pembahagian harta pusaka peneroka FELDA berbanding dengan harta pusaka lain. Hal ini penting bagi mengelakkan timbulnya masalah semasa bicara kuasa dilaksanakan.

Bagi memastikan harta pusaka si mati diuruskan dengan baik, pengurus perlu melantik seorang wakil sementara dikalangan waris. Wakil sementara ini mempunyai kuasa untuk menguruskan harta pusaka peneroka FELDA sahaja, sehinggalah keputusan penggantian si mati yang sah disisi undang-undang ditetapkan. Selain itu, pengurus perlu menyemak baki hutang simati dengan FELDA sehingga tarikh kematiannya. Sekiranya ada, baki hutang yang ditetapkan ini perlukan dimaklumkan kepada waris dan bahagian Pusaka Kecil Pejabat Tanah Daerah bagi memastikan pembahagian dilaksanakan tanpa masalah.

Seperti yang telah diterangkan, pengurus bertanggungjawab dalam menghubungi waris-waris simati. Dalam hal ini, pengurus perlu menyiasat dan menyemak maklumat waris si mati. Sama ada si mati meninggalkan waris kadim iaitu ibu bapa, isteri dan anak kandung. Sekiranya si mati tidak meninggalkan waris atau hanya meninggalkan anak di bawah umur, pengurus perlu menyiasat waris terdekat yang boleh membuat permohonan harta pusaka kecil bagi tujuan mewarisi harta simati. Bagi kes-kes kematian peneroka yang hanya meninggalkan waris di bawah umur dan tiada waris

terdekat, pengurus perlu memaklumkan kepada Pejabat Tanah Daerah supaya permohonan pembahagian harta pusaka boleh di laksanakan oleh Penghulu Mukim atau Pegawai Petempatan, Pejabat Tanah.

Dalam proses pembahagian harta pusaka peneroka ini, pengurus rancangan adalah individu yang memainkan peranan penting dari proses awal sehinggalah proses terakhir. Pengurus rancangan perlu memastikan nama pengganti peneroka iaitu peneroka baru yang merupakan waris si mati di maklumkan kepada pihak Jabatan Tanah, Ibu Pejabat FELDA. Hal ini adalah proses terakhir yang penting untuk memastikan maklumat peneroka FELDA sentiasa dikemaskini.

viii. Proses Perlaksanaan Pengurusan Harta Pusaka Peneroka di Bawah Perkeliling KPTG Bil 1/2004

Proses pembahagian harta pusaka peneroka FELDA dalam Perkeliling Bil 1/2004 ini meliputi proses permohonan, proses perbicaraan harta pusaka kecil, keputusan perbicaraan dan permohonan ulang bicara. Sebelum proses pembahagian ini dilaksanakan, pengurus rancangan perlu memastikan tuntutan harta sepencarian oleh bekas-bekas isteri telah diselesaikan bagi kes-kes isteri peneroka.

Pihak yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah ini di peringkat rancangan selain dari pengurus adalah Jawatan Kuasa Tuntutan Harta Sepencarian peringkat rancangan. Jawatankuasa ini akan mengenalpasti perbelanjaan pengurusan jenazah, menyelesaikan hutang si mati, meluluskan wasiatnya tidak lebih dari 1/3 dari hartanya sekiranya ada, dan hak-hak tertanggung pada harta tersebut seperti gadaian dan tuntutan agama seperti zakat, nazar, kifarah, haji serta fidyah. Perbelajaan tersebut perlu diselesaikan bagi membolehkan baki harta si mati menjadi pusaka yang sah untuk di agihkan kepada waris yang berhak di bawah undang-undang yang diputuskan dalam perbicaraan Harta Pusaka di Pejabat Tanah Daerah berkenaan.

Dalam proses permohonan pembahagian harta pusaka kecil, pengurus bertanggungjawab dalam membantu waris si mati mengemukakan permohonan di Pejabat Tanah Daerah atau Unit Pembahagian Pusaka Kecil berkenaan. Peranan Pengurus termasuklah memastikan Borang A (Aturan 3(1) dikemukakan oleh waris dilengkapi dokumen-dokumen yang diperlukan. Dokumen-dokumen tersebut adalah, dua salinan surat akuan kematian, dua salinan permit mengubur, salinan dokumen harta tak alih dan harta alih, salinan kad pengenalan waris-waris yang memohon, salinan surat beranak bagi waris di bawah 12 tahun kebawah, No. daftar pegangan yang di sahkan oleh pengurus bagi harta tanah yang belum di kurniakan hakmilik dan bayaran penda ftaran sejumlah RM10.00 atau kadar lain yang di ditetapkan oleh Pejabat tanah. Borang A yang telah lengkap di isi ini akan dikemukakan kepada Pejabat Tanah Daerah atau Unit Pembahagian Pusaka Kecil. Dalam proses permohonan ini, pengurus perlu sentiasa berhubung dengan Pejabat Tanah Daerah atau Unit Pembahagian Pusaka Kecil bagi mendapatkan tarikh perbincaran serta memastikan maklumat yang dilampirkan dalam permohonan adalah lengkap.

Setelah permohonan dibuat, tarikh perbocaraan akan di maklumkan oleh pihak Pejabat Tanah Daerah atau Unit Pembahagian Pusaka Kecil. Pengurus perlu membantu waris (pemohon) si mati menghubungi waris-waris yang berhak menerima pusaka si mati mengikut syara' untuk memaklumkan tarikh perbincaran. Setiap waris perlu menghadiri perbincaran ini. Sekiranya terdapat waris yang tidak dapat hadir semasa perbincaran, waris berkenaan perlulah menandatangani borang persetujuan (Lampiran) dan borang ini perlulah dibawa oleh waris lain semasa perbincaran bersama-sama dokumen asal yang lain. Selain itu, pengurus atau wakilnya perlu hadir dalam perbincaran yang dilaksanakan sebagai pemerhati dan saksi sekiranya di perlukan.

Keputusan perbincaran harta pusaka akan dinyatakan dalam Borang E di bawah Perintah Pembahagian Seksyen 13 iaitu pindahan terus dan Borang F yang berkaitan dengan perlantikan Pentadbir dengan memberikan Surat

Kuasa Mentadbir Seksyen 13. Pindahan terus bermakna semua bahagian harta simati akan diturun milik kepada salah seorang ahli waris setelah mendapat persetujuan semua waris-waris yang lain untuk menyerahkan bahagian-bahagian masing-masing kepada pemilik baru dan akan di daftarkan dalam suratan hakmilik atau di daftar dalam hakmilik pegangan bagi yang belum dikurniakan hakmilik. Perlantikan Pentadbir pula berlaku apabila waris-waris tidak bersetuju menyerahkan bahagian masing-masing kepada seorang waris. Pentadbir ini tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas harta simati. Keputusan yang di perolehi semasa perbincangan sukar memenuhi kepuasa hati waris-waris, oleh itu, waris yang tidak bersetuju boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari selepas perintah Borang E atau Borang F di keluarkan melalui Pentadbir Tanah Daerah.

Proses terakhir dalam pembahagian harta pusaka ini adalah proses ulang bicara yang di tuntutan oleh waris. Bagi melaksanakan proses ini Borang P (Lampiran) perlu dikemukakan kepada pejabat Tanah atau Unit Pembahagian Pusaka Kecil dengan di lengkapi dokumen yang diperlukan dan bayaran sebanyak RM10.00 untuk pendaftaran. Pengurus turut memainkan peranan dalam proses ini bagi membantu waris supaya mengemukakan permohonan ulang bicara apabila terdapat harta si mati yang tertinggal dalam permohonan awal dan Perlantikan Pentadbir lain bagi menggantikan pentadbir sedia ada. Selain itu permohonan ulang bicara juga perlu dilaksanakan bagi membatalkan Surat Kuasa Mentadbir dan pembahagian pusaka apabila penurunan milik kepada seorang waris dipersetujui oleh semua waris.

2.6 Kesimpulan

Pembahagian harta pusaka peneroka FELDA masalah sememangnya wujud dan masalah ini adalah berkaitan dengan konflik dikalangan waris dan proses permohonan pembahagian harta pusaka yang tidak dilaksanakan oleh waris-waris. Apabila pertikaian berlaku dikalangan waris-waris, perlantikan pentadbir sementara akan dilakukan bagi menguruskan harta tersebut sehinggalah waris-waris mendapat persetujuan untuk melantik seorang waris yang akan di turun milik. Perlantikan pentadbir sementara juga mempunyai masalah apabila pentadbir tidak amanah dan hal ini boleh di lihat dalam kes-kes pembahagian yang akan diterangkan dalam bab berikutnya.

BAB 3

LATAR BELAKANG UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN PUSAKA ORANG ISLAM DI MALAYSIA

3.1. Pengenalan

Sebelum Perang Dunia Kedua, Pentadbiran Pusaka orang-orang Islam di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah dan Perlis diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam atau Mahkamah Syariah negeri masing-masing. Tetapi selepas itu pentadbiran pusaka adalah dikendalikan di peringkat Persekutuan dan di Mahkamah Tinggi Sivil, kerana urusan pembahagian pusaka atau perwarisan berwasiat dan tidak berwasiat serta urusan mengeluarkan surat kuasa tadbir diletakkan di bawah Senarai 1 Jadual ke-9, Senarai Persekutuan. Pentadbiran pusaka orang-orang Islam dan bukan Islam dikendalikan sepenuhnya oleh Pegawai Penyelesai Pusaka, Perbadanan Amanah Raya Berhad (Pemegang Amanah Raya) atau Mahkamah Tinggi Sivil. Walau bagaimanapun, kadar pembahagian pusaka orang-orang Islam dan penentuan waris-waris sama ada berhak atau tidak akan diputuskan oleh Mahkamah Syariah menurut undang-undang pusaka Islam (Faraid).

Mahkamah Syariah mempunyai kuasa mengeluarkan atau mengesahkan waris-waris yang berhak dan kadar bahagian masing-masing dalam bentuk Sijil Faraid atau Perakuan Ahli Waris. Demikian juga perkara-perkara hukum syarak yang lain seperti menentukan kesahatarafan anak, sah atau tidak akad perkahwinan, harta sepencarian, menegahkan wasiat, wakaf, hibah dan sebagainya, adalah dibawah tanggungjawab dan kuasa mahkamah syariah.

i. Kuasa Perundangan Persekutuan dan Negeri

Sebagai sebuah negara persekutuan, pembahagian kuasa di antara Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri-negeri telah ditentukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukan bahawa kerajaan persekutuan mempunyai kuasa yang lebih luas berbanding dengan kuasa kerajaan negeri-negeri. Tujuan pembahagian kuasa ini dibuat adalah penting bagi menyelesaikan beberapa pertelingkahan yang mungkin atau telah berlaku di antara negeri-negeri. Inilah bertuk negara persekutuan yang diamalkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang berasaskan kepada Laporan Suruhanjaya Reid, tahun 1957.

Justeru berhubung dengan undang-undang pusaka orang-orang Islam (faraid) dan pentadbiran pusaka bagi orang-orang Islam terdapat dua peruntukan yang berbeza dalam Jadual Ke-9 dalam Senarai 2(1) iaitu Senarai Negeri dan yang kedua pula diletakkan di bawah Senarai 1(4)(e) iaitu Senarai Persekutuan. Kedudukan yang lebih jelas dapat diperhatikan dalam kedua-dua senarai yang disebut diatas.

Berdasarkan kedua-dua senarai diatas jelas menunjukkan bahawa undang-undang pusaka Islam (Faraid) terletak dibawah bidang kuasa negeri-negeri manakala pentadbiran keadilan termasuk pentadbiran pusaka bagi orang Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Pesekutuan. Oleh kerana itu, Parlimen telah meluluskan dua jenis undang-undang bagi mentadbir pusaka orang Islam dan bukan Islam iaitu Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1958.

Dalam pentadbiran dan penyelesaian kes-kes pusaka orang Islam, Mahkamah Syariah hanya diberi kuasa memperaku dan mengesahkan bahagian-bahagian yang akan diperolehi oleh waris-waris dalam bentuk Sijil Farid atau Perakuan Ahli Waris sahaja. Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undangdiri yang berkaitan dengan undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, perceraian,

penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, undang-undang keluarga, pemberian atau mewarisi harta berwasiat atau tidak berwasiat adalah diletak di bawah Senarai Bersama, di mana Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri sama-sama mempunyai kuasa tentang perkara-perkara tersebut.

3.2 Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Pentadbiran Pusaka Di Malaysia

i Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia

Undang-undang pusaka Islam atau faraid merupakan satu sistem pembahagian pusaka dalam Islam yang bersumberkan wahyu daripada Allah iaitu melalui Al-Quran. Sistem ini dirujuk kepada ayat al-mawarith dalam Surah al-Nisa' ayat 11:

Maksudnya:

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, Iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati. dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang Yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat Yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-

bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya Yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti Yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Surah al-Nisa’ ayat 12:

Maksudnya:

“ Dan bagi kamu satu perdua dari harta Yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu peroleh satu perempat dari harta Yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat Yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta Yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perlepasan dari harta Yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat Yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. dan jika si mati Yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, Yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. kalau pula mereka (saudara-saudara Yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat Yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat Yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.”

Surah al-Nisa’ ayat 176:

Maksudnya:

“ Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad mengenai masalah Kalaalah). katakanlah: "Allah memberi fatwa kepada kamu di Dalam perkara Kalaalah itu, Iaitu jika seseorang mati Yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu satu perdua dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta Yang di tinggalkan oleh si mati. dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan". Allah menerangkan (Hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

Oleh itu, jelaslah bahawa Islam amat menitik beratkan tentang penjagaan serta pembahagian harta pusaka dalam Islam supaya tidak berlaku penyelewengan.

Justeru di Malaysia perkara-perkara yang berkaitan dengan pusaka bagi orang-orang Islam adalah termasuk dalam bidang kuasa kerajaan negeri sepertimana yang diperuntukkan di dalam Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan iaitu Senarai 2(1) melibatkan Senarai Negeri iaitu:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan, Hukum Syara’, dan Undang-Undang Diri dan Keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syara’ berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah... ”

Oleh itu berkaitan dengan pentadbiran pusaka atau pewarisan harta berwasiat dan tak berwasiat maka ia termasuk dalam Senarai 1(4)(e) iaitu

Senarai Persekutuan dan ini menyebabkan terdapat banyak statut-statut Persekutuan yang telah diluluskan oleh parlimen berhubung dengan perwarisan berwasiat dan tidak berwasiat.

ii. Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955

Akta ini merupakan undang-undang bersifat tadbiran. Tujuan akta ini diperkenalkan ialah untuk meyelaraskan dan menyeragamkan cara-cara pembahagian dan tadbiran pusaka si mati sama ada beragama Islam atau bukan beragama Islam. Di samping itu, akta ini diluluskan bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan dan mempercepatkan urusan pengendalian dan pengurusan sesuatu tuntutan pembahagian pusaka kecil. Akta ini digunakan kepada semua tuntutan harta pusaka seseorang si mati sama ada semuanya mengandungi tanah-tanah sahaja atau sebahagiannya mengandungi tanah bersama dengan harta-harta alih yang lain seperti wang tunai, saham, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), dan sebagainya tetapi jumlah nilai harta itu hendaklah tidak melebihi RM 2,000,000.00 pada tarikh permohonan dibuat .

iii. Undang-undang Pusaka Bukan Islam (Akta Pembahagian 1958)

Manakala bagi orang-orang bukan Islam, cara-cara pembahagian harta pusaka mereka ditetapkan dalam Akta Pembahagian 1958. Akta ini diluluskan bertujuan untuk menjelaskan hak-hak perwarisan harta si mati yang bukan beragama Islam serta bahagian-bahagian setiap seorang daripada mereka. Akta ini terpakai sekiranya si mati tidak meninggalkan wasiat. Bahagian setiap waris mengikut akta ini berbeza-beza mengikut keadaan sesuatu kes itu. Sebagai contoh bapa atau ibu masing-masing mendapat $\frac{1}{2}$ bahagian jika si mati tidak mempunyai waris lain. Jika ada waris lain lain, bapa akan mendapat $\frac{1}{8}$ dan ibu mendapat $\frac{1}{8}$ bahagian. Jika si mati meninggalkan bapa, ibu, isteri dan anak-anak, maka bapa mendapat $\frac{1}{8}$, ibu $\frac{1}{8}$ isteri $\frac{2}{8}$, dan anak-anak mendapat $\frac{4}{8}$ bahagian. Sebaliknya, jika si mati

hanya meninggalkan suami dan atau isteri tanpa waris-waris yang lain, maka suami atau isteri akan mendapat kesemua bahagian harta si mati dan jika si mati tidak mempunyai waris, maka menurut akta ini harta pusaka si mati akan kembali kepada kerajaan. Anak yang tidak sah taraf tidak boleh mewarisi harta ibunya jika ada anak yang sah taraf.

iv. Akta Probet dan Pentadbiran 1959

Akta ini dilaksanakan terhadap harta pusaka besar (biasa) dan harta pusaka ringkas. Harta pusaka besar ialah harta pusaka yang jumlah nilainya lebih daripada RM 2,000,000.00 sama ada terdiri daripada harta alih semuanya atau semuanya harta tak alih atau terdiri dari campuran harta alih dengan harta tak alih atau harta pusaka yang jumlah nilainya kurang daripada RM 2,000,000.00 tetapi si mati ada meninggalkan wasiat.

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 telah dikuatkuasakan pemakaiannya di seluruh Semenanjung Malaysia pada 1hb Februari 1960. Akta ini memperuntukan cara-cara untuk mendapatkan surat kuasa probet dan surat kuasa tadbir. Permohonan untuk mendapatkan surat kuasa probet dan surat kuasa tadbir boleh dibuat di Mahkamah Tinggi Sivil. Menurut akta ini terdapat tiga jenis surat kuasa wasiat dan kuasa tadbir, iaitu :

- a. Surat kuasa wasiat (probet) jika si mati meninggalkan wasiat yang meliputi semua hartanya (bagi si mati yang bukan beragama Islam).
- b. Surat kuasa tadbir bagi harta pusaka tanpa wasiat (intestate estate)
- c. Surat kuasa tadbir dengan wasiat berkembar apabila si mati meninggalkan wasiat untuk sebahagian daripada harta peninggalannya dan sebahagian yang lain tanpa wasiat.

v. Enakmen Rizab Melayu Negeri-Negeri

Enakmen ini melarang sebarang urusan niaga dan pindah milik tanah simpanan Melayu kepada bukan Melayu. Enakmen ini menghadkan penurunan milik tanah simpanan Melayu si mati kepada waris yang bukan Melayu, tetapi beragama Islam. Dari segi hukum syarak mereka berhak kepada harta pusaka itu .

vi. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri

Enakmen ini pula mempunyai kuasa untuk memutuskan beberapa perkara yang berkaitan dengan harta seorang islam terutamanya mengenai harta sepencarian, pusaka, hibah, dan wakaf. Kadangkala dalam kes-kes tertentu fatwa mufti diperlukan bagi menentukan harta pusaka dan orang yang berhak terhadap harta itu.

vii. Undang-Undang Penama

Melantik penama satu arahan yang sah mengikut undang-undang dan amalan itu meliputi seluruh orang-orang Islam, berbeza dengan Ordinan Wasiat 1959, yang hanya dipakai bagi orang-orang yang bukan beragama Islam sahaja. Persoalan penamaan (Nomination) pada hakikatnya adalah sama dengan wasiat harta benda. Apabila berlaku kematian ke atas seorang penyimpan harta dan wang itu akan menjadi hak mutlak penama sedangkan penama itu kebanyakannya terdiri daripada ahli-ahli waris yang berhak menerima pusaka. Bagi orang-orang Islam, pelantikan penama seperti ini jelas bertentangan dengan hukum faraid dan undang-undang wasiat Islam . Apabila membicarakan soal penamaan ia melibatkan dua jenis harta iaitu :

- a. Harta simpanan dalam institusi kewangan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bank Simpanan Nasional, Tabung Haji dan sebagainya.
- b. Wang insuran nyawa yang ditinggalkan oleh si mati.

Pelantikan penama sudah lama diamalkan di Malaysia baik tentang harta orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam, tetapi baru-baru ini perkara ini telah mendapat perhatian pihak berkuasa yang mengambil keputusan bahawa amalan penamaan dan undang-undang penamaan yang bercanggah dengan hukum dan wasiat Islam hendaklah dipinda supaya tidak membolehkan orang-orang Islam membuat sebarang penamaan atau supaya penamaan hanya boleh dibuat oleh orang-orang bukan Islam sahaja.

vii Customary Tenure Enactment

Enakmen ini lebih dikenali sebagai Enakmen Pegangan Adat yang memperuntukan cara-cara pembahagian harta pusaka berkaitan dengan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka. Tanah adat ialah tanah dibawah hak milik Pejabat Tanah yang diwartakan di bawah Enakmen Pegangan Adat dan Enakmen Pegangan Adat (Tanah Lengkongan) 1960 dan ianya diwarisi secara turun temurun oleh sesuatu kaum secara berkelompok. Dalam sijil daftar tanah adapt tercatat nama suku atau kaum berkenaan. Tanah adat banyak terdapat di daerah Jelebu, Rembau, Kualau Pilah, Jempol, Tampin dan Gemas di Negeri Sembilan. Sementara di Melaka pula di Alor Gajah dan Jasin .

3.3 Pihak Terlibat Dalam Pembahagian Harta Pusaka

i. Pejabat Tanah Bahagian Pusaka Kecil

Untuk jumlah aset yang kurang dari RM2,000,000 dan aset simati mengandungi hartanah (Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955); atau

ii. Mahkamah Tinggi:

Untuk semua bentuk aset di mana nilainya melebihi RM2,000,001 (Kaedah-Mahkamah Tinggi 1980).

iii. Mahkamah Syariah

Dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia, Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk mengeluarkan sijil faraid atau perakuan ahli waris. Sijil faraid atau perakuan ahli waris ialah satu sijil atau perakuan yang dikeluarkan si mati yang beragama Islam, waris-waris yang berhak dan bahagian masing-masing terhadap harta pusaka tersebut. Sijil faraid atau perakuan ahli waris telah diberi kuasa hanya kepada Mahkamah Syariah mengeluarkannya .

Sijil faraid hendaklah disahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sekalipun ianya dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah negeri-negeri. Sijil ini biasanya mengandungi nilai harta pusaka si mati, nama-nama waris yang berhak dan bahagian masing-masing. Sijil ini dikeluarkan apabila terdapat permohonan daripada waris-waris atau pihak-pihak tertentu yang berhasrat untuk membahagikan harta pusaka si mati mengikut hukum syarak.

Sijil faraid amat penting dalam pembahagian dan pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Malaysia kerana pembahagian dan pengeluaran harta pusaka si mati akan dibuat berdasarkan sijil yang telah disahkan itu. Sijil ini diperlukan dalam semua tuntutan harta pusaka si mati sama ada dibuat melalui Mahkamah Tinggi Sivil, Pegawai Penyelesai Pusaka atau Amanah Raya Berhad sama ada dalam bentuk harta pusaka kecil, harta pusaka besar ataupun harta pusaka ringkas.

iv. Amanah Raya Berhad (ARB)

Amanah Raya Berhad adalah sebuah syarikat amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 dan dikorporatkan di bawah Akta Syarikat 1965. ARB beroperasi sebagai sebuah syarikat pada 1 Ogos 1995 selepas ia dikorporatkan. Sebelum itu, ARB merupakan jabatan kerajaan yang dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia yang telah wujud semenjak tahun 1921.

Antara peranan ARB ialah sebagai pemegang amanah, wasi, pentadbir, penjaga, sahabat, wakil ejen, penerima dan sebagainya. Kemudian sebagai pemegang atau pentadbir Surat Kuasa Probet dan Surat Kuasa Tadbir. Selain itu, ia juga sebagai ganti wasi, pemegang amanah atau pentadbir yang sedia ada. ARB juga boleh diberi Surat Kuasa Tadbir apabila pempetisyen gagal mengambilnya. Akhir sekali boleh mengambil milik harta untuk simpanan selamat.

3.4. Bidang Kuasa Arb Terhadap Pentadbiran Harta Pusaka

- i. Seksyen 17(1) Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 memberi kuasa kepada Amanah Raya Berhad untuk mentadbir harta pusaka yang mengandungi harta alih sahaja yang bernilai tidak lebih RM 600,000.00.
- ii. Seksyen 3(2), seksyen 4, dan seksyen 13 Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, memberi kuasa kepada Amanah Raya Berhad memfailkan petisyen di Pejabat Penyelesai Pusaka Kecil untuk dilantik sebagai pentadbir atau mendapatkan perintah pembahagian bagi harta pusaka yang mengandungi harta alih dan harta tak alih sahaja yang bernilai melebihi RM 2,000,000.00.
- iii. Seksyen 77A Akta Probet dan Pentadbiran 1959 memberi kuasa kepada Amanah Raya Berhad untuk memfailkan petisyen di Mahkamah Tinggi Sivil

bagi mendapatkan Surat Kuasa Probet dan Surat Kuasa Tadbir bagi kes-kes berikut :

- a. Kes pusaka yang mengandungi harta alih dan harta tak alih bernilai lebih daripada RM 600,000.00
- b. Kes si mati meninggalkan wasiat (jika wasiat hanya mengandungi harta alih sahaja)
- c. Pentadbir yang dilantik terdahulu meninggal dunia.
- d. Pentadbir dahulu gagal menyelesaikan pentadbiran harta pusaka atau wasi yang dilantik oleh pewasiat menolak perantikannya atau meninggal dunia.

3.5. Pembahagian Harta Pusaka Menurut Syarak

Sehingga hari ini, di Malaysia tidak ada satu bentuk undang-undang Pusaka Islam (faraid) yang telah dikanunkan dalam bentuk undang-undang bertulis oleh negeri-negeri seperti yang terdapat di Mesir iaitu Qanun al-Mawarith 1943. Ilmu ini berlainan dan unik jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu pembahagian harta pusaka yang lain kerana ianya diturunkan oleh Allah s.w.t dan disampaikan oleh rasulnya iaitu Nabi Muhammad s.a.w Ilmu faraid ini wajib diikuti oleh semua umat Islam kerana ianya datang daripada Allah dengan dalil dan tanda-tanda yang jelas.

Walau bagaimanapun, kaedah pembahagian pusaka secara Islam telah diikuti sepenuhnya oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri. Dalam hal ini, rujukan bolehlah dibuat kepada kitab-kitab fiqh Mazhab Shafie untuk menentukan kedudukan waris-waris dan bahagian-bahagian yang sepatutnya mereka terima dalam harta pusaka si mati yang beragama Islam.

Sebelum datangnya agama Islam, sistem pembahagian harta pusaka adalah belandaskan hawa nafsu. Harta pusaka hanya diberi kepada kaum lelaki, melalui perjanjian dan anak angkat sahaja. Manakala kaum yang lemah seperti orang perempuan, mereka tidak ada hak di dalam pembahagian. Maka ini menimbulkan ketidakadilan dan penindasan. Oleh itu, ilmu ini diturunkan bagi melindungi kepentingan dan bagi mengelakkan berlakunya penindasan. Ilmu faraid ini jelas diwahyukan kepada umat Islam dengan turunnya ayat al-mawarith iaitu surah al-Nisa' ayat 11, 12, dan 176. Dan selepas itu telah berlaku beberapa pembaharuan di dalam ilmu faraid dan ianya terus kekal dan diamalkan sehingga sekarang. Di dalam kajian ini akan dijelaskan mengenai definisi, sumber ilmu, waris-waris, cara pembahagian harta pusaka dan hak-hak yang berkaitan dengannya.

3.6. Konsep Harta Pusaka Menurut Syarak

i. Definisi Ilmu Faraid Atau Ilmu Al-Mawarith

Perkataan al-mawarith adalah kata jama' daripada perkataan mirath atau irth iaitu kata terbitan kepada waritha. Ia membawa dua maksud, pertamanya al-baqiyyah iaitu peninggalan atau yang kekal dan keduanya al-intiqal iaitu perpindahan sesuatu daripada seseorang kepada seseorang yang lain. Perkataan mirath dari segi istilah bermaksud kaedah-kaedah daripada fiqh dan hisab yang dapat mengetahui orang-orang yang berhak. Manakala perkataan al-faraid merupakan kata jama' daripada perkataan faridah yang bermaksud kadar yang tetap. Dari segi istilah bermaksud bahagian yang ditetapkan kepada waris-waris mengikut hukum syarak. Ada juga yang mendefinisikan ilmu faraid sebagai penetapan kadar warisan bagi ahli waris berdasarkan ketentuan syarak yang tidak bertambah kecuali dengan al-radd dan tidak berkurang kecuali dengan 'awl Ilmu faraid mencakupi tiga unsur penting di dalamnya:

- a. Pengetahuan tentang kerabat-kerabat yang menjadi ahli waris.
- b. Pengetahuan tentang bahagian setiap ahli waris, dan;
- c. Pengetahuan tentang cara menghitung yang dapat berhubung dengan pembahagian harta waris.

Oleh itu, ilmu al-mawarith atau ilmu faraid adalah merupakan satu disiplin ilmu yang membawa seseorang itu mengetahui tentang waris-waris yang berhak terhadap harta pusaka dan kadar yang wajib bagi setiap waris yang berhak itu.

3.7. Hukum Berkenaan Faraid

Menurut Islam, selepas kematian seseorang Muslim, maka wujudlah hak-hak tertentu ke atas harta yang ditinggalkannya. Hak-hak tersebut telahpun ditentukan sendiri oleh ALLAH secara khusus di bawah hukum faraid. Pembahagian faraid kepada yang berhak hukumnya adalah WAJIB untuk ditunaikan, dan FARDHU KIFAYAH kepada umat Islam (khususnya waris-waris) untuk menyelesaikannya, sama hukumnya seperti menyembahyangkan jenazah. Pembahagian harta pusaka menurut kaedah dan pelaksanaan Islam adalah suatu pembahagian yang sangat adil dan sistematik kerana ALLAH sebagai pencipta manusia mengetahui dimana letaknya kekurangan dan kelebihan dalam diri manusia itu.

Di dalam surah An-Nisa' ayat 11-13 telah menerangkan tentang kaedah pembahagian Faraid dengan jelas, manakala dalam surah yang sama ayat yang ke-14 Allah telah mengecam manusia yang beriman sekiranya ingkar dengan perintah ALLAH ini.

Maksud surah An-Nisa' (ayat 14):

"Dan barang siapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya dan melanggar ketentuan-ketentuan-Nya, nescaya ALLAH akan memasukkannya kedalam api neraka sedang ia kekal di dalamnya; dan baginya seksa yang menghinakan"

Ini jelas menunjukkan bahawa sekiranya umat Islam itu ingkar dengan ketentuan ALLAH, maka ALLAH akan **melemparkannya ke dalam api neraka selama-lamanya**. Ini menunjukkan bahawa suatu ancaman yang amat berat bagi mereka yang mengabaikan pelaksanaan hukum Faraid dalam pembahagian harta pusaka.

3.8. Pensyariatan Pembahagian Harta Pusaka

Allah s.w.t telah mensyariatkan pembahagian harta pusaka di dalam al-Quran untuk diamalkan oleh umat Islam. Ayat-ayat ini juga dikenali sebagai ayat al-mawarith. Antaranya ialah di dalam surah al-Nisa' ayat 11, 12 dan 176:

"Allah mensyari'atkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu, iaitu : bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan, jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua, maka bagi mereka 2/3 dari harta yang ditinggalkan. Dan jika anak perempuan itu seorang saja, maka ia memperoleh separuh harta. Dan bagi ibu-bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya 1/6 dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu-bapanya (sahaja), maka ibunya mendapat 1/3. Jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara (adik-beradik), maka ibunya mendapat 1/6. (Pembagian-pembagian tersebut di atas) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang ia buat dan sesudah dibayar hutangnya. (Tentang) ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat (banyak) manfaatnya

bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”

“Dan bagimu (suami-suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika Isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. Para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu. Jika seseorang mati, baik lelaki mahupun perempuan yang tidak meninggalkan bapa dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara laki-laki (seibu saja) atau seorang saudara perempuan (seibu sahaja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka berkongsi dalam yang sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudharat (kepada ahli waris). (Allah menetapkan yang demikian itu sebagai) syari'at yang benar-benar dari Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Penyantun”.

“Mereka meminta fatwa kepadamu (tentang kalalah). Katakanlah: "Allah memberi fatwa kepadamu tentang kalalah (iaitu): jika seorang meninggal dunia, dan ia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudaranya yang perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkannya, dan saudaranya yang laki-laki mempusakai (seluruh harta saudara perempuan), jika ia tidak mempunyai anak; tetapi jika saudara perempuan itu dua orang, maka bagi keduanya dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh yang meninggal. Dan jika mereka (ahli waris itu terdiri dari) saudara-saudara lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang saudara lelaki sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepadamu, supaya kamu tidak sesat. Dan Allah Maha mengetahui segala sesuatu.”

i Sebab Turunnya Ayat Al-Mawarith

Riwayat-riwayat yang menceritakan sebab turunnya ayat al-mawarith cukup banyak dan berbagai-bagai, diantaranya ialah sebagaimana yang diriwayatkan dari Bukhari dan Muslim bahawa: Isterinya (Sacad bin Al-Rabii'u) datang kepada Rasulullah s.a.w dengan membawa dua orang anak perempuannya dari Sacad kemudian dia bertanya:

“Ya Rasulullah, dua anak perempuan ini anaknya Sacad bin Al-Rabii'u, ayah mereka terbunuh dalam perang Uhud sebagai syahid dan bapa saudaranya mengambil hak waris miliknya dengan tidak memberikan hak warisnya sedikitpun, padahal dia tidak akan boleh menikah kecuali ada harta, maka Rasulullah menjawab: “Allah lah yang akan menentukan hukum atas mereka, maka turunlah ayat waris iaitu: “Allah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu”.

Kemudian Rasulullah s.a.w mengutus utusan kepada bapa saudara mereka dan menyuruhnya untuk memberi kedua anak perempuan Sacad sebanyak $\frac{2}{3}$ dari harta warisnya dan ibunya $\frac{1}{8}$ dan bakinya adalah milikmu. (H.R Bukhari dan Muslim)

Dan diriwayatkan pula bahawa ayat waris ini turun pada masalah: Abdul Rahman bin Thabit, katanya:

“Saudaraku husan Al-Syacir meninggal dunia dan meninggalkan isteri bernama Ummu Kahhah, dan lima saudara perempuan, kemudian datang ahli waris dari pihak suami dan mengambil seluruh harta peninggalannya, maka Ummu Kahhah melaporkannya kepada Rasulullah, maka turunlah ayat-ayat waris itu”

(H.R Ibnu Jarir)

Bagaimanapun, ayat-ayat al-mawarith ini turun kerana golongan perempuan diharamkannya daripada mendapatkan harta perwarisan.

3.9. Rukun-Rukun Pewarisan

Di dalam sistem pembahagian harta pusaka menurut syarak, terdapat rukun-rukunnya yang tersendiri. Tanpa rukun-rukun ini, pembahagian harta pusaka tidak boleh berlaku. Rukun-rukun tersebut terbahagi kepada tiga iaitu al-muwarrith, al-warith dan al-mawruth.

i. Al-Muwarrith

Al-Muwarrith iaitu pewaris yang mati samada secara hakiki, hukmi atau taqdiri. Mati secara hakiki ialah kematian seseorang itu dapat disaksikan dengan mata kasar oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi atau terdapat tanda-tanda kematiannya seperti ada kubur. Mati secara hukmi ialah kematian seseorang itu diputuskan oleh hakim atau qadi berdasarkan beberapa faktor seperti seseorang itu hilang tanpa diketahui sekian lama setelah diadakan pemeriksaan yang sepatutnya. Manakala mati secara taqdiri pula ialah kematian seseorang itu melalui tanggapan atau andaian seperti bayi yang dilahirkan mati kerana perbuatan jenayah ke atas ibunya.

ii. Al-Warith

Al-Warith merupakan orang yang akan mewarisi harta peninggalan si mati (pewaris) dengan adanya salah satu daripada sebab-sebab pewarisan dan tidak mempunyai salah satu daripada halangan-halangan pewarisan. Waris hendaklah hidup semasa kematian pewarisnya walaupun seketika samada hidup secara hakiki atau taqdiri. Hidup secara taqdiri ialah kewujudan seseorang itu berdasarkan andaian yang munasabah seperti anak atau janin dalam kandungan ibunya.

iii. Al-Mawruth

Al-Mawruth ialah harta benda atau hak-hak yang ditinggalkan oleh pewaris yang akan diwarisi oleh waris-warisnya. Sebahagian ulama' menyebutnya dengan perkataan mirath atau irth. Harta benda yang ditinggalkan oleh pewaris terdiri daripada harta alih dan harta tak alih. Harta alih termasuklah wang, kenderaan, saham dan lain-lain lagi. Manakala harta tak alih pula termasuklah tanah, bangunan dan lain-lain. Termasuk di dalam kategori warisan ialah harta-harta atau hak-hak yang mungkin dapat diwariskan, seperti hak qisas, hak menahan barang yang belum diselesaikan hutangnya dan hak menahan barang gadaian.

3.10 Syarat Pewarisan

Syarat ialah apa yang lazim daripada ketiadaannya tidak ada hukum dan tidak lazim daripada adanya ada hukum atau tidak adanya. Apabila syarat-syarat ini tidak dipenuhi, maka pembahagian harta pusaka tidak dapat dijalankan. Syarat pewarisan di dalam syarak terbahagi kepada 3 iaitu:

- i. Pewaris mati: disyaratkan bahawa orang yang mewarisi harta tersebut mestilah meninggal dunia. Mati di sini ialah sama ada mati secara hakiki, secara hukmi atau taqdiri.
- ii. Mati secara hakiki: mati secara hakiki ialah kematian seseorang itu dapat disaksikan dengan mata kasar oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi atau terdapat tanda-tanda kematiannya seperti ada kubur atau wujud mayatnya.
- iii. Mati secara hukmi: mati secara hukmi ialah kematian seseorang diputuskan oleh hakim atau qadi berdasarkan keterangan-keterangan yang ada padanya. Begitu juga jika hakim menetapkan kematian seseorang yang menghilang tanpa diketahui tempatnya dan keadaannya.

- iv. Mati secara taqdiri: mati secara taqdiri ialah kematian seseorang itu melalui tanggapan atau andaian seperti anak kandungan yang lahir mati dengan sebab perbuatan jenayah ke atas ibunya. Maka syarak telah mewajibkan ghurrah iaitu seorang hamba lelaki atau perempuan dengan dikira 1/10 daripada diat yang sempurna sama ada anak kandungan itu lelaki ataupun perempuan.
- v. Waris hendaklah hidup: waris hendaklah hidup secara hakiki iaitu dilihat dengan mata kasar secara berterusan setelah kematian pewaris atau secara taqdiri seperti anak kandungan di dalam perut ibunya. Ini dikira sebagai golongan waris walaupun dia hidup bukan secara hakiki kerana mungkin pewarisnya mati sebelum ditiupkan roh ke dalamnya.
- vi. Mengetahui status dan tiada halangan perwarisan: sebelum pembahagian harta pusaka dilakukan, kita mestilah mengetahui status ahli waris terlebih dahulu seperti suami, isteri, ahli kerabat dan turutannya. Tidak boleh kita katakan bahawa: “si mati mempunyai seorang saudara lelaki” tanpa mengetahui sama ada si mati masih lagi mempunyai ahli-ahli waris lain seperti ibu, nenek dan sebagainya. Ini kerana bahagian yang diterima oleh ahli waris berbeza mengikut statusnya. Setiap seorang ahli waris mempunyai bahagiannya sendiri seperti ‘asabah, ashab al-furud dan ada sebahagiannya terhijab daripada menerima pembahagian.

3.11 Sebab-Sebab Pewarisan

Setelah memenuhi rukun-rukun pewarisan, segala harta peninggalan si mati tidak boleh dibahagikan kepada sesiapa pun kecuali mempunyai salah satu daripada sebab-sebab pewarisan. Tujuan utama sebab-sebab ini ialah untuk memelihara harta si mati daripada dibahagikan kepada mereka yang tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan si mati dan memberi hak kepada mereka yang berhak. Dengan ini akan wujudlah keadilan dalam pembahagian harta pusaka.

i. Kerabat atau Keturunan

Hubungan kerabat di antara pewaris dengan waris berlaku disebabkan kelahiran atau juga dikenali dengan hubungan nasab atau darah. Hubungan kerabat merupakan sebab yang terkuat bagi membolehkan seseorang itu mewarisi harta peninggalan si mati. Ini kerana hubungan kerabat tidak boleh dihilangkan tidak sebagaimana hubungan perkahwinan yang boleh terputus disebabkan berlaku perceraian. Golongan kerabat ini terbahagi kepada tiga iaitu:

- a. Furu' atau cabang kepada si mati termasuklah anak, cucu sehinggalah ke bawah samada lelaki atau perempuan, besar atau kecil.
- b. Usul atau asal kepada si mati termasuklah ibu, bapa, datuk dan nenek sehinggalah ke atas.
- c. Hawashi atau waris sisi kepada si mati termasuklah saudara-saudara samada lelaki atau perempuan, bapa saudara, anak saudara dan lain-lain.

Kesemua golongan di atas akan mendapat hak atau habuan mereka daripada harta pusaka berdasarkan kedudukan mereka. Ada golongan yang mendapat lebih dan ada yang kurang bergantung kepada kekuatan hubungan mereka dengan si mati. Begitu juga ada dikalangan mereka yang mendapat bahagian mereka secara fardu sahaja seperti ibu, ada yang mendapat fardu dan 'asabah seperti bapa, ada yang mendapat bahagian secara 'asabah sahaja seperti anak lelaki, anak lelaki daripada anak lelaki dan lain-lain.

Kerabat yang dimaksudkan di sini ialah kerabat hakiki. Oleh itu undang-undang pusaka Islam tidak mengiktiraf anak angkat untuk menerima harta pusaka keluarga angkatnya. Demikian juga anak zina dan anak lican, kedua-duanya tidak dianggap sebagai ahli waris yang sah dalam undang-undang pusaka Islam. Walaubagaimanapun, anak zina dan lican boleh mewarisi harta pusaka ibunya dan waris lain sebelah ibunya sahaja, tetapi tidak boleh mewarisi harta pusaka bapa pezina atau bapa yang menafikannya dan ahli waris sebelah bapa mereka.

ii. Perkahwinan

Iaitu perkahwinan yang sah antara dua pasangan (suami dan isteri), walaupun belum terjadi persetubuhan. Manakala perkahwinan yang fasid dan yang bathil tidak boleh saling mewarisi. Maka perkahwinan menyebabkan lelaki dan wanita dapat saling mewarisi selama mana akadnya masih wujud. Apabila isteri tersebut telah ditalakkan dengan talak raj'i, maka ia tidak akan menjadi penghalang kepada keduanya untuk saling mewarisi, sama ada suaminya mentalakkan isterinya dalam keadaan sihat ataupun sakit. Jika isterinya telah ditalakkan dengan talak ba'in, maka ijmak ulama' mengatakan bahawa mereka tidak dapat saling mewarisi di antara satu sama lain kerana ikatan perkahwinan mereka sudah tidak ada lagi.

Mengikut mazhab Syafi'i, isteri yang diceraikan dengan talak bain semasa sihat atau marad al-maut tidak berhak mendapat perwarisan. Menurut mazhab Hanafi pula, isteri masih mempunyai hak perwarisan jika ia dalam tempoh iddah bain. Jika tempoh iddah sudah berakhir, maka hak perwarisan kan gugur. Pendapat mazhab Hanbali mengatakan bahawa isteri masih mempunyai hak perwarisan walaupun tempoh iddah bain isterinya sudah berakhir selagimana dia tidak berkahwin dengan lelaki lain atau murtad. Manakala menurut mazhab Maliki, isteri mempunyai hak perwarisan secara mutlak sama ada ketika suami meninggal dunia dia masih berada dalam masa iddah-nya atau sudah berakhir atau dia sudah berkahwin dengan lelaki lain.

iii. Wala' atau Pembebasan Hamba

Ijmak ulamak mengatakan bahawa jika seseorang itu memerdekakan hamba, maka ia berhak mewarisi harta peninggalan bekas hambanya apabila ia tidak mempunyai waris lain. Pewarisan ini hanya berlaku dalam bentuk 'asabah sahaja iaitu ia menjadi waris 'asabah jika terdapat waris-waris lain kepada bekas hamba itu tidak menghabiskan semua harta yang ditinggalkan. Pembebasan hamba ini juga disebut sebagai 'asabah sababiyyah. Walaubagaimanapun, pewarisan ini hanyalah untuk tuan kepada bekas hamba sahaja, sebaliknya bekas hamba tersebut tidak boleh mewarisi harta bekas tuannya. Ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Sesungguhnya hak wala' itu hanya bagi orang yang telah memerdekakan hamba” (H.R al-Bukhari)”

iv. Baitulmal

Para ahli fuqaha' berselisih pendapat tentang bolehkah baitulmal mewarisi harta peninggalan. Dalam hal ini ada tiga pendapat:

Pertama: Baitulmal sebagai dibolehkan mewarisi secara mutlak sama ada baitulmal yang beroganisasi ataupun tidak. Jika seorang muslim meninggal dunia dan tidak mempunyai seorang pun ahli waris yang mewarisi harta peninggalannya, maka baitulmal berhak mewarisi harta peninggalan tersebut dan menggunakannya untuk kemaslahatan kaum muslimin. Pendapat ini dikemukakan oleh ulama' mazhab Maliki dan Imam Syafi'i dalam qaul qadim.

Kedua: Baitulmal menjadi ahli waris jika dia beroganisasi. Jika seorang muslim meninggal dunia dengan tidak memiliki ahli waris, maka harta tersebut akan diwarisi oleh baitulmal, bukan atas dasar kemaslahatan atau kepentingan sosial tetapi untuk diwarisi oleh kaum muslimin secara

ushubah. Pendapat ini dikemukakan oleh Imam Syafi'i melalui qawl jadid. Ini adalah berdasarkan hadis Nabi s.a.w yang bermaksud:

“Aku adalah ahli waris orang yang tidak mempunyai ahli waris. Aku dapat membayar dendanya dan mewarisinya.”

Meskipun Rasulullah s.a.w menjadi ahli waris orang yang tidak mempunyai ahli waris, namun beliau tidak mewarisi untuk dirinya sendiri. Akan tetapi harta peninggalan yang beliau warisi dibahagikan untuk kepentingan kaum muslimin kerana kaum muslimin juga dibebani kewajipan membayar diyat untuk si mati seperti ‘asabah dalam lingkungan kerabat. Oleh itu, penguasa dapat menyimpan seluruh atau sebahagian harta peninggalan di baitulmal atau dia mengkhususkan dari harta peninggalan kepada orang yang dikehendakinya.

Ketiga: Baitulmal tidak boleh menerima harta peninggalan secara mutlak sama ada ia berorganisasi ataupun tidak. Ini adalah pendapat ulama' di dalam mazhab Hanafi dan Hanbali. Mereka ini bersandarkan kepada firman Allah s.w.t di dalam surah al-Anfal ayat 75.

“Dan orang-orang yang beriman sesudah itu kemudian berhijrah serta berjihad bersamamu maka orang-orang itu termasuk golonganmu. Orang-orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat) di dalam Kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui segala sesuatu.”

Berdasarkan ayat di atas, baki harta peninggalan dikembalikan kepada ashab al-furud atau diwariskan kepada dhawi al-arham. Jika tidak ada seorang pun waris dari ashab al-furud, ‘asabah atau dhawi al-arham, maka harta itu akan diberikan kepada baitulmal. Pemberian ini bukan bermaksud bahawa baitulmal merupakan ahli waris, tetapi baitulmal dianggap sebagai penjaga harta waris sehingga ahli waris si mati itu diketahui.

3.12 Penghalang Kepada Pewarisan

Penghalang kepada pewarisan ialah seseorang waris yang berhak pada asalnya, tetapi telah terhalang daripada mendapatkan hak pewarisan oleh sebab-sebab tertentu. Perkara yang menghalang dari mendapat hak pewarisan terbahagi kepada empat perkara iaitu:

- i. Perhambaan: perhambaan adalah menegah seseorang daripada mempusakai. Tidak kira samada ia perhambaan penuh atau tidak. Oleh itu, tidak ada pusaka mempusakai di antara orang merdeka dengan hamba kerana perhambaan adalah menafikan keahlian memiliki. Hamba sebagai harta yang dimiliki tidaklah sesuai menjadi pemilik kerana yang dimiliki itu adalah menunjukkan kepada kelemahan, sedangkan yang memiliki adalah menunjukkan kepada kekuasaan dan kehebatan. Oleh itu, kedua-dua ini adalah bertentangan. Sebagaimana firman Allah Ta'ala di dalam surah an-Nahl ayat 75:

“Allah membuat perumpamaan dengan seorang hamba sahaya yang dimiliki yang tidak dapat bertindak terhadap sesuatupun dan seorang yang kami beri rezeki yang baik dari kami, lalu dia menafkahkan sebahagian dari rezeki itu secara sembunyi dan secara terang-terangan, adakah mereka itu sama?, segala puji hanya bagi Allah, tetapi kebanyakan mereka tiada mengetahui”.

Dan berdasarkan hadis Nabi s.a.w yang bermaksud:

“Hamba itu tidak memiliki melainkan perceraian”.

- ii. Membunuh: jika ahli waris membunuh muwarrith, maka ia tidak boleh menerima warisan daripada orang yang dibunuhnya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Tidak ada pusaka bagi si pembunuh”

(H.R Malik dan Ahmad dari ‘Umar)

Kaedah fiqhiyyah menetapkan: *“Orang yang menyegerakan sesuatu sebelum waktunya nescaya dihukum dengan tidak diberikan kepadanya apa yang diinginkan segera menerimanya”*

Menurut ulama’ mazhab Maliki, hanya pembunuhan yang disengajakan sahaja yang terhalang dari mendapatkan warisan, manakala pembunuhan yang tidak disengajakan tidak terhalang bagi mendapatkan warisan. Menurut mazhab Hanbali pula, setiap pembunuhan yang dikenakan qisas, diyat atau kafarat sahaja yang terhalang dari mendapatkan warisan, sedangkan pembunuhan yang tidak dikenakan apa-apa hukuman di atas tidak terhalang daripada mendapat warisan. Manakala menurut mazhab Syafi’i pula ialah segala jenis pembunuhan akan terhalang daripada mendapatkan perwarisan walaupun ia hanya bertindak sebagai saksi.

- iii. *Berlainan Agama: iaitu antara orang Islam dan orang kafir. Orang kafir tidak berhak mendapat warisan dari orang Islam, begitu juga sebaliknya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:*

“Orang Islam tidak mendapat warisan dari harta orang kafir dan orang kafir tidak mendapat warisan dari harta orang Islam”

(H.R. Muttafaqun ‘alaihi)

Menurut sebahagian ulama’, orang Islam boleh menerima warisan dari orang kafir, tetapi orang kafir tidak boleh menerima warisan daripada orang Islam. Mereka berpendapat bahawa agama Islam itu tinggi dan tidak ada agama yang lebih tinggi daripadanya. Ini ialah pendapat Marwi daripada Muaz bin Jabal r.a. Maka pendapat yang diterima ialah pendapat yang pertama iaitu pendapat jumhur yang diamalkan dengan hadis nabawi yang

jelas. Kerana asas perwarisan ialah bantu-membantu dan ini menafikan di antara orang Islam dan bukan Islam.

Manakala bagi orang yang murtad, ijma' ulama' mengatakan mereka tidak boleh mewarisi harta pusaka. Jumhur fuqaha' dari mazhab Maliki, Syafi'i dan sahih daripada mazhab Hanbali mengatakan bahawa orang Islam tidak boleh mewarisi harta orang murtad. Manakala bagi mazhab Hanafi pula mengatakan bahawa orang Islam boleh mewarisi harta orang murtad dan ini adalah pendapat Marwi.

3.13 Jenis Harta Pusaka Di Dalam Syarak

Harta pusaka di dalam Islam juga disebut sebagai harta peninggalan. Dari segi bahasa, peninggalan ini disebut di dalam bahasa Arab dengan perkataan 'al-tarikah' yang membawa maksud peninggalan. Dari segi istilah pula bermaksud apa yang ditinggalkan oleh seseorang selepas kematiannya sama ada dia mempunyai hutang ataupun tidak. Ada juga yang mendefinisikan al-tarikah ini sebagai apa sahaja yang ditinggalkan oleh seseorang setelah kematiannya sama ada berbentuk wang atau barang.

Di dalam syarak, ulama' telah berselisih pendapat mengenai harta yang termasuk di dalam harta peninggalan ini, antaranya:

- i. Mazhab Syafi'i: segala apa yang menjadi kepunyaan si mati semasa dia hidup, kemudian ditinggalkan untuk pewaris-pewarisnya sama ada berbentuk harta benda, hak kepunyaan, pengkhususan dan termasuklah segala apa yang termasuk di dalam miliknya setelah kematiannya. Di dalam kitabnya Nihayatul Muhtaj ada menyebutkan:

“Peninggalan si mati ialah apa yang ditinggalkan untuk orang yang kemudian daripadanya dari suatu hak seperti jenayah, tuduhan berzina, atau ikhtisas atau harta seperti arak yang telah menjadi cuka setelah kematiannya, diyat yang diambil dari pembunuhan kerana diyat itu termasuk di dalam pemilikannya. Begitu juga apa yang termasuk di dalam simpanannya semasa dia hidup.”

- ii. Mazhab Maliki: hak yang boleh dibahagikan dan menjadi milik orang yang berhak mendapatkannya (waris) setelah orang yang memilikinya dahulu itu mati.
- iii. Mazhab Hanbali: peninggalan si mati juga dikenali sebagai ‘al-muarith’ iaitu perkara yang dipusakai yang mana ia berhak diambil alih dari si mati dan disebut juga dengan ‘al-turath’ yang bermaksud peninggalan atau pusaka.
- iv. Mazhab Hanafi: apa yang ditinggalkan oleh si mati yang terdiri daripada harta-harta yang bebas dari bersangkut paut dengan hak orang lain seperti hutang. Maka harta ini tidaklah dikira sebagai harta peninggalan. Oleh itu haruslah dijelaskan segala hutang si mati dan dilaksanakan wasiatnya, kemudian baki dari harta tersebut barulah dibahagi-bahagikan kepada ahli waris. Manakala diyat yang wajib dengan sebab membunuh secara tidak sengaja atau sengaja tetapi telah diberi pengampunan supaya membayar diyat, maka harta tersebut juga termasuk di dalam harta peninggalan si mati.

3.14 Hak-Hak Yang Berkaitan Dengan Harta Pusaka

Apabila seseorang itu meninggal dunia, hartanya tidak boleh dibahagikan kepada ahli-ahli waris selagi belum diselesaikan beberapa hak yang berkaitan dengan harta tersebut. Hak-hak tersebut perlu diselesaikan mengikut urutan. Dan urutan yang harus dipenuhi adalah seperti berikut:

i. Perbelanjaan Pengkebumian Dan Pengurusan Jenazah

Perbelanjaan tersebut merangkumi proses memandikan, mengkafankan, mengebumi dan lain-lain perbelanjaan yang diperlukan untuk menguruskan jenazah. Walaupun dalam al-Quran tidak menjelaskan sama sekali berkenaan jumlah sesuatu pengurusan jenazah, namun ijtihad dari jumhur ulama' menetapkan bahawa perbelanjaan pengurusan jenazah adalah perkara pertama yang harus dilakukan. Muhammad bin Hasan al-Syaibaniy, salah seorang pengikut Abu Hanifah berpendapat bahawa pengurusan jenazah dari keluarga seseorang tidak dibebankan kepada hartanya sendiri, tetapi dibebankan kepada harta keluarganya. Jika keluarga itu tidak mempunyai harta, maka perbelanjaan itu akan ditanggung oleh walinya. Keperluan dan pembiayaan terhadap jenazah juga akan berbeza-beza sesuai mengikut keadaan jenazah, samada jenazah itu seorang yang kaya atau miskin, lelaki atau perempuan.

ii. Pelunasan Hutang

Para ulama' sepakat mengatakan bahawa segala hutang dengan orang lain perlu dijelaskan sebelum pembahagian harta pusaka dilakukan. Walau bagaimanapun, ulama' berselisih pendapat mengenai hutang-hutang yang tiada kaitan dengan manusia seperti zakat, kaffarah dan nazar.

- a. Ulama' Hanafi mengatakan bahawa pembayaran hutang terhadap Allah tidak boleh diambil dari harta peninggalannya, bahkan hutang tersebut gugur dengan sebab kematian orang itu. Ini kerana ia merupakan ibadat dan ibadat itu gugur dengan sebab kematian. Tetapi jika si mati berwasiat supaya hutangnya terhadap Allah perlu dijelaskan, maka dalam keadaan ini wajib diambil dari harta pusaknya itu.
- b. Jumhur ulama' pula mengatakan bahawa hutang-hutang terhadap Allah wajib dijelaskan sebagaimana hutang terhadap manusia walaupun si mati tidak berwasiat. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat

tentang hutang yang mana perlu didahulukan jika hutang-hutang terhadap Allah dan hutang-hutang terhadap manusia itu berhimpun. Menurut ulama' Syafi'i, hutang terhadap Allah perlu didahulukan pembayarannya terhadap hutang sesama manusia. Manakala menurut ulama' Maliki, hutang terhadap Allah dijelaskan setelah hutang sesama manusia dilangsaikan. Ini bermakna, hutang sesama manusia perlu didahulukan daripada hutang terhadap Allah. Sedangkan menurut ulama' Hanafi, hutang terhadap Allah dan manusia mempunyai kedudukan yang sama.

3.15 Pelaksanaan Wasiat

Setelah dilaksanakan hutang, maka tindakan seterusnya ialah melaksanakan segala wasiat si mati. Tentang pelaksanaan wasiat ini terdapat di dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 180:

“Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu bapa dan karib kerabatnya secara ma'ruf, (Ini adalah) kewajiban atas orang-orang yang bertakwa.”

Dalam ayat ini Allah s.w.t menyatakan wasiat untuk kedua ibu bapa dan kerabat yang pada umumnya adalah ahli waris sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Nisa' ayat 11,12 dan 176. Kemudian pelaksanaan ayat 180 surah al-Baqarah yang bersifat umum ini dibatasi oleh hadith Nabi dari Abu Umamah menurut riwayat Ahmad yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah telah berikan kepada setiap orang yang berhak itu akan haknya, maka tidak boleh wasiat untuk ahli warith”

Akan tetapi, para fuqaha' termasuk Imam Syafi'i dan Imam Ahmad bin Hanbal berpendapat bahawa wasiat kepada ahli waris sah dengan syarat telah mendapat keizinan daripada ahli waris yang berhak.

Dan kadar wasiat yang dibenarkan ialah sebanyak 1/3 jika tanpa persetujuan ahli waris. Jika mendapat persetujuan ahli waris, maka jumlah wasiat boleh melebihi 1/3. Kadar 1/3 ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Sepertiga dan sepertiga itu banyak, sesungguhnya lebih baik bagi kamu meninggalkan ahli warismu dalam keadaan kaya daripada meninggalkan mereka dalam keadaan miskin yang meminta-minta kepada orang lain”

(H.R Muslim)

i. Pentadbiran Berwasiat.

Sekiranya Wasiat telah dibuat oleh simati maka proses pentadbiran adalah lebih pantas di mana Surat Probet akan terus diberikan oleh Mahkamah Tinggi, tanpa perlu pergi ke badan-badan yang telah disebutkan di atas lagi. Ini adalah mengikut Akta Probet dan Surat Pentadbiran Pusaka 1959 yang terpakai untuk semua orang, tidak kira Islam atau tidak. Permohonan surat probet boleh dipohon oleh pentadbir yang dinamakan di dalam wasiat simati (pewasiat), contohnya Amanah Raya Berhad. Di dalam permohonan ini, Mahkamah tidak memerlukan sebarang penjamin lagi. Bagaimanapun sesiapa yang dinamakan di dalam wasiat layak untuk menerima aset pewasiat hanyalah terpakai kepada orang bukan Islam. Manakala wasiat orang Islam adalah mengikut hukum syarak. Penggubalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia dan Jadual Negeri Perlembagaan Persekutuan memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menentukannya.

Setakat ini, hanya Negeri Selangor dan Negeri Sembilan sahaja yang mempunyai enakmen mengenai wasiat untuk umat Islam iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004. Walaupun begitu format wasiat Islam ini secara umumnya diterima pakai di negeri-negeri lain di Malaysia. Di dalam Wasiat Islam pembahagian sehingga $\frac{1}{3}$ daripada aset simati kepada bukan waris atau waris yang terdinding, dan bakinya $\frac{2}{3}$ dibahagikan kepada waris mengikut hukum faraid atau melalui permuafakatan semua waris mengikut seperti pesanan pewasiat. Dengan wasiat yang disediakan, pentadbir yang dinamakan hanya perlu memperolehi Sijil Faraid dari Mahkamah Syariah dan menyertakannya bersama dokumen lain seperti surat mati dan wasiat kepada mahkamah untuk diberikan Surat Probet dan membolehkan pembahagian diteruskan. Tempoh kelulusannya adalah lebih cepat antara 6 bulan ke setahun berbanding tanpa sebarang wasiat. Kesimpulannya Tidak ramai orang tahu tentang kerumitan pentadbiran harta pusaka di Malaysia ini, hanya waris

yang merasa keperitan dan kerehah birokrasi apabila kematian telah berlaku. Sekiranya tiada wasiat, proses permohonan dan pembahagian membawa kepada pelbagai akibat dan boleh menggendalakan pelbagai urusan waris yang hidup. Sekurang-kurangnya dengan berwasiat, pewasiat telah merancang apakah hartanya dan kepada siapakah harta tersebut perlu diberikan. Wasiat boleh sentiasa diubah semasa hayat kerana wasiat yang terakhir sahaja yang efektif apabila berlaku kematian.

ii. Pentadbiran Harta Pusaka Tanpa Wasiat

Apabila berlaku kematian, pelbagai aktiviti terhenti secara tiba-tiba, antaranya pembekuan akaun-akaun di bank, unit amanah saham, saham-saham syarikat, perlindungan insuran, takaful, Tabung Haji, urusan hartanah tergendala, penjualan kereta tidak boleh dilakukan, termasuk timbulnya persoalan bila pengeluaran KWSP boleh dilakukan. Hanya apabila Surat Kuasa (Letter of Administration) diperolehi daripada badan-badan tertentu, barulah proses pembahagian asset dapat dilakukan. Untuk mendapat Surat Kuasa tadi, ia adalah satu proses yang rumit dan memakan masa yang agak lama. Ini tidak termasuk masa untuk pembahagian yang bergantung kepada bentuk harta. Sekiranya tiada wasiat, proses permohonan dan pembahagian membawa kepada pelbagai akibat dan boleh menggendalakan pelbagai urusan waris yang hidup.

3.16. Waris-Waris Menurut Syarak

Ahli-ahli waris di dalam syarak terdiri daripada golongan lelaki dan perempuan. Dan mereka ini mempunyai bahagiannya tersendiri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah Ta'ala. Golongan ahli waris lelaki ialah terdiri seramai 15 orang, manakala golongan ahli waris perempuan ialah terdiri seramai 10 orang semuanya.

i. Golongan Ahli Waris Lelaki:

- a. Anak lelaki
- b. Anak lelaki dari anak lelaki dan ke bawah
- c. 3. Bapa
- d. Datuk ke atas
- e. Saudara lelaki seibu sebapa
- f. Saudara lelaki sebapa
- g. Saudara lelaki seibu
- h. Anak lelaki daripada saudara lelaki seibu sebapa
- i. Anak lelaki daripada saudara lelaki sebapa
- j. Bapa saudara seibu sebapa
- k. Bapa saudara sebapa
- l. Anak lelaki daripada saudara lelaki seibu sebapa
- m. Anak lelaki daripada saudara lelaki sebapa
- n. Suami
- o. Mu'tiq (tuan lelaki yang telah memerdekakan hambanya)

ii. Golongan Ahli Waris Perempuan:

- a. Anak perempuan
- b. Anak perempuan daripada anak lelaki ke bawah
- c. 3. Ibu
- d. Nenek dan ke atas daripada nasab ibu
- e. Nenek dan ke atas daripada nasab bapanya
- f. Saudara perempuan seibu sebapa
- g. Saudara perempuan sebapa
- h. Saudara perempuan seibu
- i. Isteri
- j. Mu'tiqah (tuan perempuan yang telah memerdekakan hambanya)

Daripada semua golongan ahli waris yang terdapat di atas, dapatlah kita mengkategorikannya kepada 3 bahagian iaitu ashab al-furud, 'asabah dan dhawi al-arham. Berdasarkan dari 3 bahagian atau kumpulan inilah pembahagian harta pusaka akan dilakukan dan urutan penerima waris juga mengikut 3 bahagian ini. Makna serta bahagian yang akan diterima oleh kesemua waris ini akan dijelaskan di dalam bab yang ketiga dibawah tajuk 'Cara Pembahagian Harta Pusaka Menurut Syarak'.

3.17 Cara Pembahagian Harta Pusaka Menurut Syarak

Cara pembahagian harta pusaka menurut syarak adalah berdasarkan kepada waris-waris yang tergolong di dalam tiga bahagian yang akan di terangkan secara terperinci oleh penulis seperti dibawah ini:

A. Ashab Al-Furud

Dari segi bahasa, ashab al-furud berasal dari dua perkataan iaitu ashab dan al-furud. Perkataan ashab adalah jama' dari sahib yang beerti yang mempunyai atau yang memiliki. Manakala perkataan al-furud pula adalah jama' dari al-fard yang membawa beberapa pengertian, antaranya ialah ketetapan, kewajipan, bahagian atau habuan dan belahan atau potongan. Oleh itu, apabila kedua-dua perkataan ini digabungkan dan menjadi ashab al-furud, maka ia beerti mereka yang mempunyai bahagian atau habuan yang telah ditetapkan.

Manakala dari segi istilah pula, perkataan ashab al-furud bermaksud ahli-ahli waris yang mendapat bahagian atau habuan daripada harta pusaka yang telah ditetapkan oleh al-Quran, al-Sunnah dan ijma'. Mereka akan menerima bahagian mereka mengikut apa yang telah ditetapkan tanpa berlaku pengurangan kecuali dalam masalah al-'awl atau pertambahan kecuali dalam masalah al-radd.

Oleh itu, waris yang termasuk di dalam ashab al-furud ini ialah waris yang telah ditetapkan bahagiannya di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Bahagian yang telah

ditetapkan ini terbahagi kepada enam bahagian iaitu $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{8}$, $\frac{2}{3}$, $\frac{1}{3}$ dan $\frac{1}{6}$. Dan waris-waris yang termasuk di dalam kumpulan ini ialah suami, isteri, ibu, bapa, datuk, nenek, anak perempuan, anak perempuan daripada anak lelaki, saudara perempuan seibu sebapa, saudara perempuan sebapa, saudara lelaki seibu dan saudara perempuan seibu. Dan pembahagian setiap ahli waris ini merujuk kepada enam bahagian yang telah ditetapkan seperti dibawah:

i. Bahagian Satu Perdua ($\frac{1}{2}$)

Ahli waris yang akan menerima bahagian $\frac{1}{2}$ ialah seramai lima orang iaitu, suami, anak perempuan, anak perempuan dari anak lelaki, saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa.

a. Suami

Suami akan memperolehi bahagian $\frac{1}{2}$ dengan syarat tidak ada bersama-sama keturunan si mati. Keturunan si mati yang dimaksudkan ialah anak lelaki, anak perempuan, cucu lelaki dari anak lelaki dan cucu perempuan dari anak lelaki serta generasi dibawahnya (furu'). Dalil yang menunjukkan bahagian suami ialah di dalam surah al-Nisa' ayat 12:

“Dan bagimu (suami-suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak..”

b. Anak Perempuan

Anak perempuan akan mendapat bahagian $\frac{1}{2}$ jika memenuhi dua syarat. Pertama, tidak ada bersamanya anak lelaki dan kedua tidak ada bersamanya anak perempuan yang lain. Ini bersesuaian dengan firman Allah di dalam surah al-Nisa' ayat 11. *“Jika anak perempuan itu seorang saja, maka ia memperoleh separuh harta...”*

c. Anak Perempuan Dari Anak Lelaki

Waris ini akan mendapat bahagian $1/2$ jika memenuhi 3 syarat. Pertama, tidak ada bersamanya anak lelaki dari anak lelaki, kedua jika ianya seorang dan ketiga jika tidak ada bersamanya saudara perempuan seibu sebapa atau anak perempuan.

Dalil yang menetapkan bahagian anak perempuan dari anak lelaki ialah ijma' ulama' yang menjelaskan bahawa anak lelaki dari anak lelaki (lelaki atau perempuan) mengambil tempat anak di dalam waris mewarisi, penghalang dan ta'sib. Anak lelaki daripada anak lelaki seperti anak lelaki dan anak perempuan daripada anak perempuan seperti anak perempuan.

d. Saudara Perempuan Seibu Sebapa

Akan mendapat bahagian $1/2$ jika memenuhi tiga syarat. Pertama, tidak ada bersamanya saudara lelaki seibu sebapa, kedua jika ianya seorang dan ketiga tidak ada ahli waris usul dan furu'.

"Mereka meminta fatwa kepadamu (tentang kalalah). Katakanlah: "Allah memberi fatwa kepadamu tentang kalalah (iaitu): jika seorang meninggal dunia, dan ia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudaranya yang perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkannya"

e. Saudara Perempuan Sebapa

Akan mendapat bahagian $1/2$ jika memenuhi empat syarat. Pertama, tidak ada bersamanya saudara lelaki sebapa, kedua jika seorang, ketiga tidak ada ahli waris usul dan furu' dan keempat tidak ada saudara perempuan seibu sebapa.

Dalil yang menunjukkan saudara perempuan sebapa mendapat 1/2 ialah berdasarkan ijma' ulama' yang menyamakan saudara perempuan sebapa dengan saudara perempuan seibu sebapa.

ii. Bahagian Seperempat (1/4)

Mereka yang mendapat bahagian 1/4 ini terdiri daripada 2 orang iaitu suami dan isteri.

a. Suami

Suami akan mendapat bahagian 1/4 jika si mati (isteri) meninggalkan anak dan ke bawah. Dalil yang menunjukkan bahagian ini ialah dalam surah al-Nisa' ayat 12:

“Jika Isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya....”

b. Isteri

Isteri akan mendapat bahagian 1/4 jika si mati (suami) tidak meninggalkan anak dan ke bawah. Dalil yang menunjukkan bahagian isteri ini ialah di dalam surah al-Nisa' ayat 12:

“Para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak...”

iii. Bahagian Seperlapan (1/8)

Ahli waris yang akan mendapat bahagian ini hanya seorang sahaja iaitu isteri. Isteri akan mendapat bahagian ini apabila si mati (suami)

meninggalkan anak dan ke bawah. Dalil yang menunjukkan bahagian ini ialah di dalam surah al-Nisa' ayat 12:

“Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu...”

v. Bahagian Dua Per Tiga (2/3)

Ahli waris yang mendapat bahagian $\frac{2}{3}$ ialah seramai empat orang. Mereka semua terdiri dari kalangan perempuan. Mereka ialah dua orang anak perempuan atau lebih, dua orang anak perempuan dari anak lelaki atau cicit perempuan dari anak lelaki atau lebih, dua orang saudara perempuan seibu sebaapa atau lebih dan dua orang saudara perempuan sebaapa atau lebih.

a. Dua Orang Anak Perempuan atau Lebih

Anak perempuan akan mendapat bahagian $\frac{2}{3}$ apabila tidak ada bersama mereka anak lelaki yang akan menjadikannya ‘asabah bi ghair. Dalil yang membenarkan bahagian ini terdapat di dalam surah al-Nisa' ayat 11:

“Jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua, maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan...”

b. Dua Orang Anak Perempuan Dari Anak Lelaki atau Lebih

Mereka ini akan mendapat bahagian mereka jika mereka memenuhi tiga syarat. Pertama, mereka itu hendaklah berjumlah dua orang atau lebih. Kedua ialah tidak ada ahli waris yang menjadikan mereka ‘asabah bi al-ghair iaitu anak lelaki dari anak lelaki. Ketiga ialah tidak ada bersama mereka keturunan si mati yang lebih tinggi darjatnya

iaitu anak lelaki, anak perempuan, anak lelaki daripada anak lelaki dan anak perempuan daripada anak lelaki dua orang atau lebih.

Dalil yang mengatakan mereka mendapat bahagian $\frac{2}{3}$ ini ialah berdasarkan qias atas dua orang anak perempuan. Kerana apabila anak perempuan tidak ada, anak perempuan daripada anak lelaki yang akan menggantikan tempatnya.

c. Dua Orang Saudara Perempuan Seibu Sebapa atau Lebih

Mereka akan mendapat bahagian $\frac{2}{3}$ jika mereka memenuhi tiga syarat. Pertama, tidak ada anak lelaki, anak perempuan, bapa atau datuk (iaitu tidak ada waris usul dan furu'). Kedua ialah tidak ada saudara lelaki seibu sebapa dan ketiga tidak ada dua atau lebih anak perempuan atau anak perempuan daripada anak lelaki. Dalil yang menentukan bahagian ini ialah di dalam surah al-Nisa' ayat 176:

“Tetapi jika saudara perempuan itu dua orang, Maka bagi keduanya dua pertiga dari harta yang ditinggalkan...”

d. Dua Orang Saudara Perempuan Sebapa atau Lebih

Mereka ini akan mendapat bahagian $\frac{2}{3}$ jika tidak ada bersama mereka anak si mati, bapa atau datuk (ahli waris usul dan furu'). Kedua ialah tidak ada bersama mereka saudara lelaki sebapa dan ketiga ialah tidak ada dua orang atau lebih anak, cucu, saudara lelaki dan perempuan seibu sebapa. Dalil yang menunjukkan bahagian mereka ini ialah surah al-Nisa' ayat 176:

“Dan jika mereka (ahli waris itu terdiri dari) saudara-saudara lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang saudara laki-laki sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan...”

vi. Bahagian Sepertiga (1/3)

Waris yang akan mendapat bahagian 1/3 ini ialah seramai dua orang iaitu ibu dan saudara lelaki dan perempuan seibu.

a. Ibu

Ibu akan mendapat bahagian 1/3 jika dia memenuhi 3 syarat. Pertama, tidak ada bersamanya anak lelaki, anak perempuan, anak lelaki dan anak perempuan daripada anak lelaki dan ke bawah. Kedua ialah tidak ada dua orang atau lebih saudara si mati baik lelaki atau perempuan sama ada seibu sebapa, sebapa, seibu atau campuran. Dalil yang menunjukkan bahagian ibu ini terdapat di dalam surah al-Nisa' ayat 11:

“Jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu-bapanya (sahaja), maka ibunya mendapat sepertiga....”

b. Saudara Lelaki dan Perempuan Seibu

Saudara lelaki dan perempuan seibu hanya akan mewarisi 1/3 jika ia memenuhi tiga syarat iaitu hendaklah saudara seibu itu seramai dua orang atau lebih, samada kedua-duanya lelaki ataupun perempuan atau seorang lelaki dan seorang perempuan. Kedua, tidak mewarisi bersama-sama dengan ahli waris keturunan si mati iaitu anak lelaki, anak perempuan, anak lelaki dan anak perempuan dari anak lelaki dan ke bawah. Dan ketiga ialah tidak mewarisi bersama-sama dengan waris usul iaitu bapa, datuk dan ke atas. Dalil yang membenarkan bahagian ini ialah di dalam surah al-Nisa' ayat 12:

“Jika seseorang mati, baik laki-laki maupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara laki-laki (seibu saja) atau seorang saudara perempuan (seibu saja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta.

Tetapi jika Saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka berkongsi dalam yang sepertiga itu”

vii. Bahagian Seperenam (1/6)

Ahli yang akan mendapat bahagian sebanyak 1/6 ini ialah seramai tujuh orang. Mereka ialah bapa, ibu, datuk, nenek, anak perempuan daripada anak lelaki, saudara perempuan sebapa dan saudara lelaki dan perempuan seibu.

a Bapa

Bapa akan mewarisi bahagian 1/6 jika memenuhi 1 syarat iaitu mewarisi bersama-sama waris si mati yang lain samada lelaki atau perempuan. Jika apa mewarisi bersama ahli waris lelaki, maka dia akan mendapat bahagian 1/6 dan jika mewarisi bersama ahli waris yang perempuan sahaja, maka apa akan mendapat bahagian 1/6 dan baki harta. Dengan syarat selepas harta tersebut dibahagikan kepada ashab al-furud. Dalil yang menetapkan ahagian bapa ini terdapat di dalam surah al-Nisa' ayat 11:

Dan untuk dua orang ibu-bapa, bagi masing-masingnya seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak...”

b. Ibu

Ibu akan mendapat bahagian 1/6 jika mewarisi bersama-sama ahli waris yang lain samada lelaki atau perempuan, seorang atau lebih. Dalil yang menetapkan bahagian ibu ini sama dengan dalil yang menunjukkan bahagian bapa.

c. **Datuk**

Para ulama menyatakan datuk ini sebagai 'jadd sahiih' iaitu bapa kepada bapa yang hubungan nasabnya terus dari bapa ke atas tanpa diselangi oleh perempuan. Datuk akan mewarisi bahagian 1/6 jika memenuhi dua syarat. Pertama, jika dia mewarisi bersama-sama dengan ahli waris yang lain seperti anak lelaki dan perempuan dan ke bawah. Kedua tidak ada bersama-samanya bapa. Jika datuk mewarisi bersama bapa, maka dia akan terhalang daripada mendapat harta peninggalan.

Dalil yang menetapkan bahagian datuk ini terdapat di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imran bin Husain bahawa seorang lelaki mendatangi Nabi menanyakan tentang bahagian pewarisannya. Baginda bersabda:

"Sesungguhnya cucu lelaki dari anak lakiku telah meninggal dunia. Berapakah bahagian warisan yang aku terima darinya?" Nabi s.a.w menjawab, "kamu mendapat bahagian seperenam"

d. **Seorang Anak Perempuan Dari Anak Lelaki atau Lebih**

Anak perempuan dari anak lelaki akan mendapat bahagian 1/6 jika memenuhi dua syarat. Pertama, tidak ada bersamanya anak lelaki daripada anak lelaki yang akan menjadikannya 'asabah bi al-ghair. Kedua tidak ada anak lelaki si mati. Anak perempuan daripada anak lelaki ini akan mendapat 1/6 jika si mati mempunyai seorang anak perempuan dan terhalang jika si mati mempunyai anak perempuan lebih dari seorang. Dalil yang menetapkan bahagiannya ialah hadith yang diriwayatkan Imam Bukhari dalam kitab Sahih-nya dan imam yang lain seperti berikut:

"Huzail bin Syarhabil berkata, Abu Musa al-Asy'ari r.a. ditanya tentang bahagian warisan anak perempuan, anak perempuan daripada anak lelaki dan saudara perempuan. Lalu Abu Musa menjawab: "anak perempuan dan"

saudara perempuan mendapatkan bahagian separuh, dan datanglah kepada Ibnu Mas'ud, nescaya dia akan mengikut pendapatku". Kemudian Ibnu Mas'ud r.a. ditanya tentang perihal yang sama dan diberitahukan mengenai pendapat Abu Musa, maka dia menjawab: "sungguh, aku orang yang tersesat dan bukanlah termasuk ke dalam orang yang memberikan petunjuk. Sesungguhnya, dalam masalah ini aku akan memberikan hukum sesuai dengan ketentuan yang disabdakan, "Anak perempuan memperoleh bahagian separuh, anak perempuan dari anak lelaki memperoleh bahagian seperenam sebagai penyempurnaan 2/3, dan sisanya untuk saudara perempuan." Setelah itu kami kembali mendatangi Abu Musa untuk mengkhabarkan pendapat Ibnu Mas'ud. Lalu Abu Musa berkata: "janganlah kalian menanyakan kepadaku selama berita ini tidak ada pada kalian."

e. Seorang Saudara Perempuan Sebapa atau Lebih

Ahli waris ini akan memperoleh bahagian sebanyak 1/6 jika mereka memenuhi dua syarat. Pertama, hendaklah dia mewarisi bersama-sama saudara perempuan seibu sebapa yang mewarisi tetap, separuh. Kedua, dia tidak bersama-sama dengan mu'asib-nya iaitu saudara lelaki sebapa. Dalil yang menetapkan bahagian ahli waris ini ialah berdasarkan ijma' para ulama' yang mengqiaskan masalah ini pada anak perempuan daripada anak lelaki yang mewarisi bersama-sama dengan anak perempuan.

f. Saudara Lelaki dan Perempuan Seibu

Saudara lelaki dan perempuan seibu akan mendapat bahagian 1/6 jika mereka memenuhi tiga syarat. Pertama, tidak mewarisi bersama-sama ahli waris keturunan si mati secara mutlak (furu'). Kedua, tidak bersama-sama dengan ahli waris usul dari golongan lelaki. Dan ketiga ialah jika saudara seibu itu hanya seorang. Dalil yang menetapkan bahagiannya ialah di dalam surah al-Nisa' ayat 12:

“Jika seseorang mati, baik lelaki mahupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara lelaki (seibu saja) atau seorang saudara perempuan (seibu saja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dariseorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu...”

g. Nenek

Yang dimaksudkan dengan nenek disini ialah ‘jaddah sahiih’, iaitu waris usul perempuan yang dipertalikan kepada si mati tanpa memasukkan datuk yang ghair sahiih. Contoh dari nenek yang sahiih adalah ibunya ibu dan ibunya bapa. Nenek akan mendapat 1/6 jika dia mewarisi tidak bersama-sama dengan ibu. Jika dia mewarisi bersama ibu, maka ia akan terhalang. Dalil yang mengatakan bahagian nenek ini ialah Nabi s.a.w telah memberikan hak waris kepada nenek seperenam bahagian, melalui hadith yang diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa’i dan hadith yang dimaksudkan dianggap sahiih oleh al-Tirmizi. Nabi s.a.w juga telah menetapkan bahagian warisan untuk dua orang nenek adalah seperenam. (H.R. Abu Daud dari ‘Ubadah bin al-Shamith)

B. Asabah

Perkataan ‘asabah boleh dilihat dari dua sudut iaitu dari segi bahasa dan istilah. Dari segi bahasa, perkataan ‘asabah adalah jama’ daripada perkataan ‘asib yang bererti kaum kerabat lelaki disebelah bapa. Ia dinamakan sedemikian kerana mereka ini mengelilingi seseorang itu pada masa merbahaya untuk memberi perlindungan dan memelihara daripada musuh. Dengan sebab itu, seorang lelaki apabila dia mempunyai hubungan keturunan dengan seseorang yang lain dengan perantaraan lelaki, maka ia disebut ‘ asabah kepadanya. Ulama’ menggunakan perkataan ‘asabah untuk menunjukkan kepada seseorang walaupun perkataan ini

adalah sesuatu perkataan jama'. Ini kerana ia mengambil tempat jama' dalam mengambil pusaka. Begitu juga syarak menyebutkan perempuan itu 'asabah dalam sesetengah keadaan walaupun perkataan 'asabah itu pada asalnya menunjukkan kepada jama' lelaki.

Manakala 'asabah menurut istilah ilmu pusaka pula ialah waris-waris yang tidak dinyatakan bahagian mereka daripada harta pusaka. Mereka kadangkala menerima semua harta pusaka apabila tiada ahli waris ashab al-furud, kadangkala mengambil baki harta setelah diberikan kepada ashab al-furud dan kadangkala tidak memperolehi sebarang harta apabila ia telah dihabiskan oleh ashab al-furud. Hubungan waris 'asabah dengan si mati adalah sangat kuat kerana hubungan kekerabatan mereka dipertali atau dihubungkan melalui perantaraan bapa.

i. Asabah Ini Terbahagi Kepada Dua Bahagian iaitu 'Asabah Nasabiyyah dan 'Asabah Sababiyyah.

a. 'Asabah Nasabiyyah (Keturunan)

Iaitu waris si mati yang mempunyai hubungan darah (kerabat) dengannya yang terdiri daripada golongan lelaki tanpa diselangi oleh perempuan seperti anak lelaki, anak lelaki daripada anak lelaki, bapa, datuk, saudara lelaki sebapa dan anak lelakinya, saudara lelaki sebapa dan seterusnya. Begitu juga waris ashab al-furud perempuan ketika bersama-sama dengan saudara lelakinya seperti anak perempuan ketika bersama anak lelaki, saudara perempuan sebapa ketika saudara lelaki sebapa dan seterusnya. Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Nisa' ayat 176:

“Dan jika mereka (ahli waris itu terdiri dari) saudara-saudara lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang saudara lelaki sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan”

‘Asabah nasabiyyah’ ini terbahagi pula kepada tiga bahagian, iaitu:

- **‘Asabah Bi Al-Nafs** iaitu menjadi ‘asabah dengan dirinya sendiri adalah setiap lelaki yang sangat dekat hubungan kekerabatannya dengan si mati yang tidak diselangi oleh seorang perempuan. Mereka adalah lelaki yang telah disepakati oleh para ulama’ yang dapat mewarisi secara ‘asabah, kecuali suami dan saudara seibu. Jumlah mereka seramai 12 orang iaitu anak lelaki, anak lelaki daripada anak lelaki dan ke bawah, bapa, datuk dan ke bawah, saudara seibu sebapa, saudara sebapa, anak lelaki saudara seibu sebapa, anak lelaki saudara sebapa dan ke bawah, bapa saudara seibu sebapa sebelah bapa dan sebapa ke atas, anak lelaki bapa saudara seibu sebapa dan sebapa dan ke bawah.

Terdapat tiga hukum yang berkaitan dengan ahli waris ‘asabah bi al-nafs ini.

- Pertama: mereka akan mengambil seluruh harta peninggalan jika seorang. Ini berdasarkan firman Allah di dalam surah al-Nisa’ ayat 176.
- Kedua: mereka akan menjadi ‘asabah dengan dirinya sendiri apabila berkumpul dengan waris ashab al-furud , maka mereka akan mendapat baki daripada ashab al-furud. Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud:

“Berikan bahagian-bahagian tetap kepada orang yang berhak, jika ada, sisanya untuk ahli waris lelaki dari keturunan si mati”

(H.R. Muttafaqun ‘alaih)

- Ketiga: mereka ini tidak akan mendapat sedikitpun daripada baki harta pusaka jika waris ashab al-furud mengambil semua harta pusaka, kecuali saudara seibu sebapa dalam masalah musyarakah.

- **‘Asabah Bi Al-Ghair** iaitu ‘asabah di sebabkan oleh waris lain. Waris ‘asabah ini terdiri daripada ashab al-furud perempuan yang telah ditetapkan bahagiannya. Mereka akan menerima ‘asabah ketika mewarisi bersama-sama dengan waris-waris lelaki (‘asabah bi al-nafs) yang sederajat dengan mereka.

Waris-waris yang termasuk dalam golongan ini ialah waris perempuan yang menerima fardu $\frac{1}{2}$ ketika seorang dan $\frac{2}{3}$ ketika dua orang dan lebih. Mereka terdiri daripada empat orang iaitu:

- Anak perempuan (seorang atau lebih) ketika mewarisi bersama dengan anak lelaki yang sederajat atau setaraf dengannya.
- Anak perempuan daripada anak lelaki (seorang atau lebih) ketika mewarisi bersama-sama dengan anak lelaki daripada anak lelaki.
- Saudara perempuan seibu sebapa (seorang atau lebih) ketika mewarisi bersama-sama dengan saudara lelaki seibu sebapa.
- Saudara perempuan sebapa (seorang atau lebih) ketika mewarisi bersama-sama dengan saudara lelaki sebapa.

Oleh itu, waris-waris ashab al-furud yang dinyatakan di atas tidak lagi boleh mewarisi atas sifat mereka sebagai ashab al-furud ketika mewarisi bersama-sama dengan waris-waris lelaki yang sederajat dengan mereka. Dengan ini, mereka akan di ta’sibkan oleh waris lelaki iaitu mengambil baki harta menurut perimbangan satu bahagian waris lelaki menyamai dua bahagian waris perempuan. Dalil yang mensyariatkan pembahagian ‘asabah bi al-ghair ini terdapat di dalam surah al-Nisa’ ayat 176 yang terdapat di atas.

- **‘Asabah Ma’a Al-Ghair** iaitu ‘asabah bersama dengan yang lain. Ia bermaksud waris perempuan yang menerima ‘asabah dengan sebab berkumpul bersama-sama dengan waris perempuan yang lain. Waris-waris yang terlibat dalam bentuk ‘asabah ini hanya dua orang iaitu

saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa. Mereka akan mewarisi secara 'asabah apabila mewarisi bersama-sama dengan anak perempuan (seorang atau lebih) atau anak perempuan daripada anak lelaki (seorang atau lebih) atau bersama dengan keduanya sekali.

Dalil yang menunjukkan bahagian 'asabah ma'a al-ghair ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Ibn Mascud mengenai seorang mati meninggalkan seorang anak perempuan, seorang anak perempuan dari anak lelaki dan seorang saudara perempuan seibu sebapa yang bermaksud:

“Bagi seorang anak perempuan 1/2, seorang anak perempuan dari anak perempuan 1/6 dan apa yang baki itu untuk saudara perempuan”

(H.R. al-Bukhari)

Oleh yang demikian, waris-waris 'asabah ma'a ghair akan mengambil baki harta jika masih ada dan tidak lagi boleh lagi mewarisi atas sifat mereka atas sifat ashab al-furud. Manakala anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki yang menta'sibkannya tetap akan mengambil fardu masing-masing.

ii. ‘Asabah Sababiyyah atau Juga Dikenali Dengan ‘Qarabah Hukmiyyah’

Iaitu ‘asabah bagi orang yang memerdekakan hamba. Ini bermakna orang yang memerdekakan hamba (lelaki atau perempuan) boleh mewarisi daripada hamba yang dimerdekakannya. Tetapi hamba yang dimerdekakan itu tidak boleh mewarisi daripada orang yang memerdekakannya. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Sesungguhnya hak wala’ itu hanya bagi orang yang telah memerdekakan hamba” (H.R. al-Bukhari)

Dalam ‘asabah sababiyyah, tuan hamba akan mewarisi harta si mati (hamba yang dimerdekakan) sekiranya si mati tidak meninggalkan seorang pun waris samada waris keturunan (termasuk dhawi al-arham) atau perkahwinan (suami isteri).

C. Dhawi Al-Arham

Dari segi bahasa, perkataan Al-Arham merupakan kata jama’ dari al-rahim yang beerti tempat kandungan anak. Dengan itu, dhawi al-arham bererti mereka yang mempunyai hubungan kerabat atau darah termasuk ashab al-furud, asabah dan waris-waris lain. Manakala dari segi istilah ulama’ faraid, dhawi al-arham ialah waris yang mempunyai hubungan kerabat atau darah dengan si mati selain daripada ashab al-furud dan ‘asabah samada lelaki atau perempuan. Contohnya, anak lelaki dan perempuan kepada anak perempuan, anak lelaki dan perempuan daripada saudara-saudara perempuan, bapa saudara sebelah ibu, ibu saudara sebelah ibu dan bapa, bapa kepada ibu dan lain-lain lagi.

i. Golongan Waris Dhawi Al-Arham

Waris-warisan dhawi al-arham adalah seperti berikut:

- a. Anak-anak samada lelaki atau perempuan daripada anak perempuan dan seterusnya.
- b. Anak-anak samada lelaki atau perempuan daripada saudara perempuan samada seibu sebapa, sebapa atau seibu.
- c. Anak perempuan kepada saudara-saudara lelaki samada seibu sebapa, sebapa atau seibu.
- d. Anak perempuan kepada bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa, sebapa atau seibu.
- e. Bapa saudara sebelah bapa seibu.
- f. Bapa saudara sebelah ibu samada seibu sebapa, sebapa atau seibu.
- g. Ibu saudara sebelah ibu samada seibu sebapa, sebapa atau seibu.
- h. Ibu saudara sebelah bapa samada seibu sebapa, sebapa atau seibu.
- i. Datuk yang tidak sah seperti bapa kepada ibu dan seterusnya.
- j. Nenek yang tidak sah iaitu hubungannya dengan si mati diselangi oleh datuk yang tidak sah seperti ibu kepada bapa kepada ibu.
- k. Anak lelaki kepada saudara lelaki atau perempuan seibu.
- l.

ii. Syarat Pewarisan Waris Dhawi Al-Arham

Syarat pewarisan bagi dhawi al-arham ini terbahagi kepada dua iaitu:

- a. Waris ashab al-furud tidak ada kerana jika sekiranya terdapat waris ashab al-furud, maka dia akan mengambil bahagiannya sebagai ashab al-furud dan bakinya dengan cara al-radd. Pengambilan secara al-radd ini didahulukan dari pemberian harta pusaka kepada waris dhawi al-arham.

- b. Waris ‘asabah tidak ada kerana jika sekiranya terdapat waris ‘asabah maka semua harta pusaka akan diberikan kepadanya apabila dia bersendirian dan akan mengambil baki harta bila bersama dengan ashab al-furud.
- c. Walau bagaimanapun, sekiranya yang mewarisi itu hanya salah seorang daripada suami atau isteri, maka salah seorang daripada mereka akan mengambil bahagian mereka sebagai ashab al-furud dan bakinya akan diberikan kepada waris dhawi al-arham. Ini kerana kedudukan waris dhawi al-arham dalam penerimaan harta pusaka didahulukan dari al-radd kepada salah seorang daripada suami atau isteri.

iii. **Kaedah Pewarisan Waris Dhawi Al-Arham**

Di kalangan ulama’ jumbuh yang membolehkan waris dhawi al-arham mewarisi harta pusaka berbeza pendapat dalam menentukan cara pewarisan mereka. Perbezaan tersebut seperti berikut:

a. **Kaedah Ahl al-Rahim**

Dasar pembahagian harta pusaka kepada mereka ialah setiap waris dhawi al-arham berkongsi secara sama rata kerana pewarisan mereka semata-mata atas dasar hubungan darah (rahim) dengan si mati. Di samping itu, syarak tidak menetapkan kadar tertentu kepada mereka sebagaimana yang ditetapkan kepada waris ashab al-furud.

Contohnya, seorang mati meninggalkan anak perempuan kepada anak perempuan, anak perempuan daripada saudara perempuan seibu sebapa, anak perempuan kepada saudara lelaki seibu sebapa, ibu saudara sebelah bapa seibu sebapa, ibu saudara sebelah ibu seibu sebapa dan anak lelaki daripada saudara lelaki seibu. Oleh itu,

menurut kaedah ini, mereka semua mendapat harta pusaka secara sama rata.

Kaedah ini juga dikenali sebagai kaedah penggantian kerana mereka meletakkan anak keturunan si mati daripada golongan dhawi al-arham pada tempat orang tua mereka yang menghubungkan mereka dengan si mati samada dari ashab al-furud atau 'asabah. Berdasarkan kaedah ini, hendaklah diberikan bahagian harta pusaka kepada waris-waris dhawi al-arham sama seperti apa yang diberikan kepada mereka yang menghubungkannya dengan si mati samada secara fardu atau 'asabah dan bahagian seorang lelaki dua kali ganda bahagian perempuan (2:1). Contohnya, seorang mati meninggalkan bapa saudara sebelah ibu seibu sebapa dan ibu saudara sebelah bapa seibu sebapa. Maka dalam kes ini si mati seolah-olah meninggalkan ibu dan bapa. Dengan ini, bapa saudara sebelah ibu seibu sebapa mendapat $\frac{1}{3}$ dan bakinya ($\frac{2}{3}$) diberikan kepada ibu saudara sebelah bapa seibu sebapa.

Kaedah ini melihat kepada kedekatan dan kekuatan hubungan di antara waris dhawi al-arham dengan si mati samada dari segi jihat (pihak), tingkatan atau kekuatan hubungan darah (qarabah) sepertimana yang berlaku dalam pewarisan 'asabah. Oleh itu, kaedah ini diutamakan mereka yang dekat hubungan kekerabatannya dengan si mati dan kemudian mereka yang lebih kuat hubungan kekerabatannya.

Kaedah ahl al-qarabah ini diqiaskan kepada jihat-jihat waris 'asabah bi al-nafs mengikut turutannya seperti berikut:

- Jihat al-bunuwwah: iaitu anak keturunan si mati seperti anak perempuan daripada anak perempuan, anak lelaki kepada anak perempuan dan seterusnya ke bawah.

- Jihat al-ubuwwah: iaitu waris-waris yang terdiri dari datuk dan nenek yang tidak sahingalah seterusnya ke atas.
- Jihat al-ukhuwwah: iaitu anak keturunan daripada saudara-saudara lelaki seperti anak perempuan daripada saudara lelaki, anak lelaki kepada saudara perempuan dan seterusnya ke bawah.
- Jihat al-‘umumah dan al-khu’ulah: iaitu ibu saudara sebelah bapa, ibu dan bapa saudara sebelah ibu dan anak-anak mereka serta waris yang sama kedudukannya dengan mereka seperti anak perempuan daripada bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa atau sebapa.

3.18 Panduan Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil

i. Mengapa Permohonan Perlu Dibuat Segera

- a. Mengelakkan bilangan waris yang ramai akibat daripada kematian berlapis.
- b. Memudahkan proses pembahagian pusaka.
- c. Membolehkan harta pesaka dimanfaatkan dengan segera bagi faedah semua waris.
- d. Mengelakkan berlakunya tanah terbiar.
- e. Mengelakkan wang simpanan simati dalam mana-mana institusi kewangan, atau koperasi, saham-saham, bon daripada dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

ii. Cara Pembahagian Harta Pusaka Kecil

- a. Mengikut Hukum Syarak bagi orang Islam.
- b. Mengikut Akta Pembahagian 1958 (Akta 300) bagi orang bukan Islam.

- c. Secara muafakat jika semua waris bersetuju.
- d. Pembahagian bagi pegangan desa di bawah Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok 1960) tidak boleh dibuat kepada lebih dari seorang. Jika lebih dari seorang yang berhak dan mereka tidak bersetuju secara muafakat memberi kepada seorang sahaja daripada mereka, Pentadbir Tanah boleh menjual pegangan itu dan hasil jualannya dibahagikan dikalangan orang yang berhak.
- e. Perintah jualan secara tender dikeluarkan dalam keadaan tertentu mengikut peruntukan 15(4)(d) Akta.

iii. **Tatacara Membuat Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil**

a.. **Permohonan Baru**

Permohonan hendaklah dibuat dalam ***Borang A** yang boleh didapati dimana-mana Pejabat Tanah dan mestilah disertakan dengan:-

- Bukti kematian seperti Surat Perakuan Kematian / Permit Menguburkan atau Surat Sumpah oleh 2 orang saksi bebas yang menyaksikan jenazah dikebumikan (bagi kematian semasa pendudukan Jepun/sebelumnya) atau Perintah Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dalam keadaan seperti kematian tanpa kubur, hilang semasa pendudukan Jepun, tragedi 13 Mei 1969, tragedi Muassem dan perintah ini hanya boleh didapati selepas 7 tahun dari tarikh berlakunya kejadian.
- Salinan Kad Pengenalan Pemohon dan Waris-waris si mati
- Salinan hakmilik yang diakui sah oleh Pejabat Tanah atau perakuan carian rasmi yang menunjukkan pegangan harta tak alih simati, surat perjanjian jualbeli bagi rumah yang belum ada hakmilik yang berasingan.

- Salinan dokumen harta-harta alih seperti salinan sijil saham, salinan buku simpanan, salinan penyata KWSP dan sebagainya (jika ada).

b. Permohonan Yang Kemudian

Permohonan terkemudian hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang P*. Permohonan terkemudian ini boleh dibuat setelah selesainya permohonan awal dan dalam keadaan berikut:-

- Ada harta yang tertinggal di dalam permohonan awal.
- Apabila perlu melantik seorang pemegang amanah yang baru.
- Apabila perlu melantik seorang pentadbir yang baru.
- Untuk membatalkan suratkuasa tadbir dan pembahagian dibuat secara terus kepada waris simati.
- Untuk menarik balik sesuatu kaveat pendaftar.

c. Kategori Pemohon

- Waris-waris simati seperti balu lelaki atau perempuan, anak laki-laki atau perempuan, ibu atau bapa, Majlis Agama Islam (Baitulmal) dan sebagainya.
- Pemiutang dan pengkaveat.
- Pembeli di bawah surat perjanjian jual beli yang sah.
- Pemegang gadaian atau pemegang pajakan tanah simati.
- Penghulu atau Pegawai Petempatan yang diarahkan oleh Pentadbir Tanah.
- Amanah Raya Berhad.

\

d. Pembicaraan

Pemohon hendaklah membawa bersama semasa pembicaraan semua dokumen asal seperti bukti kematian, hakmilik tanah, kad pengenalan, surat beranak, surat nikah, bukti-bukti harta alih dan lain dokumen yang difikirkan perlu.

Semua pihak yang diminta hadir adalah dikehendaki hadir di hari pembicaraan. Bagi waris-waris yang tidak dapat hadir perbicaraan, mereka boleh mewakilkan kepada waris-waris lain melalui penggunaan **Borang Persetujuan* di bawah Akta Pembahagian Pesaka Kecil 1955 yang disediakan khas. Semua keterangan semasa pembicaraan hendaklah diberi secara bersumpah atau berikrar.

e. Jangkamasa Permohonan

Tempoh minima memproses kes biasa adalah dalam tempoh 4 bulan. Bagi kes yang melibatkan kematian berlapis iaitu kematian waris-waris kepada simati dan harta berada di dalam daerah yang berlainan jangkamasa proses mungkin melebihi tempoh 4 bulan.

f. Rayuan

Terhadap Perintah Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan perintah yang telah dikeluarkan oleh Pentadbir Pesaka hendaklah mengemukakan rayuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah dibuat.

g. Pendaftaran Perintah Pembahagian

Pihak waris hendaklah mengemukakan hakmilik tanah ke Pejabat Tanah berkenaan untuk tujuan pendaftaran perintah pembahagian tersebut setelah perintah pembahagian dikeluarkan.

Bagi maksud pembahagian harta alih, pihak waris hendaklah mengemukakan perintah pembahagian kepada agensi / institusi yang bertanggungjawab terhadap harta alih tersebut.

h. Bayaran-Bayaran Yang Dikenakan

- **Bayaran Awal Permohonan**
 - Permohonan baru (Borang A) - RM10.00
 - Permohonan terkemudian (Borang P) - RM10.00

- **Bayaran Selepas Pembicaraan**
 - Bayaran Perintah - RM10.00
 - Bayaran mendaftarkan perintah dalam hakmilik tanah (geran) jumlahnya mengikut peraturan-peraturan Tanah Negeri.
 - Duti Harta Pusaka (jika ada akan ditentukan di akhir pembicaraan mengikut nilai harta pada tarikh mati. Jumlah yang dikenakan tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Duti Harta Pusaka 1941).
 - Salinan Perintah Pembahagian dibekalkan secara percuma bagi salinan pertama dan RM2.00 bagi tiap-tiap salinan yang diperlukan seterusnya.
 - Salinan Perintah Pembahagian yang diperlukan oleh mana-mana orang selain daripada pentadbir/waris dikehendaki membayar RM10.00 bagi salinan pertama dan RM5.00 bagi salinan kedua dan setiap salinan seterusnya.

3.19 Kesimpulan

Pembahagian harta pusaka menurut syarak ini telah disyari'atkan oleh Allah Ta'ala untuk diamalkan dan menjadi panduan oleh umat Islam. Sistem ini juga amat unik jika dibandingkan dengan sistem lain kerana di dalam sistem pembahagian ini mengandungi ciri-cirinya yang tersendiri. Contohnya, ianya bersumberkan kepada wahyu dari Allah Ta'ala dan ianya tidak direka atau dicipta oleh manusia itu sendiri. Kerana jika ianya direka oleh manusia, sudah tentu ianya akan terdedah kepada kesilapan dan ketidakadilan. Pembahagian menurut syarak juga telah menetapkan bahawa mereka yang mempunyai hubungan yang rapat dengan si mati sahaja yang layak untuk menjadi waris bagi memastikan saudara-saudara si mati tidak hidup di dalam kesusahan. Selain itu, ia juga mempunyai rukun, syarat dan sebab pewarisannya yang tersendiri bagi memastikan sistem ini memberikan keadilan kepada manusia. Selain menggariskan sebab-sebab yang melayakkan seseorang itu menerima harta pusaka, sistem ini juga turut menggariskan penghalang kepada seseorang dari mendapatkan harta pusaka. Ini bagi memastikan bahawa waris-waris yang sepatutnya mendapat harta pusaka tidak tertindas.

Di dalam pembahagian harta pusaka menurut Islam, ia tidak menghadkan harta-harta yang boleh menjadi harta pusaka selagi ianya tidak bercanggah dengan ketetapan syarak. Ia juga memberikan kebebasan kepada waris-waris untuk menggunakan bahagian yang diterimanya tanpa boleh dihalang oleh orang lain. Jelaslah di sini bahawa pembahagian harta pusaka menurut syarak ini adalah satu pembahagian yang sempurna dan menepati kehendak manusia.

Secara keseluruhannya, pembahagian harta pusaka sama secara Hukum Syara' (Faraid) untuk orang-orang Islam ataupun mengikut Akta Pembahagian 1958 bagi orang-orang bukan Islam, sebagai pilihan waris-waris juga boleh menggunakan kaedah secara bermuafakat sesama waris. Permuafakat ini boleh dilakukan dengan apa sahaja dengan syarat waris-waris yang terlibat mengikut undang-undang tiada halangan dari segi undang-undang contohnya waris itu bukan seorang yang tidak sempurna akal dan bersetuju dengan apa-apa yang dipersetujui oleh waris-waris (Seksyen 15 Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955). Bagi mengelakkan tanah itu

dipecah bahagi dengan nama waris-waris yang terlalu ramai, maka Pentadbir Tanah di beri kuasa untuk mengambil tindakan tender antara waris-waris dengan apa cara yang di tentukan (Seksyen 15(4) Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955). Ini juga merupakan kaedah pembahagian yang di amalkan bagi tanah di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

BAB 4

PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA TANAH GSA 1960 KAJIAN KES FELDA WILAYAH RAJA ALIAS

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini pembahagian harta pusaka peneroka FELDA di Wilayah Raja Alias di lihat dengan terperinci. Permasalahan pembahagian harta pusaka peneroka FELDA ini boleh dilihat dengan lebih dekat apabila masalah sebenar pembahagian harta pusaka peneroka di kawasan ini kenalpasti dengan mengemukakan contoh-contoh kes sebenar bagi mencapai objektif kajian. Oleh itu lokasi dan maklumat kawasan kajian yang dipilih diterangkan dengan lebih terperinci bagi memudahkan pemahaman terhadap masalah yang wujud dalam pembahagian harta peneroka Felda. Kaedah penyelesaian dari aspek perundangan di terangkan dalam bab ini dengan memperincikan perundangan utama yang di gunakan setelah pindaan tahun 2002 dan diperbaiki bagi mengatasi masalah pembahagian harta pusaka peneroka Felda ini.

4.2 Latar Belakang Felda

Tujuan Felda ditubuhkan adalah untuk membantu pihak kerajaan melaksanakan rancangan pembangunan kawasan pendalaman dan membantu meningkatkan status ekonomi serta taraf hidup masyarakat di kawasan luar Bandar. Pada asalnya Felda berfungsi sebagai sebuah badan yang menguruskan dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan

rancangan pembangunan tanah di negeri-negeri di Malaysia, selain daripada menyelaraskan pembangunan tanah di negeri berkenaan termasuk perpindahan penduduk antara negeri. Fungsi Felda telah diperluaskan oleh kerajaan mulai dari tahun 1961, FELDA telah diamanahkan oleh kerajaan untuk melaksanakan sendiri rancangan-rancangan pembangunan tanah dan pembangunan penempatan di seluruh Negara. Sehingga kini, FELDA telah membuka dan membangunkan lebih kurang 480 buah kawasan baru berjumlah seluas 853,313 hektar yang dijadikan sebagai kawasan pertanian, perladangan dan penempatan. Seramai 112,635 jumlah orang telah dipilih sebagai peneroka dari kalangan masyarakat pendalaman dan luar Bandar yang miskin dan tidak bertanah. Individu yang dipilih sebagai peneroka telah ditempatkan semula di penempatan-penempatan baru ini bersama-sama dengan keluarga masing-masing.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab sebelumnya FELDA di tubuhkan bagi tujuan membasmi kemiskinan dengan mengatasi tiga masalah utama yang wujud iaitu sosial, ekonomi dan politik. Hal ini boleh dilihat dengan jelas dalam program-program yang dilaksanakan antaranya pembukaan tanah, penerokaan dan kemajuan tanah, bantuan alat-alat pengeluaran, subsidi baja dan benih, kemudahan pinjaman dan pemasaran, dan khidmat nasihat serta mewujudkan Jawatan Kuasa Kemajuan Rancangan bagi melatih peneroka dalam kepimpinan di peringkat rancangan.

Terdapat beberapa syarat yang ditetapkan oleh FELDA di bawah Akta Tanah 1960 (Akta 530) berkenaan pemilikan tanah. Pemilikan awal tanah FELDA mensyaratkan bahawa, tanah yang diberimilik hanya boleh dipindahmilik kepada satu nama sahaja (Pindaan tahun 2002, Akta 530, pemilikan dibenarkan kepada dua orang sahaja), pemilikan bersama melebihi dari dua orang tidak dibenarkan bagi lot kediaman dan lot kebun kecuali bagi tanah yang dibangunkan secara berkumpulan iaitu menggunakan prinsip kerjasama seperti Koperasi Peneroka, tanah tidak boleh di gadai atau disewakan samada sebahagian atau keseluruhan tanah, tanah tidak boleh dijual. Amalan tradisional dan hukum Islam berkenaan perwarisan yang melibatkan pemecahan tanah tidak terpakai sekiranya bertentangan dengannya. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi tindakan pembatalan hak peneroka akan dilaksanakan di bawah

Perintah Pemungut Hasil Tanah jika tanah tersebut masih dalam hakmilik pegangan (ROH), dan jika hakmilik telah didaftarkan di Pejabat Tanah maka suatu perintah mahkamah perlu diperolehi terlebih dahulu bagi membatalkan nama pemilik atau peneroka berkenaan di laksanakan.

4.3 Kawasan Kajian : Rancangan Felda Raja Alias 1, Felda Raja Alias 4, Felda Palong 4 Dan Felda Palong 5, Daerah Jempol, Negeri Sembilan

Kawasan kajian yang dipilih adalah rancangan Felda Raja Alias 1, Felda Raja Alias 4, Felda Palong 4 dan Felda Palong 5, Daerah Jempol iaitu dua rancangan yang belum mendapat hakmilik dan dua rancangan yang telah mendapat hakmilik daripada 43 rancangan dalam tadbiran Felda Wilayah Raja Alias. Bagi melihat masalah pembahagian harta pusaka ini dengan lebih dekat, pengkaji telah membuat lawatan ke rancangan tersebut. Pemilihan rancangan ini adalah berdasarkan tempoh pembangunan rancangan tersebut dan jumlah peneroka yang di menetap di kawasan tersebut.

i. Rancangan Felda Raja Alias 1

Rancangan Felda Raja Alias 1 yang terletak di dalam Daerah Jempol di bangukan pada tahun 1977/1978. Bandar terdekat dengan rancangan FELDA ini adalah Bandar Seri Jempol iaitu Pusat Pentadbiran Daerah Jempol iaitu lebih kurang 2 km daripada tanah rancangan serta terletak dalam kawasan operasi Majlis Jempol dan keduanya adalah Bandar Bahau iaitu 12km daripada tanah rancangan. Rancangan ini terletak di Mukim Serting Ulu dan Serting Hilir dengan keluasan 2627.81 hektar dengan bilangan peneroka seramai 440 orang. Kesemua 440 peneroka ini telah di berikan 2 lot ladang iaitu 8 ekar dengan tanaman sawit dan 2 ekar tanaman getah serta 0.25 ekar bagi tapak kediaman. Majoriti peneroka yang tinggal rancangan Felda Raja Alias 1 adalah 61.59% berasal dari Negeri Sembilan, 17.95% peneroka berasal dari Negeri Melaka, 12.27% peneroka berasal dari Johor, 8.19% peneroka berasal dari lain-lain negeri.

Komposisi kaum peneroka rancangan FELDA Kawasan ini adalah Melayu 438 orang (99.54%), India 2 orang (0.46%) dan tiada peneroka dari kaum Cina. Dalam Rancangan ini purata umur peneroka adalah 65 tahun hingga 70 tahun. Berikutan umur peneroka yang telah berusia, ramai peneroka yang telah uzur dan sakit tua serta tidak mampu lagi untuk mengusahakan kebun mereka. Dari 440 peneroka yang diterima masuk ke tanah rancangan FELDA Raja Alias Satu 60 orang daripadanya telah meninggal dunia dan dapat membuktikan bahawa masalah pembahagian harta pusaka akan bertambah saban tahun.

Oleh kerana, proses tanam semula bagi rancangan akan dilaksanakan pada tahun 2010 ini maka, masalah pembahagian pembahagian harta pusaka peneroka perlu di selesaikan dahulu supaya nama pemilik di dalam Buku Datar Pegangan. Apabila nama waris yang berhak dapat didaftarkan Buku Datar Pegangan, maka proses tanam semula dapat dilakukan lancar bagi menandatangani surat perjanjian tanam semula dan memberi bantuan untuk tanaman semula serta memberikan pinjaman sara hidup, juga kemudahan-kemudahan lain.

- **Kes Harta Pusaka: Ab Hadziz bin Samad, No.KP: 471007-04-5377**

Kes pembahagian harta pusaka ini adalah berkenaan dengan peneroka tidak mempunyai waris lelaki untuk menjadi pendinding kepada harta pusaka tersebut. Perintah Borang E dan Borang F yang dikeluarkan pada 27 Ogos, 2009 dengan Pemberian Surat Kuasa mentadbir di Bawah Seksyen 13 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 955 kepada Halimaton binti Ab.Hadziz No.KP: 801117-04-5326 yang beralmat No.1, Blok 1, Felda Raja Alias 1, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan. Pentadbir akan mentadbirkan harta si mati sebagai peneroka No.1023 Lot Getah 9873 dan Lot Sawit Mukim Serting Ulu dan Lot Kediaman 6138 Mukim Serting Ilir. Pentadbir hendaklah memohon ulang bicara untuk perintah seterusnya setelah Surat Hakmilik di keluarkan. Isteri si mati iaitu Jariah bt Ali telah menyerahkan haknya kepada Pentadbir. Hak Pentadbir mengikut hukum faraid adalah sebanyak 5/8 bahagian manakala bakinya 3/8 bahagian adalah hak saudara

Seibu Sebapa si mati iaitu Ismail b Samad, Sapiah bt Samad, Zaiton bt Samad, Kamariah bt Samad, Mohd Daud b Samad, Asiah bt Samad dan Omar b Samad.

Masalah dalam kes pembahagian harta pusaka Ab Hadziz bin Samad tidak ada mempunyai anak lelaki yang boleh menjadi pendinding keatas harta tersebut dan tiada kesepakatan adik-beradik simati untuk menyerahkan hak tersebut kepada waris si mati yang lebih berhak untuk memiliki harta tersebut dan Kes pembahagian harta pusaka si mati Ab Hadziz bin Samad bertentangan dengan kehendak perundangan Tanah GSA 1960 Seksyen 14 dan 15 iaitu di milik oleh lebih dari dua orang waris. Ini di sebabkan Perintah yang di keluarkan menyatakan bahagian-bahagian mengikut faraid dan apabila hendak mendaftarkan dalam Buku Daftar Pegangan tidak boleh dilaksanakan nama penerima bahagian melebihi dari dua orang pemilik.

ii. Rancangan Felda Raja Alias 4

Rancangan Felda Raja Alias 4 yang terletak di dalam Daerah Jempol di bangukan pada tahun 1978/1979. Bandar terdekat dengan rancangan FELDA ini adalah Bandar Seri Jempol iaitu Pusat Pentadbiran Daerah Jempol iaitu lebih kurang 2 km daripada tanah rancangan dan keduanya adalah Bandar Bahau iaitu 12km daripada tanah rancangan. Rancangan ini terletak di Mukim Serting Hilir dengan keluasan 2095.55 hektar dengan bilangan peneroka seramai 507 orang. Kesemua 507 peneroka ini telah di berikan 2 lot ladang iaitu 7 ekar dengan tanaman sawit dan 3 ekar tanaman getah serta 0.25 ekar bagi tapak kediaman. Majoriti peneroka yang tinggal rancangan Felda Raja Alias 4 adalah 60.16% berasal dari Negeri Sembilan, 25.25% peneroka berasal dari Negeri Johor, 8.87% peneroka berasal dari Melaka, 2.96% peneroka berasal dari Perlis dan 2.76% peneroka berasal dari lain-lain negeri.

Komposisi kaum peneroka rancangan FELDA Kawasan ini adalah Melayu dan tiada peneroka dari kaum Cina dan India. Dalam Rancangan ini purata umur peneroka adalah 65 tahun hingga 70 tahun. Berikutan umur peneroka yang telah berusia, ramai peneroka yang telah uzur dan sakit tua serta tidak mampu lagi untuk

mengusahakan kebun mereka. Pada masa kini proses tanam semula kebun mereka sedang dilakukan oleh pihak FELDA untuk memastikan pendapatan mereka akan berterusan kepada waris-waris mereka.

- **Kes Harta Pusaka : Wahid Bin Idris, No.KP: 770701-01-5773**

Kes pembahagian harta pusaka ini adalah berkenaan dengan waris yang terlalu ramai dan terdapatnya waris yang di bawah umur yang perlu dilindungi haknya di sudut undang-undang dan syara' dan tiada kesepakatan untuk memberikan tanah tersebut kepada seorang sahaja waris. Oleh itu, perintah yang telah dikeluarkan melantik seorang pentadbir bagi mentadbirkan bahagian waris di bawah umur seramai 3 orang dan yang lainnya menerima bahagian secara faraid.

Perlantikan Pentadbir telah di berikan kepada Norliana Bt Wahid. No.KP; 820519-01-6468 iaitu anak ketiga simati bagi mentadbir waris-waris bawah umur 18 tahun iaitu Norhasniza bt Wahid – 5/72 bahagian, Mohamad Shahmirul b Wahid – 10/72 bahagian dan Nursyhirah bt Wahid –5/72 bahagian. Pentadbir hendaklah memohon ulang bicara untuk perintah seterusnya setelah Hakmilik Tanah Di Kurniakan dan Waris-waris yang bawah umur mencapai umur 18 tahun.

Masalah dalam kes pembahagian harta pusaka Wahid bin Idris ialah akibat konflik antara waris-waris, apabila setiap waris tidak mahu melepaskan hak mereka dan ketidak percayaan waris-waris kepada balu si mati iaitu Sofiah binti Yusof (Ibu Tiri) - 12/72 bahagian, kepada Junaidah bt Wahid – 5/72 bahagian , Md. Hilmy b Wahid – 10/72 bahagian, Norliana bt Wahid – 5/72 bahagian, Suhaida bt Wahid – 5/72 bahagian, Suhailinor bt Wahid – 5/72 bahagian dan Mohd Shafiq b Wahid – 10/72 bahagian. Kes pembahagian harta pusaka si mati Wahid bin Idris bertentangan dengan kehendak perundangan Tanah GSA 1960 Seksyen 14 dan 15 iaitu di milik oleh lebih dari dua orang waris.

iii. Rancangan Felda Palong 4

Rancangan Felda Palong 4 yang terletak di dalam Daerah Jempol di bangukan pada tahun 1973/1974. Bandar terdekat dengan rancangan FELDA ini adalah Bandar Seri Jempol iaitu Pusat Pentadbiran Daerah Jempol iaitu lebih kurang 42 km daripada tanah rancangan dan keduanya adalah Bandar Bahau iaitu 53 km daripada tanah rancangan. Rancangan ini terletak di Mukim Rompin dengan keluasan 2267.43 hektar dengan bilangan peneroka seramai 514 orang. Kesemua 514 peneroka ini telah di berikan 1 lot ladang iaitu 10 ekar dengan tanaman sawit dan 0.25 ekar bagi tapak kediaman. Majoriti peneroka yang tinggal rancangan Felda Palong 4 adalah berasal dari Negeri Sembilan iaitu 89.9% dan selebihnya 10.1% berasal dari lain-lain negeri di semenanjung Malaysia

Komposisi kaum peneroka rancangan FELDA Kawasan ini adalah Melayu 413 orang, Cina 51 orang dan India 50 orang. Dalam Rancangan ini purata umur peneroka adalah 68 tahun hingga 75 tahun. Rancangan ini telah di kurniakan hakmilik kepada peneroka pada 24 April 2000 iaitu seramai 514 orang. Pada masa kini rancangan ini telah melalui proses tanam semula pertama pada tahun 2001/2002 dan kebun-kebun peneroka ini mula mengeluarkan hasil. Oleh kerana purata umur peneroka yang telah berusia, maka ramai peneroka yang telah uzur dan sakit tua serta tidak mampu lagi untuk mengusahakan kebun mereka dan waris-waris pula kebanyakannya tidak lagi berada di tanah rancangan kerana telah berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Disebabkan penghijrahan waris-waris maka berlakulah masalah pengurusan harta pusaka kepada peneroka apabila mereka mati dan juga perebutan antara waris-waris yang berhak menerima bahagian ke atas harta pusaka tersebut.

- **Kes Harta Pusaka: M Nor b. Abdul Rashid : 460614-05-5215**

Kes ini berkaitan dengan permohonan pembahagian harta pusaka yang lewat di pohon oleh waris-waris. Tarikh Kematian peneroka adalah Disember 2000 dan permohonan pembahagian harta pusaka di buat pada tahun 2005. Pada 03 Mei 2005 keputusan pembahagian harta dikeluarkan

dengan Surat Kuasa Mentadbir harta pusaka dan barang kepunyaan M Nor bin Abdul Rashid, Si mati yang beralamat di No 191, Felda Palong 4, 73400 Gemas, Negeri Sembilan diberikan kepada Noraszura bt M Nor iaitu anak kedua si mati dengan persetujuan semua waris-waris yang berhak ke atas harta ini.

Kes ini melibatkan tempoh yang amat lama sehingga lima tahun untuk pembahagian harta pusaka peneroka. Hal ini berkaitan rapat dengan permohonan pembahagian harta pusaka yang tidak dilaksanakan dengan segera. Ini adalah disebabkan kesepakatan waris-waris yang dewasa untuk menunggu waris-waris bawah umur mencapai umur dewasa iaitu 18 tahun bagi membolehkan pelantikan pentadbir

iv. Rancangan Felda Palong 5

Rancangan Felda Palong 5 yang terletak di dalam Daerah Jempol di bangunkan pada tahun 1974/1975. Bandar terdekat dengan rancangan FELDA ini adalah Bandar Seri Jempol iaitu Pusat Pentadbiran Daerah Jempol iaitu lebih kurang 42 km daripada tanah rancangan dan keduanya adalah Bandar Bahau iaitu 53 m daripada tanah rancangan. Rancangan ini terletak di Mukim Rompin dengan keluasan 2117.62 hektar dengan bilangan peneroka seramai 506 orang. Kesemua 506 peneroka ini telah di berikan 1 lot ladang iaitu 10 ekar dengan tanaman getah dan 0.25 ekar bagi tapak kediaman. Majoriti peneroka yang tinggal rancangan Felda Palong 5 adalah berasal dari Negeri Sembilan iaitu 86.7% dan selebihnya 13.3% berasal dari lain-lain negeri di semenanjung Malaysia

Komposisi kaum peneroka rancangan FELDA Kawasan ini adalah Melayu 454 orang, Cina 20 orang dan India 32 orang. Dalam Rancangan ini purata umur peneroka adalah 60 tahun hingga 70 tahun. Rancangan ini telah di kurniakan hakmilik kepada peneroka pada 21 Mac 2001 iaitu seramai 506 orang. Pada masa kini rancangan ini telah melalui proses tanam semula pertama pada tahun 2002/2003 dengan tanaman sawit seramai 443 orang peneroka terlibat, tanaman getah 61 orang peneroka terlibat dan 2 orang peneroka tidak melaksanakan tanam semula. dan

kebun-kebun peneroka ini mula mengeluarkan hasil. Oleh kerana purata umur peneroka yang telah berusia, maka ramai peneroka yang telah uzur dan sakit tua serta tidak mampu lagi untuk mengusahakan kebun mereka dan pada masa kini kebun-kebun mereka di uruskan oleh FELDA seramai 447 orang peneroka, di uruskan oleh RISDA seramai 57 orang. Bagi peneroka yang tanah mereka di uruskan oleh FELDA, peneroka-peneroka ini akan di bayar pinjaman sara hidup dan bagi peneroka-peneroka yang di uruskan oleh RISDA tidak ada pinjaman sara hidup di keluarkan.

- **Kes Harta Pusaka: Md unus b Md Zin. No.KP:480810-05-5245**

Perintah yang di keluarkan oleh Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol, pada 14 Mac 2008 dimana pentadbir yang di lantik iaitu Siti Hawa binti Lajis KP.NO: 510429-05-5240 iaitu janda si mati tidak mahu membahagikan hasil kebun dari harta tersebut kepada penerima seperti dalam perintah Borang F iaitu Siti Hawa binti Lajis- 15/240 bahagian, Siti Hajar binti Ibrahim – 15/240 bahagian, Haliza binti Md Yunus – 14/240, Hafidah binti Md Yunus – 14/240, Hazurina binti Md Yunus – 14/240, Hashimah binti Md Yunus – 14/240, Mohd Helmi bin Md Yunus – 28/240, Mohd Fadzil bin Md Yunus – 28/240, Mohamad Kharul Isman bin Md Yunus – 28/240, Nur Ezza binti Md Yunus -14/240 dan Mohamad Khairul Izwan bin Md Yunus- 28/240 Pentadbir yang lantik hendaklah memohon ulang bicara setelah Siti Hawa binti Lajis mendapat perintah Mahkamah Tinggi Syariah Seremban berkaitan dengan harta sepencarian dengan simati.

Sebelum tuntutan harta ini di bicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban satu surat aku janji telah ditandatangani antara Siti Hawa binti Lajis No.KP: 510429-05-5240 (Isteri Pertama) dan Siti Hajar binti Ibrahim, No.KP: 780714-05-5506 (Isteri Kedua) si mati berkaitan pembahagian wang hasil kebun si mati PM 4870 Lot 13650 dan PM 4871 Lot 13651 Mukim Rompin seluas 4.0232 Hektar yang di bayar pendahuluan hasil oleh Pengurusan Felda Palong 5. Surat Aku Janji ini telah di tandatangani pada 20 April 2006, Di Pejabat FELDA Palong 5 dengan di saksikan oleh Pengurus

FELDA Palong 5 iaitu Ab. Rasib bin Che Awang, Pengerusi JKKK FELDA Palong 5 iaitu MohdRedzuan bin Mahmud dan Ketua Blok FELDA Palong 5 iaitu Hj Ibrahim bin Omar. Dalam surat Aku Janji ini kedua-dua pihak telah bersetuju menerima pendahuluan hasil sebanyak 55% bagi Siti Hawa bin Lajis iaitu RM 450.00 dan 45% bagi Siti Hajar binti Ibrahim iaitu RM 350.00. Walau bagaimanapun kedua-dua pihak tidak berpuas hati dan berlaku konflik sehingga kes ini di bawa ke Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban untuk menentukan bahagian harta sepencarian masing-masing terhadap harta ini.

Kes ini berkaitan dengan tuntutan bertindih harta pusaka Md Yunus b Md Zin Di dalam Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban yang melibatkan isteri pertama Siti Hawa binti Lajis No.KP: 510429-05-5240 bercerai hidup dan isteri kedua Siti Hajar binti Ibrahim, No.KP: 780714-05-5506 bercerai mati. Perbicaraan telah di adakan pada 30 Oktober, 2008 di Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban, dengan Petisyen Kes di buat oleh Siti Hawa binti Lajis dan telah di hadiri oleh semua waris-waris yang berhak seramai 11 orang termasuk balu kedua simati iaitu Siti Hajar binti Ibrahim.

Dalam penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban Harta Pusaka Mohd Yunus bin Mohd Zin telah di isytiharkan sebagai harta sepencarian dan Hakim telah memutuskan bahawa bahagian waris-waris yang menuntut iaitu Siti Hawa binti Lajis, No.KP: 510429-05-5240 – 4/8 bahagian, Siti Hajar binti Ibrahim, No.KP: 780714-05-5506 – 1/8 bahagian dan baki selebihnya 3/8 bahagian di bahagikan secara faraid kepada waris-waris yang berhak. Manakala harta alih iaitu Saham Koperasi Permodalan FELDA, No.Sijil 32291833 di bahagikan kepada Siti Hawa bin Lajis 60% dan Siti Hajar Ibrahim mendapat 40%. Perintah ini telah dilaksanakan oleh Pengurus Felda Palong 5 untuk pembahagian pendahuluan hasil.

4.4 Kesimpulan

Pembahagian harta pusaka peneroka FELDA di Wilayah Raja Alias di lihat dengan lebih dekat dengan pemilihan empat rancangan iaitu dua rancangan yang belum di kurniakan hakmilik iaitu Rancangan FELDA Raja Alias 1 dan Rancangan FELDA Raja Alias 4 dan dua lagi yang telah di kurniakan hakmilik iaitu Rancangan FELDA Palong 4 dan Rancangan FELDA Palong 5. Pemilihan empat kawasan rancangan ini dilakukan untuk melihat sejauh mana masalah pembahagian harta pusaka ini berlaku dengan contoh kes sebenar.

Dalam kawasan kajian yang dikaji, masalah pembahagian harta pusaka peneroka sememangnya wujud dan masalah ini berkaitan dengan konflik di kalangan waris-waris dan proses permohonan pembahagian harta pusaka yang tidak dilaksanakan oleh waris-waris. Apabila berlaku pertikaian di kalangan waris, perlantikan pentadbir sementara akan dilakukan bagi menguruskan harta tersebut sehinggalah waris-waris mendapat persetujuan untuk melantik seorang waris yang akan diturun milik. Perlantikan pentadbir sementara juga mempunyai masalah apabila pentadbir tidak amanah dan hal ini boleh dilihat dalam kes pembahagian harta pusaka yang telah diterangkan.

Bab ini yang menerangkan kawasan kajian, dan pembahagian harta pusaka di Daerah Jempol iaitu di FELDA Wilayah Raja Alias membolehkan masalah pembahagian harta pusaka peneroka di kenalpasti dengan contoh-contoh kes sebenar dan kaedah utama dilaksanakan bagi mengatasi masalah pembahagian harta pusaka ini.. Masalah pembahagian harta pusaka peneroka yang dikenalpasti dan diterangkan dengan terperinci ini membolehkan objektif pertama kajian iaitu Mengenal pasti Pentadbiran Tanah Pusaka GSA 1960 di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Negara. telah tercapai sepenuhnya dan sebahagian objektif kedua dicapai. Bagi mencapai sebahagian lagi objektif kedua iaitu Mengkaji percanggahan peruntukan undang-undang Tanah GSA 1960 dengan Hukum Faraid dan permasalahan perwarisan. dan objektif ketiga iaitu Mencadangkan satu kerangka Penubuhan Badan atau Organisasi dalam menyelesaikan masalah Pusaka Tanah GSA 1960 bab seterusnya akan menerangkannya dengan analisis kajian dan cadangan kajian.

BAB 5

ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Analisis kajian ini di laksanakan berdasarkan data primer dan sekunder yang dikumpulkan melalui temubual, pemerhatian dan pembacaraan. Data primer diperolehi di Unit Tanah FELDA Wilayah Raja Alias, Pejabat-Pejabat Rancangan yang di pilih dan Unit Pusaka Pejabat Tanah Jempol. Maklumat kematian dan permohonan pembahagian harta pusaka peneroka bagi rancangan yang dipilih sama ada telah dikurniakan hakmilik atau belum dikurniakan hakmilik. Dalam kajian ini terdapat beberapa kes yang dijadikan kes kajian dan kes-kes ini diperolehi dari Pejabat FELDA Wilayah Raja Alias dan Pejabat-Pejabat Felda rancangan yang dipilih. Temubual di buat dengan pengurus dan pegawai rancangan yang dipilih bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkaitan dengan kes-kes kajian.

5.2. Kaedah Kajian

Dalam usaha pengumpulan maklumat untuk menghasilkan kajian dua kaedah kajian digunapakai iaitu lawatan ke kawasan kajian dan temubual. Analisis terhadap data yang diberikan oleh Pejabat rancangan-rancangan yang terpilih amat penting bagi melihat kes-kes yang terpilih permohonan pembahagian harta pusaka peneroka

FELDA di kawasan kajian. Melalui penelitian yang dibuat, pemilihan lokasi kajian juga boleh di tentukan. Rancangan yang terpilih adalah sebagai perbandingan kes-kes pembahagian harta pusaka bagi membolehkan variasi dan keunikan kes pembahagian harta peneroka FELDA dilihat. Kajian melalui temubual di laksanakan bagi mencapai objek kajian dan untuk mendapatkan penjelasan yang lebih tepat dari pihak yang terlibat.

Kaedah temubual ang dilaksanakan oleh pengkaji iaitu melalui temujanji dan telefon. Bagi kaedah temubual melalui temujanji soalan yang di kemukakan berdasarkan penelitian kes yang dikaji. Kaedah telefon akan digunakan oleh pengkaji jika maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan. Proses temubual secara formal ini dilaksanakan bersama dengan Pengurus-pengurus rancangan FELDA yang terpilih bersama dengan yang bertanggungjawab menguruskan permohonan pembahagian harta pusaka peneroka FELDA Raja Alias 1, FELDA Raja Alias 4, FELDA Palong 4 dan FELDA Palong 5.

a. Analisis Data

Data yang diperolehi secara temubual dan lawatan kawasan kajian di analisis secara kualitatif. Data berkaitan dengan bilangan kes pembahagian harta pusaka peneroka dalam proses pembahagian dan kes yang telah selesai di lampirkan. Analisis data ini penting untuk melihat sejauh mana kaedah penyelesaian yang telah di terangkan dalam bab sebelumnya berkesan. Hal ini boleh di lihat dalam kes pembahagian harta pusaka peneroka FELDA yang unik dan berlaku di kawasan rancangan FELDA yang dipilih. Analisis yang dilaksanakan ini membolehkan objektif kedua di capai dengan penemuan-penemuan yang diperolehi.

b. Kaedah Pemilihan Kawasan Kajian

Kawasan kajian iaitu FELDA Raja Alias Khusus bagi Daerah Jempol, dengan menghubungi Pengurus Rancangan FELDA yang di pilih melalui perbualan telefon untuk mendapatkan maklumat kes-kes harta pusaka peneroka FELDA yang unik dan mempunyai pelbagai variasi untuk di kaji. Bagi memastikan keberkesanan analisis

kajian dipilih empat rancangan iaitu dua rancangan FELDA yang belum dikurniakan hakmilik dan dua rancangan FELDA yang telah di kurniakan hakmilik. Rancangan-rancangan tersebut ialah Rancangan FELDA Raja Alias 1, Rancangan FELDA Raja Alias 4, Rancangan FELDA Palong 4 dan Rancangan FELDA Palong 5.

5.3 Analisis Pembahagian Harta Pusaka Bagi Rancangan Felda Terpilih

Jadual 5.1 menunjukkan analisis bilangan permohonan pembahagian harta pusaka peneroka di Wilayah Raja Alias bagi rancangan yang telah dipilih yang diperolehi dari pejabat-pejabat FELDA yang di pilih sebagai kawasan kajian. Daripada jumlah tersebut FELDA Palong 5 mencatatkan bilangan kes permohonan yang tertinggi. Dari analisis yang dilakukan oleh pengkaji di dapati 58.32% kes bagi FELDA Palong 5 telah dapat di selesaikan kerana tidak mempunyai masalah dari segi penurunan milik kepada waris-waris yang berhak menerima bahagian dan boleh di daftarkan dalam hakmilik nama pemilik baru. Baki 24.67% permohonan lagi sedang dalam proses. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes unik yang telah menarik minat pengkaji.

Jadual 5.1: Jumlah Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Yang Terpilih Sehingga Disember, 2009

Nama Rancangan	Bil. Peneroka	Bilangan Permohonan/ Bil. Kematian	Dalam Proses	Selesai
Raja Alias 1	440	61	6	55
Raja Alias 4	507	45	14	31
Palong 4	514	77	19	58
Palong 5	506	72	19	53
Jumlah	1967	255	58	197

Sumber : Pejabat-Pejabat Felda Rancangan Terpilih, Disember 2009

Berdasarkan maklumat dari Pejabat rancangan-rancangan FELDA yang di pilih di wilayah Raja Alias, kes-kes wujud kerana di pengaruhi oleh pelbagai faktor sama ada dari waris-waris simati atau ketidakarifan mereka berkaitan undang-undang Tanah GSA 1960. Maklumat dari Pejabat-pejabat Rancangan FELDA yang dipilih di perolehi menyatakan bahawa kes-kes pembahagian harta pusaka peneroka FELDA diselesaikan dengan perlantikan Pentadbir di Bawah Seksyen 13 Akta 97. Penyelesaian ini hanyalah kaedah sementara dan wujud pelbagai masalah dalam sistem pengurusan harta pusaka simati yang di tadbirkan oleh pentadbir sementara ini antaranya pentadbir tidak arif tentang peranan pentadbir. Dalam hal ini Penurunan milik secara kekal perlu dilaksanakan supaya tidak berlaku pertelingkah serta konflik yang berpanjangan antara waris-waris si mati.

5.4 Analisis Kematian Peneroka Bagi Rancangan Felda Terpilih

Analisis kematian peneroka bagi rancangan FELDA terpilih penting bagi melihat lebih luas jumlah kes kematian peneroka. Jumlah kes kematian peneroka bagi rancangan FELDA yang terpilih ialah 255 orang yang melibatkan pelaksanaan pembahagian harta pusaka. Oleh itu, jumlah kes kematian ini dikaitkan dengan pembahagian harta pusaka sebagai pengukur jumlah pembahagian harta pusaka yang dilaksanakan. Dalam analisis ini lokasi kajian itu iaitu jumlah peneroka yang belum di kurniakan hakmilik dengan jumlah peneroka telah dikurniakan hakmilik dapat ditentukan. Hal ini penting bagi memastikan wujudnya variasi kes untuk di kaji kerana kedua-dua faktor ini boleh mempengaruhi kebangkalian wujudnya kes-kes yang unik dan kompleks.

a. Hakmilik Belum Di Kurniakan

Jumlah hakmilik yang belum dikurniakan bagi kedua-dua rancangan FELDA ini ialah 947 hakmilik, manakala kes kematian peneroka adalah seramai 106 orang. Hal ini berkait rapat dengan jumlah hutang yang belum selesai oleh peneroka di samping kemasukan peneroka pada penghujung tahun 70an untuk kedua-dua rancangan FELDA. Jadual 5.2 menunjukkan bahawa kes kematian bagi Rancangan FELDA Raja Alias 1 adalah tinggi iaitu 61 kes berbanding dengan Rancangan FELDA Raja Alias 4 iaitu 45 kes sahaja berbanding dengan jumlah peneroka yang di terima masuk ke rancangan iaitu FELDA Raja Alias 1 seramai 440 orang berbanding dengan Raja Alias 4 seramai 507 orang. Manakala dapatan dari kajian ini ialah penyelesaian kes bagi rancangan Raja Alias 1 adalah tinggi iaitu 90.16% berbanding dengan rancangan Raja Alias 4 hanya 68.89%.

Jadual 5.2 : Rancangan Belum Di Kurniakan Hakmilik

Bil	Rancangan	Bilangan Peneroka	Bilangan Kematian
1	Raja Alias 1	440	61
2	Raja Alias 4	507	45
	Jumlah	947	106

Sumber: Pejabat Rancangan FELDA Raja Alias 1 dan Raja Alias 4, Disember 2009

b. Hakmilik Telah Di Kurniakan

Jumlah hakmilik yang telah dikurniakan bagi kedua-dua rancangan FELDA ini ialah 1020 hakmilik, manakala kes kematian peneroka ialah seramai 149 orang. Hal ini berkait rapat dengan pembangunan semula tanah rancangan tersebut di samping kemasukan peneroka pada awal 70an. Purata umur peneroka yang masih berada di tanah rancangan ini ialah 60 – 75 tahun. Kajian ini mendapati kebanyakan peneroka ini telah uzur dan menghadapi pelbagai penyakit serta tidak mampu lagi untuk mengusahakan tanah mereka dan menyerahkan pengurusan kebun kepada Pengurusan FELDA. Jadual 5.3 menunjukkan kes-kes kematian peneroka berbanding dengan hakmilik yang telah dikeluarkan dimana FELDA Palong 4 mempunyai bilangan kes kematian iaitu 14.98 % dan FELDA Palong 5 iaitu 14.23%

yang menunjukkan perbezaan yang tidak ketara di antara kedua rancangan yang telah dikurniakan hakmilik ini.

Jadual 5.3: Rancangan Yang Di Kurniakan Hakmilik

Bil	Rancangan	Bil. Peneroka / Bil. Hakmilik di Kuniakan	Bil. Peneroka Meninggal dunia
1.	Palong 4	514	77
2.	Palong 5	506	72
	Jumlah	1020	149

Sumber : Pejabat Rancangan FELDA Palong 4 dan Palong 5, Disember 2009

5.5 Analisis Kaedah Penyelesaian Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Felda Di Wilayah Raja Alias

Kaedah penyelesaian pembahagian harta pusaka peneroka terdiri daripada penurunan milik secara kekal, perlantikan pentadbir sementara dan perintah jual secara lelong kepada waris-waris yang mampu atau pihak-pihak yang luar yang berjaya membuat bidaan. Penurunan milik secara kekal adalah kaedah penyelesaian sebenar apabila nama waris di daftarkan pada suratan hakmilik. Begitu juga dengan kaedah perintah jual secara lelong di laksanakan oleh Mahkamah apabila penyelesaian secara muafakat tidak dapat di capai dan waris-waris menuntut hak mereka. Dalam langkah ini waris tidak akan mempunyai hak ke atas hakmilik tersebut selepas penjualan dilaksanakan. Kaedah penyelesaian seterusnya adalah perlantikan pentadbir sementara yang biasanya terdiri daripada waris simati merupakan kaedah penyelesaian sementara apabila waris-waris tidak dapat memberikan keputusan seorang atau dua orang waris untuk menerima penurunan milik harta pusaka tersebut.

Bagi melihat kaedah penyelesaian pembahagian harta pusaka peneroka FELDA di Wilayah Raja Alias yang dipilih oleh waris-waris peneroka, kaedah penyelesaian ini akan di bahagikan kepada dua kategori sebagai perbandingan kes.

Kategori pertama bagi kes pembahagian yang telah dikurniakan hakmilik dan kategori kedua adalah bagi yang belum di kurniakan hakmilik.

Jadual 5.4 : Maklumat Pembahagian Harta Pusaka Felda Penurunan Milik Secara Kekal dan Perlantikan Pentadbir

Bil	Rancangan	Bil. Kematian peneroka	Bil.Penurunan Milik Secara Kekal Telah Selesai	Bil. Perlantikan Pentadbir Sementara	Bil. Melalui Perintah Jual	Bil.Kes Belum Selesai
1	Raja Alias 1	61	53	2		6
2	Raja Alias 4	45	29	2	-	14
3	Palong 4	77	42	16	-	19
4	Palong 5	72	51	2		19
	Jumlah	255	175	22		58

Sumber : Pejabat-Pejabat Felda Rancangan Terpilih, Disember 2009

a. Harta Pusaka Belum Di Kurniakan Hakmilik

Harta pusaka yang belum dikurniakan hakmilik tidak melibatkan turunmilik secara kekal kerana peneroka atau simati masih berhutang dengan pihak FELDA. Oleh itu, pembahagian harta pusaka peneroka bagi harta ini dilaksanakan dengan perintah surat kuasa mentadbir. Pentadbir yang di lantik hendaklah membuat ulang bicara apabila hakmilik telah dikurniakan bagi penurunan milik harta tersebut kepada waris-waris yang berhak. Walau bagaimanapun berlaku pertelingkahan dan konflik apabila surat kuasa mentadbir di keluarkan kerana Pentadbir tidak memahami peranan untuk mentadbirkan harta tersebut mengikut perintah yang di keluarkan. Permohonan ulang bicara akan dibuat atas nasihat Pengurus Rancangan FELDA supaya Pentadbir baru dilantik bagi mentadbir harta tersebut. Jadual 5.4 menunjukkan jumlah perlantikan pentadbir dan penurunan milik secara kekal di rancangan FELDA yang belum di Kurniakan Hakmilik iaitu FELDA Raja Alias 1 dan FELDA Raja Alias 4.

b. Harta Pusaka Hakmilik Yang Telah Di Kurniakan

Secara umumnya kaedah penyelesaian yang di pilih oleh waris peneroka adalah penurunan milik secara kekal. Kaedah ini adalah suatu kaedah terbaik yang di sarankan oleh pihak pengurusan dalam usaha menjamin kepentingan hakmilik sebagai tanah pertanian yang ekonomik. Berdasarkan maklumat dari temubual dengan Pengurus-pengurus FELDA yang diperolehi, kebanyakan kes pembahagian harta pusaka peneroka dapat di laksanakan adalah secara turun milik secara kekal. Ini adalah kerana jika perlantikan pentadbir di kalangan waris akan berlaku pertelingkahan dan konflik dan mengakibatkan kebun akan terbiar dan harta tersebut tidak dapat memberikan pulangan kepada waris-waris. Jadual 5.4 juga menunjukkan perlantikan pentadbir dan penurunan milik secara kekal bagi rancangan yang di kurniakan hakmilik iaitu FELDA Palong 4 dan Felda Palong 5.

5.6 Analisis Pembahagian Yang Bercanggah Dengan Seksyen 14 Akta 530

Analisis yang di laksanakan bagi rancangan FELDA yang terpilih mendapati wujud kes-kes pembahagian pusaka tanah peneroka yang bercanggahan dengan Seksyen 14 Akta 530 samada perintah perlantikan pentadbir atau di turun milik secara terus kepada semua waris-waris yang berhak mengikut hokum faraid seperti jadual 5.5 iaitu berjumlah 8 kes . Kajian hanya dilaksanakan untuk kes-kes terpilih seperti yang telah di terangkan dalam bab sebelumnya.

- i. Kes Harta Pusaka: Ab Hadziz bin Samad, No.KP: 471007-04- 5377 .Masalah dalam kes pembahagian harta pusaka Ab Hadziz bin Samad .Perintah yang dikeluarkan oleh Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol pada 27 Ogos,2009 telah melantik pentadbir iaitu Halimaton binti Ab. Habziz KP.NO: 801117-04-5326 iaitu anak simati. Ini di sebabkan si mati tidak mempunyai anak lelaki yang boleh menjadi pendinding keatas harta tersebut dan tiada kesepakatan adik-beradik simati untuk menyerahkan hak tersebut kepada waris si mati yang lebih berhak untuk memiliki harta tersebut.

Jadual 5.5 : Pembahagian Pusaka Yang Bercanggah Dengan Sek 14 GSA 1960

Bil	Rancangan	Penurunan Milik Secara Kekal	Perlantikan Pentadbir Sementara Yang Bercanggah Dengan Sek 14 GSA 1960
1.	FELDA Raja Alias 1	53	2
2.	FELDA Raja Alias 4	29	2
3.	FELDA Palong 4	42	2
4.	FELDA Palong 5	51	2
	Jumlah	175	8

Sumber: Pejabat FELDA Raja Alias 1, FELDA Raja Alias 4, FELDA Palong 4 dan Felda Palong 5

Dalam perintah yang di keluarkan sebagai pentadbir bahagian yang di perolehi iaitu 5/8 bahagian manakala bagi 3/8 bahagian diberikan kepada saudara Seibu Sebapa simati. Iatu Ismail b Samad, Sapiah bt Samad, Zaiton bt Samad, Kamariah bt Samad, Mohd Daud b Samad, Asiah bt Samad dan Omar b Samad .Ini adalah kerana simati tiada mempunyai waris Lelaki sebagai pendiding kepada harta ini. Manakala isteri simati Jariah bt Ali telah menyerahkan haknya kepada pentadbir.

Dari analisis yang di laksanakan terhadap kes pembahagian harta pusaka peneroka ini, di dapati percanggahan terhadap seksyen 14 Akta 530 iaitu perintah penurunan milik kepada tidak lebih dari dua nama. Kes pembahagian ini di laksanakan secara hukum faraid dan harta ini belum lagi di kurniakan hakmilik. Kes pembahagian harta pusaka ini juga bertentangan dengan kehendak perundangan Tanah GSA 1960 Seksyen 15 iaitu harta tersebut tidak boleh di pecah bahagi. Ini di sebabkan Perintah yang di keluarkan menyatakan bahagian-bahagian mengikut faraid dan apabila hendak mendaftarkan dalam Buku Daftar Pegangan tidak boleh dilaksanakan nama penerima bahagian melebihi dari dua orang pemilik. Masalah akan berlaku apabila hakmilik dikeluarkan kelak kerana waris-waris yang berhak mendapat bahagian seperti surat perintah akan memohon supaya nama mereka didaftarkan dalam hakmilik berkenaan. Manakala hasil dari harta tersebut terpaksa dibahagikan mengikut perintah. Ini akan menjadikan harta

tersebut tidak lagi ekonomik kepada waris-waris peneroka FELDA. Masalah ini telah diutarakan oleh Pengurus FELDA Raja Alias 1 iaitu Osman Bin Paimon (2010) melalui temubual pengkaji dengan beliau.

- ii. Kes Harta Pusaka Wahid Bin Idris, No.KP: 770701-01-5773 Masalah dalam kes pembahagian harta pusaka Wahid bin Idris ialah akibat konflik antara waris-waris, apabila setiap waris tidak mahu melepaskan hak mereka dan ketidakpercayaan waris-waris kepada balu si mati iaitu Sofiah binti Yusof (Ibu Tiri) - 12/72 bahagian, kepada Junaidah bt Wahid – 5/72 bahagian, Md. Hilmy b Wahid – 10/72 bahagian, Norliana bt Wahid – 5/72 bahagian, Suhaida bt Wahid – 5/72 bahagian, Suhailinor bt Wahid – 5/72 bahagian dan Mohd Shafiq b Wahid – 10/72 bahagian.

Perlantikan Pentadbir telah di berikan kepada Norliana Bt Wahid. No.KP; 820519-01-6468 iaitu anak ketiga simati bagi mentadbir waris-waris bawah umur 18 tahun iaitu Norhasniza bt Wahid – 5/72 bahagian, Mohamad Shahmirul b Wahid – 10/72 bahagian dan Nursyhirah bt Wahid – 5/72 bahagian. Pentadbir hendaklah memohon ulang bicara untuk perintah seterusnya setelah Hakmilik Tanah Di Kurniakan dan Waris-waris yang bawah umur mencapai umur 18 tahun.

Analisis yang dilakukan terhadap kes harta pusaka ini mendapati bahawa pembahagian di buat mengikut hukum syara' kerana simati mempunyai dua isteri dan isteri pertama telah meninggal dunia dahulu . Pentadbir juga di arahkan supaya membuat permohonan ulang bicara setelah hakmilik dikeluarkan. Temubual yang di laksanakan dengan Pengurus FELDA Raja Alias 4, iaitu Abd Rahman bin Ali Hassan (2010), menyatakan bahawa waris-waris simati yang telah mencapai umur 18 tahun dan berhak mewarisi harta ini tidak mahu melepaskan haknya dan maka itu perintah telah dikeluarkan mengikut hukum faraid. Kes pembahagian harta pusaka si mati Wahid bin Idris bertentangan dengan kehendak perundangan Tanah GSA 1960 Seksyen 14 dan 15 iaitu di milik oleh lebih dari dua orang waris. Masalah ini akan berpanjangan dan konflik akan berlaku apabila hakmilik didaftarkan kerana

semua waris akan menuntut nama mereka didaftarkan dalam hakmilik berkenaan. Akta 530 dalam seksyen 14 tidak membenarkan nama lebih dari dua orang didaftarkan sebagai pemilik dan seksyen 15 Akta 530 pula tidak membenarkan tidak ini dipecah bahagi kepada yang lebih kecil.

- iii. Kes Harta Pusaka: M Nor b. Abdul Rashid : 460614-05-5215 Kes ini melibatkan tempoh yang amat lama sehingga lima tahun untuk pembahagian harta pusaka peneroka. Hal ini berkaitan rapat dengan permohonan pembahagian harta pusaka yang tidak dilaksanakan dengan segera. Ini adalah di sebabkan kesepakatan waris-waris yang dewasa untuk menunggu waris-waris bawah umur mencapai umur dewasa iaitu 18 tahun bagi membolehkan pelantikan pentadbir

Analisis kes harta Pusaka M Nor b Abdul Rashid yang dilaksana mendapati bahawa Perlantikan Pentadbir kepada anak kedua si mati iaitu Norazura bt M Nor KP.NO: 761109-05-5002 simati dan tidak balu simati iaitu Zariah bt Jamsary. Pentadbir yang dilantik hendaklah membuat ulang bicaradi bawah seksyen 17 Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 untuk perintah selanjutnya.

Dari maklumat melalui temubual dengan Pengurus FELDA Palong 4 iaitu Ibrahim bin Ismail (2010), menyatakan bahawa perlantik pentadbir sementara ini kepada anak kedua simati dilakukan oleh Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol disebabkan pentadbir duduk di rancangan dan menguruskan harta ini dan bagi menjaga ibunya. Walau bagaimanapun waris-waris yang lain bersetuju mengekalkan bahagian masing-masing sehingga suatu keputusan di antara waris-waris dapat menurunkan kepada dua nama sahaja di dalam hakmilik berkenaan.

Perintah yang dikeluarkan oleh Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol ini mengikut hukum faraid tetapi ia tidak menyatakan bahagian setiap waris yang berhak menerima bahagian ke atas harta tersebut. Menurut beliau lagi masalah yang timbul kini ialah hendak membahagikan hasil dari harta

tersebut dan mendaftarkan nama pada hakmilik yang telah dikeluarkan. Semua waris tidak bersetuju buat masa ini nama pentadbir di daftarkan dalam hakmilik dan tindakan yang telah diambil Pengurusan rancangan FELDA Palong 4 ialah akan memanggil semua waris yang berhak menerima bahagian seperti yang diperintah untuk berbincangan apabila hasil daripada harta tersebut di keluarkan pada setiap bulan.

Analisis yang dilaksanakan mendapati bahawa perintah yang dikeluarkan oleh Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol ini bercanggah dengan seksyen 14 Akta 530 dan mengikut hukum faraid tetapi ianya tidak menyatakan bahagian setiap waris yang berhak. Ini mendatangkan masalah kepada Pengurusan FELDA Palong 5 pada setiap bulan apabila untuk membahagikan hasil kebun seperti yang diterangkan di atas.

- iv. Kes Harta Pusaka: Md Yunus b Md Zin. No.KP:480810-05-5245 Kes ini berkaitan dengan tuntutan bertindih harta pusaka Md Yunus b Md Zin Di dalam Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban yang melibatkan isteri pertama Siti Hawa binti Lajis No.KP: 510429-05-5240 bercerai hidup dan isteri kedua Siti Hajar binti Ibrahim, No.KP: 780714-05-5506 bercerai mati berkaitan harta sepencarian yang di tuntutan oleh Siti Hawa binti Lajis. Perbicaraan telah di adakan pada 30 Oktober, 2008 di Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban, dengan Petisyen Kes di buat oleh Siti Hawa binti Lajis dan telah di hadiri oleh semua waris-waris yang berhak seramai 11 orang termasuk balu kedua simati iaitu Siti Hajar binti Ibrahim.

Dalam penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban Harta Pusaka Mohd Yunus bin Mohd Zin telah di isytiharkan sebagai harta sepencarian dan Hakim telah memutuskan bahawa bahagian waris-waris yang menuntut iaitu Siti Hawa binti Lajis, No.KP: 510429-05-5240 – 4/8 bahagian, Siti Hajar binti Ibrahim, No.KP: 780714-05-5506 – 1/8 bahagian dan baki selebihnya 3/8 bahagian di bahagikan secara faraid kepada waris-waris yang berhak. Manakala harta alih iaitu Saham Koperasi Permodalan FELDA, No.Sijil 32291833 di bahagikan kepada Siti Hawa bin

Lajis 60% dan Siti Hajar Ibrahim mendapat 40%. Perintah ini telah dilaksanakan oleh Pengurus Felda Palong 5 untuk pembahagian pendahuluan hasil seperti Lampiran.

Analisis yang dilaksanakan mendapati bahawa perintah mahkamah yang diperolehi oleh waris-warisi simati ini adalah rasa tidak puas hati dari perintah yang dikeluarkan oleh Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol, pada 14 Mac 2008 dimana pentadbir yang dilantik iaitu Siti Hawa binti Lajis KP.NO: 510429-05-5240 iaitu janda si mati tidak mahu membahagikan hasil kebun dari harta tersebut kepada penerima seperti dalam perintah Borang F iaitu Siti Hawa binti Lajis- 15/240 bahagian, Siti Hajar binti Ibrahim – 15/240 bahagian, Haliza binti Md Yunus – 14/240, Hafidah binti Md Yunus – 14/240, Hazurina binti Md Yunus – 14/240, Hashimah binti Md Yunus – 14/240, Mohd Helmi bin Md Yunus – 28/240, Mohd Fadzil bin Md Yunus – 28/240, Mohamad Kharul Isman bin Md Yunus – 28/240, Nur Ezza binti Md Yunus -14/240 dan Mohamad Khairul Izwan bin Md Yunus- 28/240 Pentadbir yang dilantik hendaklah memohon ulang bicara setelah Siti Hawa binti Lajis mendapat perintah Mahkamah Tinggi Syariah Seremban berkaitan dengan harta sepencarian dengan simati.

Dari analisis yang dilaksanakan secara lebih teliti di dapati kes harta pusaka Md Yunus bin Mohd Zin ini telah menimbulkan percanggahan di bawah seksyen 14 Akta 530 kerana dalam perintah tersebut bahagian setiap waris telah di pecahkan kepada bahagian yang lebih kecil dan juga menimbulkan percanggahan kepada seksyen 15 Akta 530.

Menurut maklumat dari Pengurus FELDA Palong 5 iaitu Encik Ahmad Tarmizi bin Mohd Tahir (2010), semasa sesi temubual kes harta pusaka Md Yunus bin Mohd Zin ini terlalu kompleks kerana nama penerima bahagian yang ramai dan pengurusan rancangan terpaksa membahagikan harta setiap dari mereka dan menyediakan borang khas akuan penerimaan wang hasil dari harta ini. Dalam masa yang sama juga janda kepada si mati

juga masih tidak lagi memohon ulang bicara walaupun perintah Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban telah diperolehi bagi harta sepencarian.


Masalah ini telah menimbulkan konflik kekeluargaan kerana semua waris yang berhak seperti perintah yang di keluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah Jempol bertarikh 14 Mac 2008 menuntut supaya nama mereka di daftarkan dalam hakmilik. Ini juga akan menimbulkan masalah sosial di rancangan kerana segala kemudahan tidak boleh di salurkan seperti pinjaman pembesaran rumah, pinjaman usahawan dan lain-lain lagi.

5.7 Analisis Kaedah Penyelesaian Pilihan Oleh Waris Peneroka

Jumlah kes pembahagian harta pusaka peneroka yang di kaji sebanyak empat kes yang unik dan kompleks di rancangan terpilih iaitu Kes Pembahagian Harta Pusaka Peneroka yang mempunyai waris ramai, Kes Pembahagian Harta Pusaka Peneroka yang tidak mempunyai waris lelaki sebagai pendinding, Kes Pembahagian Harta Pusaka Peneroka perlantikan pentadbir di buat kepada anak dan Kes Pembahagian Harta Pusaka yang di tuntutan secara bertindih.

Peratus kes pembahagian harta pusaka yang selesai adalah penyelesaian melibatkan penurunan milik secara kekal. Penyelesaian jangka masa pendek iaitu perlantikan pentadbir turut dilaksanakan dan tiada penjualan secara tender dilaksanakan. Oleh itu terdapat dua kaedah penyelesaian kes pembahagian harta pusaka peneroka FELDA yang menjadi pilihan waris-waris iaitu Penurunan Milik Secara Kekal dan Perlantikan Pentadbir Sementara. Analisis kajian yang telah dilaksanakan menunjukkan kaedah yang cenderung dipilih dalam pembahagian harta pusaka bagi hakmilik telah dikurniakan dan belum dikurniakan hakmilik adalah penurunan milik secara kekal yang merupakan kaedah penyelesaian terakhir yang perlu dilaksanakan oleh waris-waris. Kes yang diselesaikan melalui perlantikan pentadbir hanyalah kaedah sementara yang dilaksanakan bagi kes-kes yang belum mendapat kata sepakat untuk memberikan penurunan milik kepada seorang atau dua

orang waris yang berhak. Kaedah ini menimbulkan pelbagai masalah kepada waris-waris sendiri dan pihak pengurusan sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab sebelumnya seperti pentadbir tidak arif tentang peranan pentadbir dan tidak amanah.



Sumber : Pejabat-Pejabat Felda Rancangan Terpilih, Disember 2009

Rajah 5.1 : Kaedah Penyelesaian Yang Di Laksanakan Di Kawasan FELDA Terpilih

Rajah 5.1 yang dihasilkan di atas menunjukkan rancangan FELDA Raja Alias 1, FELDA Raja Alias 4, FELDA Palong 4 dan FELDA Palong 5 mempunyai kes pembahagian harta pusaka peneroka yang diselesaikan secara penurunan milik secara kekal adalah tinggi berbanding kaedah penyelesaian lain. Keadaan ini dipengaruhi oleh jumlah hakmilik yang dikurniakan. Bagi rancangan FELDA yang belum dikurniakan hakmilik pula wujud kesedaran kepada waris-waris bahawa harta ini mesti diuruskan dengan sempurna supaya ia boleh memberikan pendapatan kepada waris-waris secara berterusan dan wujud kesaling fahaman di antara waris-waris tersebut. Kaedah Penyelesaian secara perlantikan pentadbir sementara pula di

sebabkan waris-waris yang ramai dan tidak wujud kesepakatan dalam memiliki harta ini dan di samping itu bagi rancangan yang belum di kurniakan hakmilik perintah perlantikan pentadbir sementara dilaksanakan disebabkan si mati masih lagi belum menyelesaikan hutang kepada FELDA,

5.8 Penemuan Kajian

Analisis yang telah dilaksanakan adalah untuk melihat sejauh mana masalah pembahagian harta peneroka peneroka FELDA berlaku di Wilayah Raja Alias umumnya dan di kawasan kajian khususnya. Hal ini berkait rapat dengan kaedah penyelesaian yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan FELDA dan kerajaan untuk menyelesaikannya. Terdapat pelbagai kaedah yang dilaksanakan dan hanya dua kaedah penyelesaian utama dipilih dalam kajian ini iaitu Pindaan 2002 Akta 530 dan Perkeliling 1/2004 sebagaimana yang telah diterangkan dengan terperinci dalam bab sebelumnya. Penemuan yang diperolehi daripada analisis yang telah dilaksanakan dan maklumat yang diperolehi adalah kaedah penyelesaian yang cenderung dipilih oleh waris peneroka, kekurangan dan kelemahan kaedah penyelesaian yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan FELDA dan Kerajaan, kekurangan penguatkuasaan Undang-undang di peringkat rancangan, kaedah penyampaian maklumat yang kurang berkesan, waris-waris peneroka FELDA tidak mengetahui kepentingan dan prosedur pembahagian harta pusaka, sistem rekod kematian dan penurunan milik yang lemah di peringkat rancangan, kurang kefahaman tentang prosedur pembahagian harta pusaka peneroka di kalangan pengurus dan kakitangan peringkat rancangan, dan kesan negatif masalah ini kepada peneroka dan rancangan FELDA.

i. Kaedah Penyelesaian Yang Di Pilih

Analisis yang telah dilaksanakan menunjukkan kaedah penurunan milik secara kekal banyak dilaksanakan kerana kaedah ini merupakan satu peringkat yang perlu dilaksanakan oleh waris-waris simati. Sebelum penurunan milik secara kekal dilaksanakan kaedah perlantikan pentadbir sementara merupakan satu kaedah yang banyak digunakan oleh waris-waris. Dalam penyelesaian masalah pembahagian harta pusaka dengan penlantikan pentadbir di bawah seksyen 13 Akta 530 pelbagai masalah timbul. Masalah ini berlaku apabila waris-waris boleh membuat bantahan dan wujud ketidakpercayaan kepada waris-waris sekiranya nama pentadbir dilaksanakan kepada ibu tiri juga dibimbangi bahawa ibu tiri berkahwin lain maka hak-hak mereka akan terhakis serta tidak boleh menjalankan amanah yang di pertanggungjawabkan dengan sempurna.

Isu pembahagian harta peneroka yang melibatkan pertukaran pentadbir ini boleh dilihat dalam kes kajian FELDA Raja Alias 4 iaitu kes pembahagian harta pusaka Wahid Bin Idris pada tahun 2008. Pertelingkahan yang melibatkan amanah dan ketidakpercayaan kepada balu simati ini timbul kerana simati mempunyai tiga orang anak bawah umur. Waris-waris simati yang lain kuatir bahawa ibu tirinya akan berkahwin lain dan bagaimana nasib mereka dan masalah ini akan meninggalkan kesan yang buruk kepada waris-waris dan pengurusan FELDA kerana harta tidak diuruskan dengan sempurna dan tidak dapat memberikan pulangan pendapatan kepada waris-waris.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari pihak pengurusan rancangan FELDA yang dikaji bahawa waris-waris memilih untuk melantik pentadbir apabila kesepakatan tidak dicapai. Dalam hal ini setiap waris menuntut hak masing-masing, tetapi penurunan milik hanya boleh di lakukan kepada seorang atau dua orang waris sahaja. Kebiasaannya tiada di antara waris-waris ini mampu untuk membayar hak waris lain kerana nilai harta pusaka yang tinggi. Terdapat juga kes yang wujud melibatkan ketiadaan waris yang sanggup dan berminat untuk mengusahakan harta pusaka peneroka tersebut dan waris di bawah umur yang belum boleh membuat keputusan bagi menguruskan harta pusaka tersebut. Pengurus Rancangan FELDA

Raja Alias 1 dan Felda Raja 4 mengakui terdapatnya waris-waris yang memilih untuk menjadi pentadbir kerana dapat menikmati keistimewaan sebagai peneroka seperti pinjaman kewangan, pinjaman pendidikan anak peneroka, pinjaman pembesaran rumah dan sebagainya. Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana ketidakadilan berlaku kepada waris-waris lain. Terdapat juga waris mengelakkan proses penurunan milik kerana tidak mahu membayar kos proses yang melibatkan harta pusaka tersebut seperti bayaran permohonan dan bayaran perintah yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah. Oleh itu, mereka selesa menjadi pentadbir dengan tiada sebarang halangan dalam menikmati keistimewaan sebagai peneroka dan tidak perlu mengeluarkan wang untuk proses penurunan milik. Sebagai seorang pentadbir hak sebagai seorang peneroka tidak sepatutnya diperolehi. Hal ini berlaku berkait rapat dengan kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang dan juga kemahiran dari undang-undang pusaka di kalangan pengurus dan petugas di rancangan yang di terangkan di sub tajuk dalam bab ini.

ii. Pindaan 2002 Akta Tanah (Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta 530)

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dan analisis yang telah dilaksanakan, Pindaan 2002 Akta 530 ini mempunyai keberkesanan dan beberapa kelemahan sama ada untuk jangka panjang dan jangka pendek. Pendapat-pendapat daripada individu terlibat secara lansung dalam masalah pembahagian harta pusaka peneroka berkaitan dengan pindaan ini adalah berbeza-beza. Sebagai contoh Pengurus Rancangan FELDA Raja Alias 4 berpendapat Pindaan Seksyen 14 Akta 530 ini telah melonggarkan syarat pemilikan harta tanah FELDA dan syarat pemilikan ini sepatutnya dipelihara supaya matlamat untuk membangunkan tanah tersebut secara ekonomik dapat dikekalkan. Pengurus Rancangan FELDA Raja Alias pula berpendapat bahawa Pindaan 2002, Akta 530 ini adalah satu langkah yang baik dalam menyelesaikan masalah pembahagian masalah pembahagian harta pusaka tetapi masalah diperingkat pengurusan akan wujud seperti urusan pembahagian hasil dari harta tersebut. Berdasarkan temubual yang dilakukan oleh pengkaji dengan Pengurus-pengurus rancangan yang terlibat berpendapat bahawa mereka tidak bersetuju berkenaan Pindaan Seksyen 14 Akta 530. Mereka berpendapat bahawa

penurunan milik ini sepatutnya boleh dinikmati oleh semua waris iaitu boleh dipindahmilik lebih dari dua orang.

Pindaan ini membolehkan hak isteri peneroka dilindungi apabila peneroka meninggal dunia dan apabila nama isteri yang sama-sama memasuki tanah rancangan FELDA mengusahakan tanah FELDA boleh diturun milik. Pindaan ini membolehkan nama waris diturunmilik bagi pembahagian harta pusaka FELDA. Kedua-dua nama yang diturun milik ini mempunyai hak yang sama iaitu sebagai pemegang bersama (*co-ownership*). Oleh itu, setiap urusan yang hendak dilaksanakan diatas harta tersebut memerlukan persetujuan kedua-kedua pemegang bersama. Pindaan ini hanya melibatkan hal pemilikan dan tidak menyentuh hal-hal yang berkaitan pecah bahagi atau sekatan-sekatan lain yang dikenakan. Hal ini membolehkan hakmilik tanah FELDA di pelihara selaras dengan penubuhan awalnya.

Pindaan yang dilaksanakan ini lebih kepada memberi pengiktirafan bagi bagi perjuangan hak wanita. Hal ini berkait rapat dengan syarat kemasukan peneroka yang perlu mempunyai isteri semasa memasuki tanah rancangan dan usaha isteri peneroka yang bekerjasama dalam mengusahakan tanah tersebut. Pindaan ini dapat mengelakkan isteri peneroka dizalimi apabila peneroka berkahwin lain atau meninggalkan rancangan FELDA. Sebelum pindaan ini dilaksanakan peneroka boleh sewenangnyanya menjual atau memajak tanah tanpa kebenaran isteri dan dengan adanya pindaan ini persetujuan daripada isteri diperlukan. Bagi isu peneroka berkahwin lebih dari satu, Pindaan Seksyen 14 boleh menjamin hak isteri pertama (isteri@ bekas isteri yang sama-sama menjayakan tanah). Perlindungan hak isteri peneroka turut dibahaskan oleh Datuk Nor Azah bintiAwin, Puan Jamilah binti Ibrahim, Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff, dan beberapa Ahli Dewan lain dalam perbahasan Rang Undang-Undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Pindaan 2002, Bacaan kali kedua dan ketiga (Dalam Sharifah Junaidah Syed Mohamed, 2007)

Pindaan ini berkesan untuk penyelesaian jangka pendek dan bagi waris yang bilangannya kurang dari dua orang atau melibatkan isteri peneroka. Bagi penyelesaian jangka masa panjang, pindaan ini kurang berkesan kerana masalah akan timbul apabila seorang atau dua orang penama tidak boleh ditentukan dan pentadbir

sementara dilantik bagi menguruskan harta pusaka tersebut. Berdasarkan analisis kes pembahagian harta pusaka peneroka yang telah dilaksanakan, penyelesaian kes dengan perlantikan pentadbir sementara adalah tinggi. Maksud lantikan ini adalah salah seorang waris atau dua orang waris dilantik sebagai pentadbir untuk menguruskan harta pusaka simati. Sebagaimana yang telah diterangkan sebelumnya, pembahagian sebenar (Pembahagian terus/penurunan milik secara kekal) belum diputuskan oleh waris-waris. Perlantikan pentadbir sementara ini bertujuan untuk mengatasi masalah penentuan pemilikan harta pusaka peneroka apabila waris-waris tidak dapat memutuskan seorang atau dua orang di kalangan mereka yang sesuai untuk memiliki harta pusaka ini. Penangguhan penurunan milik secara kekal akan mengakibatkan berlakunya peralihan waris dalam jangka masa panjang. Hal ini, akan mengakibatkan wujud kesan negative kepada ekonomi dan sosial waris. Pertelingkahan antara waris mengakibatkan pandangan serong masyarakat dan hasil yang diterima oleh setiap waris menjadi sedikit atau tidak ekonomik untuk waris apabila terpaksa membahagikan kepada semua waris.

Pindaan 2002 Akta 530 ini melibatkan penurunan milik yang boleh dilaksanakan kepada dua orang sebagai pemegang bersama (*co ownership*) dan kedua-dua pemilik ini mempunyai bahagian pemilikan secara bersama dan bukan dalam bentuk bahagian yang dipecahkan (*individed share*) menimbulkan masalah di Pejabat Tanah Daerah kerana sistem pendaftaran yang dilaksanakan melibatkan pecahan bahagian setiap pemilik. Dalam sistem ini setiap pemilik perlu didaftar dengan bahagian masing-masing. Isu ini diterangkan oleh Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol.

iii. Perlaksanaan Perkeliling Bil 1/2004

Perkeliling Bil 1/2004 yang dikuatkuasakan ini amat penting sebagai panduan kepada pengurus rancangan bagi menyelesaikan masalah pembahagian harta pusaka peneroka di rancangan FELDA masing-masing. Panduan yang dihasilkan tersebut lengkap dan telah merangkumi semua aspek terutamanya untuk orang Islam kerana terdapat panduan hukum syara' yang boleh dilaksanakan dalam Perkeliling ini. Panduan Hukum Syara' disertakan dalam perkeliling ini bersesuaian dengan jumlah

peneroka Islam yang mencecah 95% daripada keseluruhan peneroka di sesebuah rancangan FELDA. Kandungan perkeliling ini telah diterangkan dengan terperinci dalam bab sebelumnya. Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui temubual dengan pengurus-pengurus rancangan FELDA yang terlibat dengan kajian ini, serta lawatan ke kawasan kajian yang di laksanakan oleh pengkaji, perkeliling ini tidak dilaksanakan sepenuhnya. Hal ini berkait rapat dengan kesedaran pihak pengurusan yang tidak begitu mahir dalam takrifan berkaitan kepentingan pelaksanaan ini sehinggakan peneroka tidak mengetahui kepentingan pelaksanaan pembahagian harta pusaka yang perlu dilaksanakan dengan segera. Penguatkuasaan sepatutnya dilaksanakan supaya peneroka dapat bekerjasama dengan pihak pengurusan dalam hal pembahagian harta pusaka ini. Selain itu, dari lawatan kawasan kajian dan temubual dengan pihak pengurusan rancangan yang dilaksanakan, peneroka tidak bekerjasama dengan pihak pengurusan dengan memberikan maklumat berkaitan hal kematian dan pembahagian harta kepada pihak pengurusan rancangan. Keadaan ini berlaku ada hubungan dengan kelalaian pihak pengurusan dalam menyampaikan maklumat kepada peneroka untuk mematuhi prosedur yang ditetapkan. Oleh itu, tidak hairanlah terdapat banyak kes-kes permohonan pembahagian harta pusaka peneroka tidak dapat diselesaikan dalam waktu yang ditetapkan.

iv. Kekurangan Penguatkuasaan Undang-Undang Di Peringkat Rancangan

Daripada kajian penulis dan penerangan yang diberikan oleh pihak pengurusan rancangan FELDA terlibat membolehkan penulis mengenalpasti kelemahan penguatkuasaan undang-undang di peringkat rancangan. Pihak pengurusan seperti lebih mementingkan kebajikan peneroka dan keluarga peneroka daripada penguatkuasaan undang-undang sebenar. Sebagai Contoh pentadbir sementara yang dilantik untuk menguruskan harta pusaka peneroka menikmati keistimewaan yang dimiliki oleh peneroka lain seperti bantuan kewangan, bantuan pendidikan anak-anak, biasiswa, tabung sakit kronik dan sebagainya. Hal ini diakui sendiri oleh pihak pengurusan dan tidak sepatutnya berlaku kerana akan timbul ketidakadilan dikalangan waris-waris. Perkara ini mengakibatkan waris tidak

mengambil berat berkenaan isu penurunan milik secara kekal kerana mereka tidak mempunyai halangan menikmati keistimewaan-keistimewaan tersebut.

v.. Penyampaian Maklumat Yang Tidak Berkesan

Berdasarkan temubual yang telah dilaksanakan, pihak pengurusan rancangan FELDA sememangnya mempunyai cara tersendiri dalam menyampaikan maklumat berkaitan perkara-perkara baru dan perkara-perkara penting. Begitu juga dengan penyampaian maklumat berkaitan dengan pembahagian harta pusaka peneroka. Sebagai contoh di Rancangan Raja Alias 1, maklumat daripada pengurusan di sampaikan melalui pemimpin kawasan-kawasan masing-masing iaitu Ketua Blok Kediaman semasa mesyuarat bulanan, selain itu risalah juga turut di edarkan. Hal ini dapat dilihat dalam program kehadiran rancangan (*Rollcall*) yang di adakan pada setiap bulan bagi menyampaikan segala maklumat kepada peneroka hanya di hadiri oleh 40% hingga 50% peneroka rancangan tersebut. Pihak pengurusan rancangan mengakui tentang masalah mereka menyampaikan maklumat kepada peneroka-peneroka dan kebanyakan peneroka menganggap maklumat yang di sampaikan tidak penting atau tidak sedar akan kepentingan maklumat tersebut.

vi. Peneroka FELDA Tidak Mengetahui Kepentingan dan Prosedur Pembahagian Harta Pusaka

Masalah pembahagian harta pusaka peneroka berlaku apabila peneroka tidak mengetahui kepentingan dan prosedur pembahagian harta pusaka. Hal ini di kenalpasti semasa pemerhatian dilaksanakan majoriti waris peneroka FELDA tidak merujuk kepada pihak pengurusan rancangan apabila berlaku kematian. Oleh itu, tidak hairanlah pihak pengurusan tidak mempunyai rekod kematian peneroka. Waris-warisan peneroka sepatutnya mengetahui kepentingan pembahagian harta pusaka peneroka dan proses yang perlu dilalui sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab sebelumnya. Kelalaian pihak waris peneroka dalam memberikan perhatian kepada isu ini mengakibatkan timbulnya masalah dalam pembahagian harta pusaka peneroka FELDA. Selain dari masalah-masalah pembahagian yang telah diterangkan sebelumnya terdapat keadaan yang melibatkan penangguhan proses pembahagian

harta pusaka dan melibatkan tempoh masa yang lama apabila waris-warisan gagal mengemukakan dokumen yang diperlukan. Dalam hal ini, sekiranya waris-warisan merujuk kepada pihak pengurusan pastinya isu ini tidak akan timbul kerana telah diterangkan dalam Perkeliling 1/2004 bahawa pengurus rancangan bertanggungjawab dalam memastikan pembahagian harta pusaka peneroka berjalan dengan lancar termasuklah menyediakan dokumen yang diperlukan.

vii.. Rekod Kematian dan Pindahmilik Yang Lemah di Peringkat Rancangan

Kelemahan sistem dokumentasi di peringkat rancangan ini berkait rapat dengan isu yang dikenal pasti diatas. Sebagaimana yang telah diterangkan pihak waris tidak mengetahui prosedur dan kepentingan pembahagian harta pusaka ini serta tidak menghubungi pihak pengurusan rancangan. Hal ini, mengakibatkan pihak pengurusan rancangan tidak mempunyai rekod kematian peneroka secara teratur. Kelemahan ini sebenarnya turut berpunca daripada pihak pengurusan yang sepatutnya memastikan waris-warisan ini berhubung dengan mereka seperti menyekat bayaran hasil pendapatan, pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil sehingga maklumat yang diperlukan iaitu berkaitan harta dan kematian peneroka dan ahli keluarga peneroka diserahkan kepada pihak pengurusan rancangan. Berdasarkan lawatan ke kawasan kajian dan temubual yang telah dilaksanakan di rancangan-rancangan FELDA terpilih yang dikaji sememangnya wujud masalah dokumentasi yang serius.

xii Kurang Kefahaman Tentangan Prosedur Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Di kalangan Pengurus dan kakitangan Peringkat Rancangan

Masalah pembahagian harta pusaka peneroka juga berlaku apabila pengurus dan petugas tidak mengetahui kepentingan dan prosedur pembahagian harta pusaka. Hal ini di kenalpasti semasa pemerhatian dilaksanakan majority pengurus dan petugas yang baru dilantik oleh FELDA tidak merujuk kepada pihak pengurusan wilayah dan Ibu Pejabat FELDA apabila berlaku kematian. Oleh itu, tidak hairanlah pihak pengurusan rancangan mempunyai kefahaman tentang prosedur pembahagian harta pusaka peneroka. Pengurusan rancangan sepatutnya mengetahui kepentingan

pembahagian harta pusaka peneroka dan proses yang perlu dilalui sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab sebelumnya. Apabila kurang kefahaman dan kemahiran dalam menguruskan pembahagian harta pusaka peneroka FELDA dalam memberikan perhatian kepada isu ini mengakibatkan timbulnya masalah dalam menguruskan hasil kebun dan urusan-urusan lain berkaitan dengan simati. Selain dari masalah-masalah pembahagian yang telah diterangkan sebelumnya terdapat keadaan yang melibatkan penangguhan proses pembahagian harta pusaka dan melibatkan tempoh masa yang lama apabila waris-waris gagal mengemukakan dokumen yang diperlukan dan pihak pengurusan dan petugas di rancangan tidak mengambil tindakan susulan untuk menyelesaikan masalah pembahagian harta pusaka peneroka tersebut. Dalam hal ini, sekiranya pengurus dan petugas merujuk kepada pihak pengurusan wilayah atau Ibu Pejabat FELDA pastinya isu ini tidak akan timbul kerana telah diterangkan dalam Perkeliling 1/2004 bahawa pengurus rancangan bertanggungjawab dalam memastikan pembahagian harta pusaka peneroka berjalan dengan lancar termasuklah menyediakan dokumen yang diperlukan. Sebagai contoh kes ini berlaku di FELDA Palong 5 dimana sebelum Perintah Mahkamah di keluarkan satu perjanjian telah dilaksanakan antara waris-waris yang berhak keatas harta simati tersebut.

xiv. Masalah Pembahagian Harta Pusaka Peneroka FELDA Memberi Kesan Negatif Kepada Peneroka dan Rancangan FELDA

Sebagaimana yang telah diterangkan di awal penulisan ini masalah pembahagian harta pusaka ini meninggalkan kesan negatif kepada peneroka dan rancangan FELDA. Hal ini terbukti dengan penerangan pihak pengurusan rancangan apabila terdapatnya rumah-rumah peneroka yang terbiar. Perselisihan faham dikalangan waris atau tiada waris yang berminat atau tiada waris lelaki sebagai pendinding yang sanggup atau diturunkan pemilikan harta pusaka ini mengakibatkan keadaan ini berlaku. Bagi kawasan ladang yang di uruskan oleh syarikat milik FELDA masalah pengurusan tidak timbul dan hal ini berlaku sebaliknya bagi rancangan FELDA yang ladangnya diuruskan sendiri oleh peneroka. Pihak pengurusan rancangan FELDA Palong 4 menerangkan bahawa terdapat lebih dari 5 buah rumah yang terbiar akibat masalah pembahagian harta pusaka peneroka di

rancangan tersebut. Bagi kawasan ladang pula masalah ladang terbiar juga wujud kerana waris-waris kepada peneroka ini tidak mahu mengambil alih pengurusan ladang di sebabkan ketiadaan kewangan dan masalah buruh.

5.9 Masalah Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Mengikut Faraid Dan Bercanggah Seksyen 14 Akta 530

Sebagaimana yang telah diterangkan di awal penulisan ini masalah pembahagian harta pusaka ini meninggalkan kesan negatif kepada peneroka dan rancangan FELDA. Hal ini terbukti dengan penerangan pihak pengurusan rancangan apabila terdapatnya waris-waris peneroka yang terlibat menggunakan saluran Mahkamah untuk mendapatkan hak mereka. Perselisihan faham dikalangan waris ini menyebabkan pembahagian hasilnya akan tidak dapat dimanfaatkan oleh waris-waris kerana mereka tidak mahu menggunakan saluran pengurusan rancangan. Walaupun kawasan ladang yang di uruskan oleh syarikat milik FELDA masalah pengurusan tidak timbul dan hal ini berlaku sebaliknya bagi rancangan FELDA yang ladangnya diuruskan sendiri oleh peneroka.

Percanggahan juga berlaku pada semua kes-kes kajian yang di laksanakan dimana Perlantikan Pentadbir yang dikeluarkan surat mentadbir berbeza-beza dari peranan pentadbir seperti kes harta pusaka Ab Hadziz bin Samad yang mana pentadbir di lantik hanya memilik 5/8 bahagian dan baki 3/8 bahagian di miliki oleh saudara seibu sebapa simati. Bagi perlantikan pentadbir kes harta pusaka Wahib bin Idris pula pentadbir yang dilantik hanya mentadbirkan bahagian-bahagian waris-waris yang telah di sahkan bahagian masing-masing. Kes harta pusaka M Nor b Abdul Rashid pula pentadbir yang di lantik hanya mentadbirkan harta tersebut tetapi tidak dinyatakan bahagian setiap waris yang berhak. Dalam Kes pembahagian harta pusaka peneroka FELDA Palong 5 iaitu Md Yunus b Md Zin yang mempunyai 2 dua orang isteri dan 9 orang anak hasil perkongsian hidup telah membuat tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban. Perintah Mahkamah yang di perolehi bagi harta sepencarian telah di perolehi setelah perintah pembahagian

pusaka dari Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol di perolehi dengan menyatakan bahagian setiap waris. Perintah ini ternyata bertentangan dengan Sekyen 14 Akta 530, Dalam perintah Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban juga memerintahkan supaya hasil di bahagikan mengikut hukum faraid dan bertentangan juga dengan perintah pertama yang membahagikan harta tersebut mengikut faraid. Mahkamah hanya memerintahkan supaya hasil dari harta tersebut di bahagi-bahagikan tetapi tidak di turunkan milik sebagai perlantikan pentadbir atau penurunan milik secara kekal. Oleh kerana FELDA Palong 5 telah dikurniakan hakmilik, maka nama pada hakmilik itu masih kekal dengan nama simati. Dengan demikian waris-waris akan mengalami masalah dari segi keistimewaan dalam FELDA jika tiada pemilik yang berdaftar pada hakmilik tersebut. Pihak pengurusan rancangan FELDA Palong 5 menerangkan bahawa terdapat kes-kes dimana semua waris-waris yang terlibat dengan pembahagian harta pusaka ini menuntut hak mereka iaitu pendahulu hasil yang diberikan dan akibatnya satu perjanjian telah di tandatangani antara ketua keluarga tersebut. Akibatnya wang pendahuluan hasil yang di perolehi dari ladang si mati terpaksa di simpan sehinggalah satu perintah di perolehi dari Pejabat Tanah Daerah, dan Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban tentang harta sepencarian di perolehi baharulah wang tersebut di bahagikan mengikut perintah yang di keluarkan.

5.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, analisis yang dilaksanakan membolehkan beberapa penemuan di perolehi. Analisis bilangan kes kematian peneroka di rancangan-rancangan kajian membolehkan bilangan sebenar kes yang terlibat diperolehi kerana setiap kes kematian peneroka melibatkan proses pembahagian harta pusaka. Dalam hal ini lebih kurang 65.10% dari jumlah kematian peneroka terlibat dalam pembahagian harta pusaka bagi hakmilik yang telah dikurniakan di turun milik secara kekal bagi FELDA Palong 4 dan FELDA Palong 5, manakala perlantikan pentadbir lebih kurang 9.39%. Kes pembahagian harta pusaka peneroka yang belum di kurniakan hakmilik pula 79.24% di turun milik secara kekal, dan di lantik

pentadbir sementara pula ialah 15.09%. Masalah pembahagian harta pusaka peneroka ini berlaku bukan sahaja bagi penentuan waris yang layak dan sesuai diturun milik secara kekal bahkan juga terjadi apabila permohonan pembahagian harta pusaka ini tidak dilaksanakan oleh waris-waris.

Dalam analisis yang dilaksanakan, penurunan milik secara kekal menjadi pilihan sebagai jalan penyelesaian walaupun ianya akan menafikan hak-hak waris yang lain tetapi ianya akan menjadikan harta tersebut dapat diuruskan dengan sempurna dan memberikan pulangan pendapatan kepada waris yang menerima penurunan milik tersebut. Perlantikan pentadbir sementara menjadi pilihan kedua sebagai jalan penyelesaian walaupun ia bersifat sementara dan bukanlah cara yang terbaik kerana persefahaman tidak diperolehi antara waris. Hal ini berkait rapat dengan sekatan yang dikenakan iaitu penurunan milik dan pindah milik yang terhad kepada dua nama sahaja bagi hakmilik Tanah GSA 1960. Pindaan 2002, Akta 30 mempunyai kelebihan dan memberi kesan kepada peneroka dan pihak pengurusan FELDA. Pindaan ini membolehkan dua nama di turun milik tanpa melanggar sekatan yang ditetapkan di bawah Akta 530 iaitu tidak boleh dipecah bahagi, dipecah sempadan, tidak boleh dipajak dan digadai, dan hanya boleh dijual kepada individu dan syarikat yang memenuhi syarat yang ditetapkan. Dalam kajian ini, pelbagai pendapat diperolehi dari pihak yang terlibat secara lansung dan tidak lansung dalam pengurusan pembahagian harta pusaka peneroka berkaitan pindaan ini. Terdapat yang menyokong pindaan ini dan ada juga yang membantah dengan pandangan yang berbeza. Bagi penulis, matlamat penubuhan FELDA perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum keputusan dilaksanakan iaitu untuk memajukan kawasan pertanian yang ekonomik dan sekatan yang dikenakan adalah seiring dengan matlamat tersebut. Oleh itu, dalam usaha untuk mengatasi masalah pembahagian harta pusaka peneroka ini, konsep awal penubuhan perlu diambil kira dan merupakan kaedah yang terbaik. Pemilikan kepada seorang pemilik merupakan satu kaedah penyelesaian masalah pembahagian harta pusaka peneroka yang terbaik untuk jangka panjang bagi memastikan matlamat penubuhan tanah rancangan FELDA dapat dikekalkan. Bagi masalah sampingan lain seperti hak isteri peneroka, terdapat perundangan lain yang boleh digunapakai selagi ianya tidak bertentangan dengan Akta 530.

Perkeliling Bil 1/2004 pula merupakan satu panduan yang lengkap untuk pengurus rancangan tetapi ia tidak dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini menjadi punca masalah-masalah lain di peringkat rancangan FELDA terutama kesedaran waris peneroka terhadap kepentingan pembahagian harta pusaka dan proses-proses yang perlu dilalui. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya wujud masalah dokumentasi di peringkat rancangan apabila waris-waris peneroka tidak memberikan kerjasama yang sewajarnya dalam memberikan maklumat atau merujuk kepada pihak pengurusan dalam hal pembahagian harta pusaka ini. Setelah masalah ini dikaji dan di analisis, terdapat beberapa pendapat yang akan dicadangkan oleh penulis dalam bab seterusnya.

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan

Analisis yang telah dilaksanakan dalam bab lima membolehkan beberapa penemuan di perolehi. Penemuan-penemuan tersebut adalah kaedah penyelesaian yang cenderung di pilih oleh waris peneroka, kekurangan dan kelemahan kaedah penyelesaian yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan FELDA dan Kerajaan, kekurangan penguatkuasaan Undang-undang di peringkat rancangan, kaedah penyampaian maklumat yang kurang berkesan, waris-waris peneroka FELDA tidak mengetahui kepentingan dan prosedur pembahagian harta pusaka, sistem rekod kematian dan penurunan milik yang lemah diperingkat rancangan, kurang kefahaman tentang prosedur pembahagian harta pusaka peneroka di kalangan pengurus dan kakitangan peringkat rancangan, dan kesan negatif masalah ini kepada peneroka dan rancangan FELDA. Bab ini akan merumuskan dan menerangkan cadangan dalam kajian ini. Perkara yang akan diperincikan dalam ini adalah pencapaian objektif kajian, cadangan penyelesaian, masalah kajian, limitasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan kesimpulan kajian.

6.2 Pencapaian Objektif Kajian

Dalam kajian ini terdapat tiga objektif iaitu mengenal pasti Pentadbiran Tanah Pusaka GSA 1960 di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Negara, mengkaji percanggahan peruntukan undang-undang Tanah GSA 1960 dengan Hukum Faraid dan permasalahan perwarisan dan mencadangkan satu kaedah penyelesaian masalah Pusaka Tanah GSA 1960. Bagi mencapai objektif pertama, mengenal pasti Pentadbir Tanah Pusaka GSA 1960 di Sistem Pentadbiran Tanah Negara di kaji dan diterangkan dengan terperinci dalam bab dua dan tiga. Maklumat berkaitan Pentadbiran Tanah Pusaka GSA 1960 di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Negara ini diperolehi melalui pembacaan dan penulisan buku-buku berkaitan dengan Harta Pusaka Orang Islam dan juga temubual dengan Pegawai Unit Tanah FELDA Wilayah Raja Alias. Terdapat banyak bahan-bahan bacaan yang menerangkan Sistem Pentadbiran Pusaka GSA 1960 di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Negara yang juga dikaitkan dengan pelbagai perundangan dan isu semasa. Bab empat penulisan ini menerangkan pemakaian Seksyen 14 Pindaan 2002, Akta 530 dan Perkeliling 1/2004 yang merupakan panduan untuk pengurus rancangan dan secara tidak langsung turut menerangkan proses pembahagian yang terlibat dan kajian kes pembahagian harta pusaka peneroka FELDA bagi rancangan terpilih.

Bagi mencapai objektif pertama iaitu mengenal pasti Pentadbiran Tanah Pusaka GSA 1960 di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Negara, maklumat di perolehi dari Pegawai Unit Tanah FELDA Wilayah Raja Alias, Pengurus-pengurus Rancangan dan Kakitangan FELDA di peringkat rancangan yang berkaitan melalui temubual dan lawatan kawasan kajian. Temubual dilaksanakan dengan pengurus-pengurus rancangan dan Kakitangan terlibat bagi mengenal pasti masalah Pentadbiran Tanah GSA 1960 di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Negara yang ada hubungannya dengan Pengurusan FELDA keseluruhannya. Dalam analisis kajian bagi mencapai objektif pertama ada hubungannya dari segi pemakaian perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan. Perkara ini telah diterangkan dengan jelas dalam bab dua dan tiga penulisan ini.

Objektif kedua iaitu mengkaji percanggahan peruntukan undang-undang Tanah GSA 1960 dengan Hukum Faraid dan permasalahan perwarisan. Kajian kes yang di laksanakan di rancangan-rancangan FELDA yang terpilih seperti bab 4 kes kajian harta Peneroka FELDA di Raja Alias 1, FELDA Raja Alias 4, FELDA Palong 4 dan FELDA Palong 5 dapatan kajian dan analisis yang di lakukan bahawa perlantikan pentadbir yang di perintahkan dalam Borang E dan Borang F menyatakan bahagian-bahagian yang setiap waris mengikut hukum faraid yang perlu di laksanakan. Oleh itu, pembahagian ini telah bercanggah dengan Seksyen 14 Akta 530 pindaan 2002. Analisis yang dilaksanakan terdapat percanggahan seperti yang dikaji ini adalah di sebabkan kaedah penyelesaian yang cenderung di pilih oleh waris peneroka, kekurangan dan kelemahan kaedah penyelesaian yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan FELDA dan Kerajaan, kekurangan penguatkuasaan Undang-undang di peringkat rancangan, kaedah penyampaian maklumat yang kurang berkesan, waris-waris peneroka FELDA tidak mengetahui kepentingan dan prosedur pembahagian harta pusaka, sistem rekod kematian dan penurunan milik yang lemah di peringkat rancangan, kurang kefahaman tentangan prosedur pembahagian harta pusaka peneroka di kalangan pengurus dan kakitangan peringkat rancangan, dan kesan negatif masalah ini kepada peneroka dan rancangan FELDA. Objektif ini telah dicapai dalam bab 4 dan bab 5. Dalam mencapai objektif ini, maklumat kes kajian di teliti dengan terperinci berdasarkan kepada keunikan kes dan lawatan kawasan kajian serta temubual yang dilaksanakan dengan pengurus rancangan dan kakitangan FELDA peringkat rancangan yang melaksanakan urusan pewarisan. Bagi mencapai objektif ketiga iaitu mencadangkan satu kaedah penyelesaian masalah Pusaka Tanah GSA 1960, akan diterangkan dalam bab ini.

6.3 Cadangan Penyelesaian Masalah Pusaka Tanah FELDA

Masalah pembahagian harta pusaka peneroka berpunca daripada sekatan di bawah Akta 530 yang bertujuan untuk melindungi pemilikan dan potensi pembangunan tanah. Sebagaimana yang telah diterangkan dalam penulisan ini, tanah GSA tidak boleh di pindahterik kepada lebih dari dua orang dan hanya kepada individu yang memenuhi syarat sebagaimana telah ditetapkan. Hal ini selaras dengan matlamat penubuhan FELDA itu sendiri. Bagi mengatasi masalah yang wujud beberapa cadangan penyelesaian telah di kenalpasti setelah meneliti maklumat dan pandangan individu berkepentingan dan terlibat secara langsung dalam masalah pembahagian harta pusaka peneroka FELDA. Cadangan penyelesaian ialah dengan penggunaan dua pendekatan iaitu jangka pendek dan jangka masa panjang.

Pendekatan bagi jangka masa pendek adalah melalui peningkatan kesedaran di kalangan Pengurus FELDA, peneroka dan ahli-ahli waris berhubung dengan permohonan pembahagian harta pusaka sebaik sahaja berlaku kematian, Latihan Kepada Pegawai dan Letakan Sementara di Pejabat Pusaka Kecil di setiap Negeri atau Wilayah.

A Cadangan Jangka Pendek

i. Peningkatan Kesedaran Di Kalangan Pengurus, Peneroka dan Ahli-Ahli Waris Berhubung Dengan Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Setelah Berlaku Kematian.

a. Memperbaiki Sistem Penyampaian Maklumat

Sebagaimana yang telah di terangkan dalam bab sebelumnya, lawatan kawasan kajian yang dilaksanakan mendapati penyampaian maklumat di

peringkat rancangan amatlah lemah. Dalam usaha meningkatkan kesedaran di kalangan Pengurus, Peneroka dan ahli-ahli waris penyampaian maklumat perlu diperbaiki. Bagi mengatasi masalah ini pihak Pengurusan FELDA peringkat Wilayah boleh menyampaikan maklumat secara terus kepada Pengurus dan kakitangan di peringkat rancangan dengan mengadakan sesi penerangan kepada setiap Pengurus dan kakitangan kepentingan pengurusan pembahagian harta pusaka peneroka. Penerangan ini boleh dilaksanakan dalam bentuk kursus atau seminar kepada Pengurus dan kakitangan dengan tenaga penceramah dari Pegawai Pusaka Kecil dari JKPTG.

Bagi peneroka dan ahli-ahli waris pula dicadangkan supaya program kesedaran apabila mereka datang ke Pejabat untuk mengambil hasil atau apa-apa bantuan kewangan kerana menurut pandangan pengurusan rancangan, para peneroka akan memberikan tindak balas yang cepat bagi hal-hal yang berkaitan dengan kewangan. Selain itu, program *rollcall* yang menjadi amalan sejak penubuhan FELDA kepada peneroka di fungsikan kembali pada setiap bulan supaya pentas ini dapat memberikan kefahaman dan di jadikan agenda tetap dalam setiap perjumpaan dengan peneroka dan ahli-ahli warisnya. Disamping itu juga pihak pengurusan FELDA samada peringkat rancangan, wilayah dan Ibu Pejabat hendaklah mengadakan Kaunter Khidmat Pelanggan yang boleh memberikan penerangan secara lebih terperinci tentang perlunya harta ini di uruskan dengan sempurna supaya mendapat pulangan hasil dari harta tersebut untuk kesejahteraan keluarga mereka. Pihak Pengurusan FELDA juga boleh mengadakan taklimat berkaitan pembahagian harta pusaka peneroka ini dengan lebih kerap dan mewajibkan setiap keluarga peneroka hadir.

Program-program kesedaran boleh dilaksanakan di peringkat rancangan sebagai contoh Sehari Bersama Waris, Majlis Taklimat dan Penerangan, Kaunter Pengisian dan Penghantaran Borang, Seminar atau bengkel berkaitan wasiat,

hibah dan sebagainya. Program ini bukan untuk peneroka, ahli-ahli waris peneroka tetapi perlulah turut melibatkan pihak pengurusan FELDA secara langsung. Sebagaimana yang telah diterangkan dalam cadangan di atas, penyampaian maklumat yang berkesan iaitu secara terus dan mudah difahami dalam kumpulan kecil perlu diterapkan.

b. Penguatkuasaan Undang-undang

Bagi meningkatkan lagi kesedaran di kalangan pengurus, peneroka dan ahli-ahli waris, di cadangkan penguatkuasaan undang-undang di peringkat rancangan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan perwarisan terhadap harta pusaka peneroka. Bagi mengatasi masalah ini pihak pengurusan FELDA perlulah memastikan undang-undang dikuatkuasakan sebagai contoh pembayaran hasil ladang tidak di bayar kepada waris, pinjaman wang sara hidup, pinjaman pembesaran rumah peneroka dan lain-lain lagi jika masalah penurunan kuasa secara kekal tidak mendapat perintah dari mana-mana pihak yang di beri kuasa iaitu Pejabat Pusaka Kecil. Ini bermakna pentadbir sementara tidak mempunyai hak untuk menikmati keistimewaan ini. Dengan adanya penguatkuasaan ini waris akan mengambil berat dan akan membuat permohonan pembahagian harta pusaka peneroka FELDA dengan segera dan wujud kesepakatan untuk menyerahkan bahagian masing-masing kepada seorang atau dua orang waris sahaja bagi membolehkan mereka menikmati keistimewaan tersebut serta matlamat penubuhan FELDA iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat akan dapat dicapai.

ii. Latihan Kepada Pegawai Letakan Sementara (*Attachment*) Di Pejabat Pusaka Kecil di Setiap Negeri atau Wilayah

Latihan secara Letakan Sementara (*Attachment*) bagi Pegawai Felda di Peringkat Ibu Pejabat, Wilayah dan Pengurus-pengurus rancangan di pejabat-pejabat Pusaka Kecil di Peringkat Negeri atau Wilayah bagi mereka lebih berkemahiran untuk mengendalikan kes-kes pembahagian harta pusaka peneroka di peringkat rancangan-rancangan FELDA. Latihan ini boleh dilaksanakan dalam bentuk teori iaitu di Institut Tanah Negara, di Behrang, Perak, (INSTUN) kerana Institusi ini mempunyai tenaga pengajar dan kepakaran untuk melatih dari sudut undang-undang Tanah GSA 1960, Kanun Tanah Negara dan Akta 530. Dalam latihan praktikal pula FELDA boleh menganjurkan dengan kerjasama Bahagian Pusaka Kecil, JKPTG. Program ini akan meningkatkan lagi kemahiran dan kesedaran di kalangan individu yang berada dalam pengurusan FELDA akan kepentingan menyengerakan pembahagian harta pusaka peneroka FELDA.

Dengan adanya program demikian akan menambahkan lagi bilangan kes-kes pembahagian harta pusaka peneroka FELDA dapat di selesaikan dan juga secara langsung akan dapat membantu masalah yang di hadapi oleh waris-waris peneroka dalam membuat tuntutan harta pusaka peneroka. Program ini boleh menambah kefahaman dikalangan Pengurusan dan Kakitangan FELDA dalam membantu menyelesaikan pembahagian harta pusaka peneroka dan boleh memberikan nasihat kepada semua waris-waris peneroka tentang kepentingan menyelesaikan dengan segera kes-kes harta pusaka peneroka, selepas kematian.

B. Cadangan Jangka Panjang

Bagi menambah baik lagi penyelesaian pembahagian harta pusaka peneroka FELDA memerlukan cadangan jangka panjang supaya harta yang di miliki oleh peneroka dapat memberikan pendapatan serta pulangan kepada waris-waris peneroka FELDA maka beberapa cadangan jangka panjang perlu di laksanakan supaya matlamat penubuhan FELDA tercapai.

i. Pindaan Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955 (Akta 98)

Pindaan Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955 (Akta 98) hendaklah dilaksanakan bagi membolehkan tanah-tanah diserahkan kepada pengurus dan pentadbiran FELDA bagi memohon pembahagian harta pusaka peneroka bagi pihak waris-waris. Pindaan Akta 530 ini juga meliputi pendaftaran nama pemilik berdaftar kepada FELDA sebagai Pemegang Amanah dan Pengurus Sebagai Pentadbir Harta tersebut. Ini merujuk kepada waris-waris yang ada masalah dan pertelingkahan sesama mereka, adalah sesuai jika sekiranya FELDA di lantik sebagai Pentadbir. Dengan perlantikan sebagai Pentadbir, maka tiada antara waris-waris yang boleh memanipulasi hasil ladang dan FELDA menjaga hasil sehinggalah masalah mereka diselesaikan. Bagi waris kes waris si mati yang tidak dikesan dan menyebabkan tanah terbiar, FELDA boleh memohon pusaka dan seterusnya menjadi Pemegang Amanah, bagi menguruskan ladang dan kediaman yang terbiar kosong. Bagi kes pertelingkahan antara waris yang tidak dapat diselesaikan, mungkin Pentadbir memohon tindakan melelong tanah itu di kalangan waris dan jika tiada yang mampu untuk membayar harga lelong maka boleh di tawarkan kepada FELDA untuk mengambilnya. Ini adalah suatu cara bagi mengelakkan harta itu dimiliki oleh pihak luar yang bukan peneroka dan tanah itu masih boleh di usahakan berdasarkan matlamat penubuhan FELDA dan memenuhi hasrat Kerajaan.

ii. Rekod Daftar Pemilik

Rekod Daftar Pemilik hendaklah di wujudkan bagi menyimpan nama individu yang berkaitan di simpan oleh pihak FELDA bagi tujuan tindakan selanjutnya. Rekod-rekod ini penting bagi mengenalpasti pemilik setiap harta tersebut dan waris-waris yang berhak ke atas harta tersebut. Ini adalah di sebabkan apabila ada cadangan pembangunan di kawasan yang melibatkan harta itu tindakan pemberitahuan boleh dilaksanakan dengan segera dan waris-waris yang terlibat boleh mendapat faedah dari pembangunan yang dilaksanakan di atas harta tersebut. Rekod daftar pemilik ini hendaklah dipautkan ke semua Pejabat-Pejabat Tanah Daerah dan Pendaftar Hakmilik Negeri-negeri seluruh Malaysia. Rekod ini penting di pautkan kerana segala pertukaran pemilik, pembayaran cukai serta tunggakan cukai dapat dijelaskan oleh pihak yang berkepentingan ke atas harta tersebut.

iii. Mewujudkan Dana atau Tabung Amanah

Bagi penyelesaian pembahagian nilai balasan dengan wang, di cadangkan supaya pihak FELDA mewujudkan Dana atau Tabung Amanah untuk menebus kembali harta tersebut. Dana ini adalah berbentuk pinjaman kepada waris-waris. Ini bertujuan supaya waris-waris mendapat peluang untuk memiliki harta tersebut dan waris-waris lain akan dapat nilai balasan wang kerana tidak memiliki harta yang mereka mempunyai hak. Pinjaman ini boleh dibayar semua oleh waris berkenaan melalui sistem potongan hasil ladang secara ansuran dan ladang diserahkan kepada FELDA untuk di uruskan supaya boleh membayar balik pinjaman. Penyediaan dana ini boleh membantu waris dan seterusnya boleh mengelakkan daripada berlakunya pemilikan secara Pentadbir yang akan memberikan kesan yang negatif dalam jangka masa panjang. Dana ini juga boleh digunakan oleh waris-waris peneroka yang tidak mempunyai waris lelaki sebagai

pendinding bagi mengelakkan harta tersebut dimiliki oleh Baitulmal atau waris-waris yang berada diluar FELDA terutamanya waris peneroka seibu sebapa. Kes Kajian FELDA Raja Alias 1 dapat menjelaskan masalah ini kerana simati (Peneroka) tidak mempunyai waris lelaki, maka harta tersebut telah dibahagikan secara faraid oleh saudara seibu sebapa bagi pihak lelaki.

iv. Mewujudkan Badan Amanah FELDA

FELDA hendaklah mewujudkan Badan Amanah FELDA bagi membangunkan tanah pemilik yang waris tidak dapat dikesan atau waris tidak berminat untuk membangunkan semula tanah tersebut. Dengan adanya Badan Amanah ini FELDA boleh bertindak selaku agensi pembangunan yang lebih berkesan bersesuaian dengan matlamat untuk memajukan sektor pertanian negara dan memberikan pulangan kepada pemilik tanah tersebut. Apabila Badan Amanah ini di wujudkan maka masalah dalam pengurusan ladang dan pembayaran cukai dan lain-lain boleh diuruskan oleh Badan Amanah ini. Keuntungan dari pembangunan semula tanah ini boleh dibahagikan kepada waris-waris berdaftar dalam Rekod Daftar Pemilik yang diwujudkan. Cadangan ini merujuk kepada kes-kes harta pusaka peneroka yang mempunyai waris terlalu ramai dan tiada penyelesaiannya. Apabila Badan Amanah ini dapat ditubuhkan nercahaya semua peneroka akan berpuashati kerana harta yang miliki dapat di nikmati oleh semua waris-warisnya dan masalah pengurusan ladang dan hasil akan di urukan oleh Badan Amanah ini.

v. Pindaan Akta Tanah 1960 (Akta 530)

Pindaan Akta Tanah 1960 (Akta 530) yang tidak membenarkan Pemegang surat Kuasa Wakil membuat sebarang urusan ke atas tanah tersebut. Urusniaga yang berkaitan dengan tanah seperti dalam Kanun Tanah

Negara 1965 ialah pindahmilik, gadaian, pajakan, pajakan kecil dan lain-lain yang mengakibatkan liabiliti ke atas tanah tersebut. Pindaan Akta 530 ini hendaklah dijadikan dasar dalam menjaga hak-hak peneroka dan waris-warisnya supaya matlamat penubuhan FELDA dan hasrat Kerajaan tercapai iaitu Membasmi Kemiskinan dan Menyusun Semula Masyarakat seperti kehendak Dasar Ekonomi Baru. Disamping itu dengan mengekalkan pindaan tersebut akan menjamin pemilikan harta bagi seseorang individu tersebut.

6.4 Masalah Kajian

Dalam usaha melaksanakan kajian ini terdapat beberapa masalah yang terpaksa dihadapi. Masalah ini memberikan kesan kepada pengumpulan maklumat contohnya tidak semua senarai kes pembahagian harta pusaka peneroka FELDA yang diberikan oleh pengurusan rancangan mempunyai maklumat yang lengkap. Hal ini berkait rapat dengan sistem dokumentasi atau rekod yang kurang sistematik. Masalah dokumentasi ini bukan sahaja berlaku di pejabat-pejabat rancangan kawasan kajian tetapi juga meliputi semua rancangan di Wilayah Raja Alias. Rekod-rekod kematian, rekod permohonan pusaka, rekod perintah tidak di dokumentasikan dengan teratur dan sempurna. Ini disebabkan kurangnya pengetahuan kepada pengurusan rancangan dan kakitangan khusus yang mahir mengendalikan kes-kes pembahagian harta pusaka peneroka tidak di latih secara formal. Berdasarkan pemerhatian dan semakan yang dilaksanakan dikawasan kajian ketiadaan rekod kematian dan permohonan pembahagian harta pusaka peneroka untuk setiap individu. Hal ini menyebabkan berlakunya kekeliruan di kalangan kakitangan di peringkat rancangan apabila hendaklah melaksanakan perintah. Disamping itu, rekod-rekod waris-waris setiap peneroka tidak di simpan secara teratur dan sistematik serta menimbulkan masalah apabila berlaku kematian, waris-waris akan lewat memohon penyelesaian pembahagian harta pusaka peneroka.

6.5 Limitasi Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pembahagian harta pusaka peneroka tanah FELDA sahaja. Pemerhatian dan kajian yang dilaksanakan ini tidak termasuk isu pemilikan tanah dan pembangunan, hanya hal pembahagian harta pusaka peneroka FELDA sahaja dikaji. Isu pembahagian harta pusaka ini tidak melibatkan harta alih peneroka FELDA seperti saham, kenderaan dan wang simpanan peneroka. Lokasi yang di kaji hanya di rancangan terpilih di FELDA Wilayah Raja Alias sahaja yang melibatkan dua rancangan yang belum di kurniakan hakmilik dan dua rancangan yang dikurniakan hakmilik sebagai kes kajian.

6.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan ini terdapat berbagai isu yang boleh dikaji berkaitan dengan tanah FELDA. Antaranya:

- i. Berkaitan dengan pembahagian harta pusaka yang melibatkan pembahagian harta sepencarian juga boleh dikaji dengan lebih mendalam kerana wujud masalah apabila peneroka berkahwin lebih dari satu. Dalam isu ini kebanyakan isteri-isteri atau bekas-bekas isteri peneroka yang tidak mengetahui hak mereka.
- ii. Berkaitan dengan pemilikan tanah oleh generasi kedua FELDA yang tinggal di tanah-tanah rancangan terutamanya masalah perumahan mereka, kerana pada masa kini wujudnya setinggian dalam kawasan penempatan di tanah rancangan FELDA.

6.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya dilaksanakan dengan tercapainya ketiga-tiga objektif kajian yang dibentuk di awal penulisan iaitu mengenal pasti Pentadbiran Tanah Pusaka GSA 1960 di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Negara, mengkaji percanggahan peruntukan undang-undang Tanah GSA 1960 dengan Hukum Faraid dan permasalahan perwarisan dan mencadangkan kaedah penyelesaian masalah Pusaka Tanah GSA 1960.

Mengenal pasti Pentadbiran Tanah Pusaka GSA 1960 di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Negara ini bukan sahaja memberikan kesan kepada peneroka tetapi juga kepada pembangunan tanah tersebut dan pihak pengurusan FELDA. Hal ini di akui oleh pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam Pentadbiran Tanah Pusaka GSA 1960 ini. Bagi mencapai objektif ini penulis telah meneliti menerusi pembacaan dan temubual dengan pihak-pihak di kawasan kajian yang terpilih.

Bagi mencapai objektif kedua iaitu mengkaji percanggahan peruntukan undang-undang Tanah GSA 1960 dengan Hukum Faraid dan permasalahan perwarisan, penulis telah meneliti rekod-rekod kes yang ada di kawasan kajian bagi mendapat maklumat dan ketepatan keputusan yang di laksanakan oleh Unit Pusaka Kecil, JKPTG berkaitan dengan keunikan kes. Kes pembahagian harta pusaka peneroka FELDA Raja Alias 1, FELDA Raja Alias 4, FELDA Palong 4 dan FELDA Palong 5 menjadi rujukan kerana terdapatnya percanggahan dari segi perundangan Tanah GSA 1960 dimana keputusan yang dibuat oleh Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol dan Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban tidak bertepatan dengan kehendak Seksyen 14 dan 15 Akta Tanah Berkelompok 1960 dan Perkeliling JKPTG 1/2004.

Kesimpulannya, matlamat kajian ini ialah mencadangkan kaedah penyelesaian harta pusaka peneroka FELDA yang lebih berkesan seperti objektif ketiga iaitu mencadangkan satu kaedah penyelesaian masalah Pusaka Tanah GSA 1960 telah di capai dengan melibatkan perundangan iaitu pindaan kepada Akta 98 dengan memasukan FELDA sebagai Pemegang Amanah atau Pentadbir. Dengan demikian FELDA boleh mewujudkan sistem rekod pendaftaran pemilik serta mewujudkan dana sebagai pinjaman kepada waris-waris untuk nilai wang. Disamping itu juga FELDA boleh menubuhkan sebuah Badan Amanah yang boleh menguruskan pembangunan tanah tersebut. Akta 530 perlu pindaan yang kecil dengan tidak membenarkan pemegang surat kuasa wakil membuat sebarang urusan berkaitan dengan harta tersebut. Pindaan ini perlu dilakukan untuk jangka masa panjang bagi memastikan pembangunan tanah pertanian yang ekonomik.

Pendekatan jangka masa pendek pula suatu kaedah sementara untuk menyelesaikan pembahagian harta pusaka peneroka. Selain penguatkuasaan undang-undang di peringkat rancangan dan penyampaian maklumat secara berkala perlu dilaksanakan dalam kumpulan kecil. Latihan kepada semua lapisan kakitangan perlu dilakukan dengan kerjasama JKPTG bagi memberikan kesan kepada pengurusan harta pusaka peneroka dan pemahaman dari aspek perundangan GSA 1960 dan Akta 98. Kajian-kajian kes yang dilakukan telah dapat menerangkan dengan terperinci dalam penulisan ini.

BIBLIOGRAFI

Abdullah Muhammad (2007), *Ke Arah Penyelesaian Harta Pusaka Kecil Yang Lebih Bersepadu Cekap dan Cemerlang*; Kertas Konvensyen Perwarisan Harta Islam. Kuala Lumpur

Abdul Aziz Hassan (2007), *Pindaan Terhadap Seksyen 14 Akta Tanah (Penempatan Berkelompok) 1960 yang Menghadkan Pemilikan Tanah Rancangan Felda Kepada Pemilikan Tidak Melebihi Dua (2) orang, Isu Perwarisan Tanah di Kalangan Peneroka Felda Tidak Akan Selesai Malah Akan Lebih Rumit Apabila Melibatkan Kematian Generasi Kedua*, Jurnal Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian, Persekutuan, Kuala Lumpur.

Ahmad Muhammad Abd. Ghafar (2005), *PENGURUSAN HARTA, Pusaka, Wasiat, Hibah dan Wakaf*, Pustaka Syuhada, Kuala Lumpur.

Khamis Mat Som (2006), *Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 & Pembangunan Masyarakat Felda*; Jurnal Instun, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan INSTUN, Perak.

Muhammad Ali As-Sobuniy (2004), *Hukum-Hukum WARISAN*, Al-Hidayah Publishers. Kuala Lumpur

Mohd Fitri Abdul Rahman (2007), *Bagaimana Mengurus Harta PUSAKA*, PTS Professional Publishing Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Md Ghazali Ibrahim (2006), *Kenapa Mesti Merancang Pusaka*, Tijarah Network, Tanjung Malim, Perak.

Mohd Ridzuan Awang (2007), *Isu-Isu Semasa Dalam Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam Di Malaysia; Isu Syariah dan Undang-Undang*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Selangor.

Mohd Tarmizi Ahmad Nordin (2007), *Masalah Penyelesaian Harta Pusaka dan Sistem Penamaan Oleh Syarikat Insuran dan Takaful*, Kertas Konvensyen Perwarisan Harta Islam, Kuala Lumpur

Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang (2006), *UNDANG-UNDANG PUSAKA ISLAM, Perlaksanaan di Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Noor Aziah Md Awal (2007), *Masalah-masalah Perwarisan Wanita*, Kertas Konvensyen Perwarisan Harta Islam, Kuala Lumpur

Othman Yaacob (2007), *Pembentukan Trust Hibah Sebagai Alternatif Perancangan Harta*, Universiti Malaysia. Kuala Lumpur.

Pewancheek Marican (2008). *Islamic Inheritance Laws In Malaysia 2nd* ; Law Journal Sdn. Bhd. Kuala Lumpur

Saifuldin Aziz @Abdul Aziz (2009), *Kekangan Dalam Perwarisan Tanah Pusaka FELDA Di Bawah Akta (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Kajian Kes Di Felda Soeharto, Daerah Hulu Selangor, Selangor.*

Sharifah Junaidah Syed Mohamed (2007), *Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Felda*, Projek Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, UTM, Johor.

Siti Zalikhah Md Nor (1996), *Pemilikan Harta Dalam Perkahwinan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Sulaiman Kadimi (2002), “*Pembahagian Harta Orang-orang Yang Telah Mati dan Mempunyai Tanah di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960*” : Kertas Seminar Perundangan Harta Pusaka Kecil. Kuala Lumpur.

Tengku Maimun Tuan Mat (1982), *Satu Kajian Tentang Sistem Perwarisan Felda-Dengan Merujuk Kepada Pesaka Islam*; Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wan Halim Wan Hassan (2006), *Pengurusan Dan Pembahagian Harta Pusaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Perundangan:

Perlembagaan Persekutuan Pindaan, 2007

Akta-Akta

Akta (Pembahagian) Harta Pusaka Kecil, 1955 (Akta 98)

Akta Pembahagian Pusaka, 1958

Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 (Akta 97)

Akta Tanah GSA (Kawasan Tanah Berkelompok) 1960 (Akta 530)

Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta No. 532)

Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965)

Perkeliling-Perkeliling

Perkeliling KPTG Bil 18/1976

Perkeliling KPTG Bil 2/2003

Perkeliling KPTG Bil 1/2004

Perkeliling Jabatan Tanah Felda, Bil 1/2004, Kuala Lumpur.

Laman Web

www.kptg.gov.my

www.felda.net.my

www.instun.gov.my

Temubual

Abd Rahman Ali Hassan (2010), Pengurus Rancangan Felda Raja Alias 4, Jempol, Negeri Sembilan.

Abd Shukor Aziz (2010) Pegawai Unit Pusaka Kecil Daerah Jempol, Negeri Sembilan

Ahmad Tarmizi Mohd Tahir (2010), Pengurus Felda Palong 5, Jempol, Negeri Sembilan

Farah Naquiyah Najamudin (2010), Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jempol, Negeri Sembilan

Dharma Suria Sedek (2010), Penyelia Rancangan Felda Palong 5, Jempol, Negeri Sembilan.

Ibrahim Ismail (2010), Pengurus Felda Palong 4, Jempol, Negeri Sembilan

Mohd Azahari Dohari, (2010), Penyelia Rancangan Felda Palong 4, Jempol, Negeri Sembilan

Mohd Yazid Shafie (2010), Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (Ugama), Felda Wilayah Raja Alias, Jempol. Negeri Sembilan

Othman Paimon (2010), Pengurus Rancangan Felda Raja Alias 1, Jempol, Negeri Sembilan.

Rokiah Musa (2010), Penerokawati Rancangan Felda Raja Alias 4, Jempol. Negeri Sembilan.

Siti Rahmah Daud (2010), Pembantu Pembangunan Masyarakat (Wanita), Felda Raja Alias 4, Jempol, Negeri Sembilan.

Yusof Mohamad (2010) Pegawai Tadbir (Tanah), Felda Wilayah Raja Alias, Jempol, Negeri Sembilan.

Lain-Lain

Buku Panduan Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Kecil (1998). Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.